

BAB 4

ANALISIS SINTAKSIS GAYA BAHASA PENAFIAN DALAM SURAH AL-AN‘A:M

4.1 PENGENALAN

Perbincangan tentang gaya bahasa penafian telah dibincangkan dalam bab-bab yang terdahulu. Bab ini akan memperincikan penganalisaan sintaksis dalam surah al-An‘a:m dengan merujuk kepada teori-teori yang telah dikemukakan.

Bagi memudahkan pemahaman dalam perbincangan bab ini, beberapa proses perlu dijalankan terhadap surah al-An‘a:m yang telah dipilih. Proses-proses tersebut dapat disenaraikan seperti berikut :-

1. Memperkenal secara ringkas tentang surah al-An‘a:m.
2. Ayat yang mengandungi huruf nafi akan dikeluarkan dan akan diteliti satu persatu.
3. Ayat akan dihuraikan dari sudut struktur pemakaian huruf nafi.
4. Ayat yang mempunyai unsur *bala:ghat* akan turut dibincangkan untuk melihat unsur kesenian dan keindahan gaya bahasa yang digunakan.
5. Ayat kemudian dibincangkan dari aspek yang mendorong kepada penggunaan huruf nafi.
6. Kekekapan penggunaan satu-satu huruf nafi dan subjek yang dinafikan dari jenis kata nama dan kata kerja akan dinilai setelah ke semua ayat-ayat yang mengandungi huruf telah seperti dalam proses 1-5.

4.2. PENGENALAN TERHADAP SURAH AL-AN‘A:M

Surah al-An‘a:m (binatang ternak) ialah surah Makkiah kecuali ayat 20, 23, 91, 93, 114, 141, 151, 152, 153 yang diturunkan di Madinah selepas hijrah¹. Surah al-An‘a:m tersusun dalam tertib yang ke-6 dalam susunan surah dalam al-Quran yang mengandungi 165 ayat. Nama surah diambil bersempena dengan sebutan perihal binatang ternak bermula daripada ayat yang ke-136

﴿ وَجَعَلُوا لِلَّهِ مِمَّا ذَرَأَ مِنَ الْحَرْثِ وَالْأَنْعَامِ نَصِيبًا فَقَالُوا هَذَا لِلَّهِ بِزَعْمِهِمْ وَهَذَا لِشُرَكَائِنَا ﴾

Terjemahan :

*Dan mereka (orang-orang musyrik) menguntukkan dari hasil tanaman dan **binatang-binatang ternak** yang diciptakan oleh Allah itu, sebahagian bagi Allah (dan sebahagian lagi untuk berhala-berhala mereka), lalu mereka berkata: ini untuk Allah - menurut anggapan mereka - dan ini untuk berhala-berhala kami."*²

Surah al-An‘a:m memperihalkan tentang keesaan dan kekuasaan Allah s.w.t dan kerasulan Nabi Muhammad s.a.w dengan dalil-dalil yang kukuh dan tegas bagi mematahkan hujjah-hujjah golongan-golongan yang telah mendustakan Allah dari kalangan musuh Islam. Dalam surah ini juga Allah s.w.t telah merakamkan azab yang telah ditimpakan ke atas umat yang terdahulu dengan sebab kekufuran mereka terhadap nikmat yang telah dikurniakan oleh Allah serta pendustaan mereka terhadap para nabi dan rasul a.h.m.

Allah s.w.t juga memberi peringatan kepada manusia yang berpaling daripada ajaran al-Quran dengan balasan azab di hari akhirat dan jaminan keselamatan kepada orang-orang yang beriman dan bertakwa kepada Allah kerana Allah sahaja yang akan menyelamatkan mereka di akhirat kelak.

¹ Taisi:r al-‘Aliyya al-Qadi:r likhtiṣa:r Tafsi:r Ibnu Kathi:r jld.2 hlm 107

² Tafsi:r Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 326

Allah kemudian menyebut tentang kekuasaanNya yang menjadikan langit dan bumi dan memperlihatkanNya kepada Nabi Ibrahim a.s dan menyebut pula tentang zuriat keturunannya dari kalangan orang-orang yang soleh tetapi telah didustai oleh kaum Yahudi. Mereka telah diberikan kitab Taurat tetapi mereka sembunyikan daripada memperlihatkanNya kepada orang ramai tentang ajaran yang terkandung didalamnya.

Kemudian Allah menyebut pula tentang golongan yang mempersekutukan Allah serta berada dalam kesesatan. Golongan yang berada dalam kesesatan akan sentiasa menghasut supaya memakan makanan yang haram dari sembelihan yang tidak disebutkan nama Allah. Mereka adalah dari kalangan musuh Allah yang terdiri dari syaitan, jin dan manusia yang menghasut manusia supaya bersama-sama dengan mereka.

Orang-orang musyrikin telah menetapkan bagi mereka apa yang boleh dan apa yang tidak boleh terhadap binatang ternak mereka dari sudut halal dan haram bagi mereka tetapi mereka telah mendustakan ketetapan Allah mengenai halal dan haram itu. Allah juga telah memberikan rezki yang melimpah-ruah dengan menjadikan kebun-kebun mereka subur dan menghasilkan buah yang banyak dan mengingatkan mereka agar tidak membazir serta tidak lupa untuk mengeluarkan zakat.

Seterusnya pada penghujung surah ini, kita diseru agar mentauhidkan Allah dan jangan sekali-kali mencari selain Allah. Tiap-tiap manusia yang melakukan dosa terhadap Allah diseru agar segera memohon keampunan dari Allah kerana kita kelak akan dikembalikan kepada Allah.

4.3 ANALISIS GAYA BAHASA NAFI DALAM SURAH AL-AN‘A:M.

Topik ini akan membicarakan beberapa aspek penting tentang penggunaan gaya bahasa penafian. Penggunaan gaya bahasa penafian sebanyak 81 ayat daripada keseluruhan ayat sebanyak 165 ayat dalam surah ini merupakan indikator yang menunjukkan kepentingan penggunaan gaya bahasa penafian dalam ayat. Untuk mengetahui subjektif dan tujuan penggunaan gaya bahasa penafian dan menyelami kehalusan seni bahasanya, penganalisaan dari beberapa aspek perlu dititikberatkan agar kemu'jizatan al-Quran akan lebih terserlah. Antara aspek penting yang perlu diberi perhatian iaitu :

- A. Perbincangan ringkas tafsiran ayat
- B. Fleksi ayat dan huruf nafi
- C. Struktur penggunaan huruf nafi dan aspek kekuatan penggunaannya dalam ayat-ayat tertentu yang mempunyai unsur kesenian dan keindahan gaya bahasa

Berikut dikeluarkan ayat-ayat dari surah al-An‘a:m yang mengandungi gaya bahasa penafian dan disertakan dengan tafsiran, fleksi dan penerangan struktur ayat :

4.3.1 Ayat 4

﴿ وَمَا تَأْتِيهِمْ مِّنْ آيَةٍ مِّنْ آيَاتِ رَبِّهِمْ إِلَّا كَانُوا عَنْهَا مُعْرِضِينَ ﴾

Terjemahan :

Dan tidak ada sesuatu keterangan yang sampai kepada mereka (yang kafir) dari keterangan-keterangan Tuhan mereka, melainkan mereka selalu berpaling daripadanya (enggan menerimanya).¹

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 288

A. Tafsiran ayat :

Ayat di atas menerangkan bahawa apa sahaja keterangan, dalil-dalil, mukjizat-mukjizat dan bukti-bukti dalam al-Quran, mereka (orang-orang kafir) akan memalingkan pandangan mereka. Al-Qurtubiy berkata : berpaling bermaksud berpaling dari melihat bukti-bukti yang menjadi dalil ke arah mentauhidkan Allah serta mukjizat yang menjadi dalil kebenaran kerasulan Nabi Muhammad yang menjadi utusan Allah.¹

B. Fleksi :

مَا تَأْتِيهِمْ	
“tidak ada sesuatu keterangan yang sampai kepada mereka (yang kafir)”	
مَا	Huruf nafi tidak berfungsi
تَأْتِيهِمْ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris hadapan secara andaian di atas suku kata ياء kerana proses pengujaran yang berat. Gantinama هم adalah maf'u:lun bih (مفعول به) <i>mabniy</i> dengan kasus berbaris sukun

Jadual Fleksi 1

C. Struktur penggunaan huruf nafi :

Penggunaan huruf مَا dalam jadual fleksi 1 merujuk kepada makna nafi dan tidak berfungsi. Penggunaan مَا dengan makna penafian melihat kepada *siya:q al-kala:m* (konteks ayat).²

Penyampaian ayat ini dimulakan dengan penafian kata kerja kala kini/depan. Penggunaan مَا beserta dengan kata kerja kala kini/depan telah menunjukkan penafian semasa. Dalam konteks ayat ini, segala keterangan yang terdiri dari dalil-dalil, mukjizat-mukjizat serta tanda-tanda kekuasaan Allah yang disampaikan pada masa itu walaupun

¹ Al-Ja:mi' li ahka:m al-Qura:n jld.8 hlm 323

² Mulakhkhas Qawa'id al-Lughat al-'Arabiat hlm 150

dengan hanya satu bukti sahaja telah dinafikan oleh Allah. Dengan penggunaan perkataan **إِلَّا** partikel *ḥaṣr* (حصر) dalam ayat yang sama, ia telah mengithbatkan hukum ayat tersebut. Hakikatnya Allah mendatangkan segala keterangan yang jelas pada masa itu sebagai bukti kekuasaan Allah tetapi orang-orang kafir ini telah mengabaikannya.

Pemakaian uslub *qaṣr* dengan menggunakan huruf nafi dan perkataan **إِلَّا** dalam ayat ini telah menegaskan penolakan orang-orang kafir terhadap segala bukti kekuasaan Allah dan menunjukkan bahawa sifat penolakan dan keingkaran adalah merupakan suatu keadaan (حال) bagi orang-orang kafir. Allah telah mengetahui bahawa orang-orang kafir ialah orang yang mengingkari kekuasaan dan keesaan Allah tetapi bagi menegaskan segala sikap dan sifat kekufuran mereka maka pemakaian uslub ini adalah yang paling sesuai untuk tujuan itu.

4.3.2 Ayat 6

﴿ **أَلَمْ يَرَوْا كَمْ أَهْلَكْنَا مِنْ قَبْلِهِمْ مِنْ قَرْنٍ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ مَا لَمْ لَمْ نُمَكِّنْ لَكُمْ وَأَرْسَلْنَا السَّمَاءَ عَلَيْهِمْ مِدْرَارًا وَجَعَلْنَا الْأَنْهَارَ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهِمْ فَأَهْلَكْنَا هُمْ بِذُنُوبِهِمْ وَأَنْشَأْنَا مِنْ بَعْدِهِمْ قَرْنًا آخَرِينَ** ﴾

Terjemahan :

Tidakkah mereka memerhati dan memikirkan berapa banyak umat-umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka, padahal (umat-umat itu) telah Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi (dengan kekuasaan dan kemewahan) yang **tidak Kami berikan** kepada kamu, dan Kami turunkan hujan atas mereka dengan lebatnya, dan Kami jadikan sungai-sungai mengalir di bawah mereka, kemudian Kami binasakan mereka dengan sebab dosa mereka mereka, dan Kami ciptakan sesudah mereka, umat yang lain?¹

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 289

A. Tafsiran ayat :

Ayat ini bermaksud celaan terhadap orang kafir yang tidak mengambil iktibar dengan kemusnahan dan kehancuran yang ditimpakan oleh Allah ke atas ummat yang terdahulu disebabkan pendustaan mereka kepada Rasul-rasul dan Nabi-nabi yang diutuskan oleh Allah kepada mereka. Mereka itu telah dikurniakan dengan kedudukan yang teguh dan nikmat yang melimpah ruah dengan hujan yang lebat serta sungai-sungai yang mengalir di bawah pokok-pokok dan kediaman-kediaman mereka.

Mereka telah dimusnahkan disebabkan dosa mereka, ini merupakan satu amaran terhadap orang-orang kafir bahawa mereka juga akan ditimpakan dengan perkara yang sama seperti ummat yang terdahulu sedangkan mereka pada masa itu dalam kekuatan dan keteguhan di atas muka bumi. Mereka kemudian digantikan dengan ummat yang lain dari mereka. Abu Hayyan berkata bahawa kenyataan ini adalah untuk membentangkan kepada pendengar tentang kemusnahan sekiranya mereka engkar seperti keenggaran ummat yang terdahulu.¹

B. Fleksi :

Terdapat satu huruf nafi yang digunakan dua kali dalam ayat ini :

أَلَمْ يَرَوْا “tidakkah mereka memerhati dan memikirkan”	
أ	Kata tanya bermaksud pengakuan dan celaan serentak
لَمْ	Huruf nafi menjazamkan kata kerja kala kini/depan dan mengubah maksud kepada kala lepas
يَرَوْا	Kata kerja kala kini/depan <i>majzu:m</i> dengan huruf لَمْ . Kasus <i>jazm</i> dengan menghazafkan huruf ن . الواو di tempat nominatif pelaku jama'an

Jadual Fleksi 2

¹ Tafsir al-Bahr al-Muhi:t jld.4 hlm 80

لَمْ نُمَكِّنْ “yang tidak Kami berikan kepada kamu”	
لَمْ	Huruf nafi menjazamkan kata kerja kala kini/depan dan mengubah maksud kepada kala lepas
نُمَكِّنْ	Kata kerja kala kini/depan <i>majzu:m</i> dengan huruf لَمْ. Tanda <i>jazm</i> dengan kasus berbaris sukun. Pelakunya ialah gantinama tersembunyi dengan andaian iaitu نحن (keagungan Allah)

Jadual Fleksi 3

C. Struktur penggunaan huruf nafi :

Huruf nafi yang digunakan dalam jadual fleksi 2 dan 3 ayat ini merupakan huruf yang menjazamkan kata kerja kala kini/depan. Kata kerja kala kini/depan yang didepani huruf ini akan berubah kepada bentuk *majzu:m* dan mengubah makna ayat kepada kala lampau.

Makna ayat yang jelas bagi ayat 1 ayat ini (أَلَمْ يَرَوْا) “tidakkah mereka memerhati dan memikirkan” menunjukkan bahawa pemerhatian dan pemikiran memang telah berlaku. Begitu juga dengan ayat 2 ayat ini (لَمْ نُمَكِّنْ) “yang tidak Kami berikan kepada kamu” yang menunjukkan bahawa pemberian telah berlaku. (lihat perbandingan makna dalam kedua-dua ayat ini dalam **lampiran 2**)

Penggunaan ayat penafian dalam kedua-dua ayat tadi telah menyerlahkan celaan Allah terhadap kaum musyrikin kepada pendengar ataupun pembaca al-Quran. Penggunaan struktur ayat yang ringkas telah menjelaskan lagi maksud celaan. Ini diikuti pula dengan penggunaan kali kedua huruf لَمْ dalam ayat yang sama. Antara مَكْنَاهُمْ (yang kami telah berikan) dengan لَمْ نُمَكِّنْ (yang belum lagi kami berikan) mempunyai unsur kesenian dan keindahan bahasa yang disebut sebagai *muqa:balat salbiyyat*. Kekuatan uslub ini

akan memberikan gambaran kepada pendengar bahawa kurniaan yang terdahulu sama sekali tidak sama dengan lain-lain pemberian.

4.3.3 Ayat 7

﴿ وَلَوْ نَزَّلْنَا عَلَيْكَ كِتَابًا فِي قِرْطَاسٍ فَلَمَسُوهُ بِأَيْدِيهِمْ لَقَالِ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنَّ هَذَا إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴾

Terjemahan :

Dan kalau Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) sebuah kitab (yang bertulis) pada kertas, lalu mereka memegangnya dengan tangan mereka, nescaya orang-orang yang kafir itu berkata: "Ini tidak lain, hanyalah sihir yang terang nyata".¹

A. Tafsiran ayat

Allah Ta'ala memberitahu berkenaan dengan kedegilan kaum musyrikin, penolakan mereka terhadap kebenaran, berbangga-bangga diri serta sering bermusuhan. Jika diturunkan kepada mereka kitab yang nyata dengan penglihatan mereka serta disampaikan pula kepada mereka nescaya mereka (orang-orang musyrikin) akan berkata bahawa ia adalah suatu sihir yang nyata.²

B. Fleksi

<p style="text-align: center;">إِنْ هَذَا إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ</p> <p style="text-align: center;"><i>"Ini tidak lain, hanyalah sihir yang terang nyata"</i></p>	
إِنْ	Huruf nafi tidak berfungsi kerana tidak memenuhi syarat kefungisian kerana terdapat huruf <u>إِلَّا</u>
هَذَا	Subjek nominatif mabniy
إِلَّا	Partikel <i>istithna:</i> ' menunjukkan <i>al-ḥaṣr</i> ataupun <i>al-qasr</i>
سِحْرٌ مُّبِينٌ	Predikat nominatif dengan kasus berbaris hadapan dan <i>na'at</i> nominatif dengan kasus berbaris hadapan

Jadual Fleksi 4

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 289

² Tafsir al-Qur'a:n al-'Azi:m jld.2 hml28

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Dalam ayat kedua pula huruf nafi yang digunakan juga tidak mempunyai fungsi kerana tidak memenuhi syarat kefungsiannya. Ini kerana terdapat huruf *istithna:’* إِلَّا selepasnya dalam ayat yang sama. Ayat ini merupakan cakap pindah dari dakwaan orang kafir jika mereka dapat melihat dan memegang kitab yang bertulis berada di hadapan mereka. Ia dimulakan dengan huruf nafi kemudian diikuti dengan partikel *istithna:’*. Gabungan kedua-dua huruf ini telah mengithbatkan hukum ayat tersebut.¹

Penjelasan struktur ayat :

سِحْرٌ مُّبِينٌ	إِلَّا	هَذَا	إِنْ
predikat	huruf <i>istithna:’</i>	subjek	huruf nafi

Jika huruf *ḥaṣr* dan huruf nafi dibuang, ayat yang terbentuk ialah :

سِحْرٌ مُّبِينٌ	هَذَا
predikat	subjek

Penggunaan huruf nafi yang bergandingan dengan huruf *istithna:’* إِلَّا yang disebut sebagai uslub *al-qasr* dalam ayat ini adalah untuk memberikan penegasan ke dalam hati pendengar. Penggunaan kalimah لَا النَّافِيَةِ dalam ayat bertujuan menguatkan ayat tersebut.²

¹ Ayat 7, 25 dan 57 surah Al-An‘a:m

² Surah al-Ma‘ida: ayat 110, surah al-An‘a:m ayat 7, surah Hu:d ayat 7, surah Saba’ ayat 43, surah Sa:ffa:t ayat 15.

4.3.4 Ayat 8

﴿ وَقَالُوا لَوْلَا أُنزِلَ عَلَيْهِ مَلَكٌ وَلَوْ أَنْزَلْنَا مَلَكَاً لَفُضِيَ بِالْأَمْرِ ثُمَّ لَا يُنظَرُونَ ﴾

Terjemahan :

Dan mereka berkata: "**mengapa tidak diturunkan** malaikat kepadanya?" padahal kalau Kami turunkan malaikat nescaya selesailah perkara itu (kerana mereka tetap berdegil dan tidak akan beriman), kemudian **mereka tidak diberi tempoh** (lalu dibinasakan dengan bala bencana secara mengejut).¹

A. Tafsiran ayat

Ayat ini dimulakan dengan ancaman Allah terhadap kaum kafir, jika diturunkan kepada mereka malaikat sebagaimana yang mereka kehendaki dan mereka pula mengingkarinya nescaya Allah akan turunkan azab kepada mereka tanpa ada penangguhan.

B. Fleksi :

لَوْلَا أُنزِلَ "mengapa tidak diturunkan ...?"	
لَوْلَا	Huruf yang digunakan dengan makna هَلَا (للتحضيض), tiada kefungsian
أُنزِلَ	Kata kerja kala lampau dalam bentuk pasif, mabniy dengan kasus barbaris atas

Jadual Fleksi 5

لَا يُنظَرُونَ "kemudian mereka tidak diberi tempoh"	
لَا	Huruf nafi tidak berfungsi
يُنظَرُونَ	Kata kerja kala kini/depan dalam bentuk pasif, nominatif dengan meletakkan huruf نون , الواو gantinama jama'an bersambungan ialah pelaku ditempat nominatif

Jadual Fleksi 6

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 289

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Gabungan dua huruf لو dan لا nafi dalam jadual fleksi 5 telah menjadikan makna dan tujuan ayat tersebut berubah kepada ancaman. Penggunaan huruf nafi dari segi sintaksisnya adalah selari¹ kerana perkataan selepasnya adalah kata kerja kala lepas² dan tidak memberikan apa-apa kesan kepada struktur ayat kecuali makna. Partikel لولا dalam ayat di atas, bermaksud galakan jika diikuti dengan kata kerja kala lampau tetapi menunjukkan kala kini/depan.

Huruf لا yang digunakan dalam jadual fleksi 6 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan. Menurut ‘Abba:s Hasan لا yang mendepani kata kerja adalah لا yang tidak berfungsi, jika ia mendepani kata kerja kala kini/depan – menurut pendapat yang kuat – ia akan menunjukkan penafian kala kini/depan.³

4.3.5 Ayat 12

﴿ قُلْ لِمَنْ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ قُلْ لِلَّهِ كَتَبَ عَلَى نَفْسِهِ الرَّحْمَةَ لِيَجْمعنَّكُمْ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ لَا رَيْبَ فِيهِ الَّذِينَ خَسِرُوا أَنفُسَهُمْ فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴾

Terjemahan :

(Wahai Muhammad): "Hak milik siapakah segala yang ada di langit dan di bumi?" katakanlah: "(semuanya itu) adalah milik Allah, ia telah menetapkan atas dirinya memberi rahmat. Demi sesungguhnya Dia akan menghimpunkan kamu pada hari kiamat yang **tidak ada sebarang syak** padanya". orang-orang yang merugikan diri sendiri (dengan mensia-siakan pengurniaan Allah), maka **mereka (dengan sebab yang tersebut) tidak beriman**.⁴

¹ Selari dengan penggunaannya dalam ilmu nahu

² Ayat 31, 37 dan 148 surah al-An'a:m

³ Al-Nahwu al-Wa:fiy jld.1 hlm 59

⁴ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 290

A. Tafsiran ayat

Allah swt memiliki segala yang di langit dan di bumi dan di antara keduanya. Dia telah menetapkan ke atas diriNya yang kesucian kerahmatan sebagaimana hadis menyebut dari Abu Hurairah r.a bahawa Nabi bersabda : “Sesungguhnya ketika Allah mencipta makhluk, Dia telah menetapkan suatu ketetapan bersamaNya di atas singgahsana bahawa sesungguhnya rahmatKu mengalahkan kemarahanKu.”¹ Kemudian Allah bersedih akan mengumpulkan semua hambanya pada hari akhirat yang benar-benar akan berlaku. Orang-orang yang berbuat perkara yang merugikan ke atas diri mereka ialah orang-orang yang tidak percaya dengan hari kiamat.

B. Fleksi :

لَا رَيْبَ	
<i>“tidak ada sebarang syak”</i>	
لَا	إنَّ berfungsi seperti لَا النَّافِيَةِ لِلْجِنْسِ
رَيْبَ	Subjek لَا النَّافِيَةِ لِلْجِنْسِ mabniy dengan kasus berbaris atas

Jadual Fleksi 7

لَا يُؤْمِنُونَ	
<i>“mereka (dengan sebab yang tersebut) tidak beriman.”</i>	
لَا	Huruf nafi tidak berfungsi
يُؤْمِنُونَ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan mengekalkan نون dan او و ialah pelaku manakala ayat لَا يُؤْمِنُونَ berada di tempat predikat nominatif

Jadual Fleksi 8

¹ Tafsir al-Qur'a:n al-'Azi:m jld.2 hlm129

C. Struktur penggunaan huruf nafi

لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ ialah huruf yang berfungsi seperti إِنَّ mengakusatifkan subjek dan menominatifkan predikat. Berbeza dengan لَا النَّافِيَةَ لِلْوَحْدَةِ yang berfungsi sebagaimana كَانَ. Penggunaan لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ dalam jadual fleksi 7 bertujuan menafikan semua jenis keraguan tanpa ada sebarang andaian yang lain telah menguatkan penyampaian ayat ini. Sementara subjek لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ ialah kata nama indifinit yang mabniy adalah selari sebagaimana penggunaannya dalam ilmu sintaksis bahasa Arab.

Huruf لَا yang digunakan dalam jadual fleksi 8 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan.

4.3.6 Ayat 14

﴿ قُلْ أَغَيْرَ اللَّهِ أَنْتَجِدُ وَلِيًّا فَاطِرِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ يُطْعِمُ وَلَا يُطْعَمُ قُلْ إِنِّي أُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ أَوَّلَ مَنْ أَسْلَمَ وَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴾

Terjemahan :

Katakanlah (wahai Muhammad): "Patutkah aku mengambil (memilih) pelindung yang lain dari Allah yang menciptakan langit dan bumi, dan ia pula yang memberi makan dan tidak ia yang diberi makan?" katakanlah: "Sesungguhnya aku diperintahkan supaya menjadi orang yang pertama sekali menyerah diri kepada Allah (Islam), dan (aku diperintahkan Dengan firmanNya): `Jangan sekali-kali Engkau menjadi dari golongan orang-orang musyrik itu.¹

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 291

A. Tafsiran ayat

Allah memerintahkan supaya jangan sekali-kali mengambil sesuatu yang lain selain Allah untuk dijadikan pelindung kerana Allah sahajalah yang menciptakan langit dan bumi serta memberikan rezki kepada semua makhlukNya.

B. Fleksi :

لَا يُطْعَمُ “tidak ia yang diberi makan?”	
لَا	Huruf nafi tidak berfungsi
يُطْعَمُ	Kata kerja kala kini/depan berbentuk pasif nominatif dengan kasus berbaris di hadapan. Pelaku gantian ialah gantinama tersembunyi dengan andaian هو.

Jadual Fleksi 9

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf لَا yang digunakan dalam jadual fleksi 9 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan.

Terdapat unsur seni dalam ayat ini *muq:balat salbiyyat* :¹

(هُوَ يُطْعَمُ وَ لَا يُطْعَمُ)

Terjemahan : *yang memberi makan dan tidak ia yang diberi makan*

¹ Unsur berlawanan dalam satu ayat dengan menggunakan huruf penafian.

4.3.7 Ayat 17

﴿ وَإِنْ يَمَسُّكَ اللَّهُ بِضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُ إِلَّا هُوَ وَإِنْ يَمَسُّكَ بِخَيْرٍ فَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴾

Terjemahan :

*Dan jika Allah mengenakan (menimpakan) engkau dengan bahaya bencana, maka **tidak ada sesiapa pun yang dapat menghapuskannya** melainkan Dia sendiri; dan jika ia mengenakan (melimpahkan) engkau dengan kebaikan, maka ia adalah maha kuasa atas tiap-tiap sesuatu.¹*

A. Tafsiran ayat

Allah swt berfirman menyatakan bahawasanya Dialah pemilik segala yang memudharatkan dan segala yang bermanfaat dan Dia bebas terhadap hambaNya dengan apa yang dikehendaki untuk tidak menghukum dengan hukumannya dan untuk tidak menarik balik apa yang telah ditetapkan.²

B. Fleksi :

<p>فَلَا كَاشِفَ لَهُ إِلَّا هُوَ</p> <p>“maka tidak ada sesiapa pun yang dapat menghapuskannya melainkan Dia sendiri”</p>	
فَ	Terletak pada jawab <i>syarṭ</i>
لَا	إِنَّ النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ berfungsi sebagaimana
كَاشِفَ	Subjek لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ <i>mabniy</i> dengan kasus berbaris di atas
لَهُ	Huruf genetif dan kata nama genetif
إِلَّا	Huruf <i>istithna:</i> '
هُوَ	Gantimana berpisah <i>mabniy</i> merupakan badal dari tempat لَا كَاشِفَ yang asalnya subjek nominatif

Jadual Fleksi 10

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 292

² Tafsir al-Qur'a:n al-'azi:m jld.2 hlm 130

C. Struktur penggunaan huruf nafi

لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ إِنَّ ialah huruf yang berfungsi seperti mengakusatifkan subjek dan menominatifkan predikat. Berbeza dengan لَا النَّافِيَةَ لِلْوَحْدَةِ yang berfungsi sebagaimana كَانَ. Penggunaan لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ dalam jadual fleksi 10 bertujuan menafikan semua jenis keraguan tanpa ada sebarang andaian yang lain telah menguatkan penyampaian ayat ini. Sementara subjek لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ ialah kata nama indifinit yang mabniy adalah selari sebagaimana penggunaannya dalam ilmu sintaksis bahasa Arab.

4.3.8 Ayat 19

﴿ قُلْ أَيُّ شَيْءٍ أَكْبَرُ شَهَادَةً قُلِ اللَّهُ شَهِيدٌ بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ وَأُوحِيَ إِلَيَّ هَذَا الْقُرْآنُ لِأُنذِرَكُمْ بِهِ وَمَنْ بَلَغَ أَتَيْتُكُمْ لَتَشْهَدُونَ أَنَّ مَعَ اللَّهِ آلِهَةً أُخْرَى قُلْ لَا أَشْهَدُ قُلْ إِنَّمَا هُوَ إِلَهُ وَاحِدٌ وَإِنِّي بَرِيءٌ مِّمَّا تُشْرِكُونَ ﴾

Terjemahan :

Bertanyalah (Wahai Muhammad): "Apakah sesuatu yang lebih besar persaksiannya?" (bagi menjawabnya) katakanlah: "Allah menjadi saksi antaraku dengan kamu, dan diwahyukan kepadaKu al-Quran ini, supaya aku memberi amaran dengannya kepada kamu dan juga (kepada) sesiapa yang telah sampai kepadanya seruan al-Quran itu. Adakah kamu sungguh-sungguh mengakui bahawa ada beberapa tuhan yang lain bersama-sama Allah?" katakanlah: "Aku tidak mengakuinya". Katakanlah lagi: "Hanyasanya Dia lah sahaja Tuhan Yang Maha Esa, dan Sesungguhnya Aku adalah berlepas diri apa Yang kamu sekutukan (dengan Allah Azza Wa Jalla)".¹

A. Tafsiran ayat

Daripada persaksian yang paling besar ialah persaksian Allah terhadap kenabian dan kerasulan Nabi Muhammad dan memadailah dengan hanya persaksian itu. Al-Quran ialah wahyu yang diturunkan untuk memberikan ancaman dan peringatan sehingga hari kiamat. Allah juga mencela mereka yang mengakui kewujudan tuhan-tuhan yang lain

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 292

selain Allah sedangkan terdapat banyak bukti-bukti yang kukuh yang menunjukkan keesaan Allah. Dalam hal ini Rasulullah saw berlepas diri dengan segala dakwaan orang-orang kafir Quraish itu yang mempersekutukan Allah dengan berhala mereka.¹

B. Fleksi :

لَا أَشْهَدُ "Aku tidak mengakuinya"	
لَا	Huruf nafi tidak berfungsi
أَشْهَدُ	Kata kerja kala kini/depan nominatif. Pelaku ialah gantinama tersembunyi andaianannya أَنَا

Jadual Fleksi 11

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf لَا yang digunakan dalam jadual fleksi 11 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan..

4.3.9 Ayat 20

﴿ الَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَعْرِفُونَهُ كَمَا يَعْرِفُونَ أَبْنَاءَهُمُ الَّذِينَ خَسِرُوا أَنفُسَهُمْ فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴾

Terjemahan :

Orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah Kami berikan kitab kepada mereka, mereka mengenalinya (Nabi Muhammad), sebagaimana mereka mengenali anak-anak mereka sendiri. orang-orang Yang merugikan diri sendiri (dengan mensia-siakan pengurniaan Allah), maka mereka (dengan sebab Yang tersebut) tidak beriman.²

¹ Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm384

² Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 292

A. Tafsiran ayat

Allah menyebut perihal orang-orang Yahudi dan Nasrani dalam ayat ini yang sebenarnya mereka ini berdegil dan mengenali Nabi Muhammad saw sebagaimana disebutkan juga rupa dan sifat baginda dalam Taurat dan Injil. Mereka mengenalinya lebih daripada mereka mengenali anak mereka sendiri.¹ Al-Zamakhshariyy mengatakan bahawa kenyataan ini telah menjadi saksi kepada orang-orang kafir Quraish tentang pengetahuan Ahli kitab terhadap kebenaran kenabian Nabi Muhammad itu sendiri.²

B. Fleksi :

لَا يُؤْمِنُونَ “mereka tidak beriman”	
لَا	Huruf nafi tidak berfungsi
يُؤْمِنُونَ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan mengekalkan نون dan واو ialah pelaku manakala ayat لَا يُؤْمِنُونَ berada di tempat predikat nominatif

Jadual Fleksi 12

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf لَا yang digunakan dalam jadual fleksi 12 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan.

¹ Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm 384

² Al-Kashsha:f jld.2 hlm 331

4.3.10 Ayat 21

﴿ وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَى عَلَى اللَّهِ كَذِبًا أَوْ كَذَّبَ بِآيَاتِهِ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الظَّالِمُونَ ﴾

Terjemahan :

*Dan siapakah lagi yang lebih aniaya dari orang yang mengada-adakan perkara-perkara yang dusta terhadap Allah, atau yang mendustakan ayat-ayat keteranganNya? Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu **tidak akan berjaya.***¹

A. Tafsiran ayat

Allah memulakan pertanyaan berbentuk *istifha:m inka:riy* yang sebenarnya menafikan bahawa tidak ada seorangpun yang lebih zalim dari orang yang mengada-adakan pendustaan terhadap Allah, ataupun mendustai apa yang terkandung dalam al-Quran serta kemukjizatannya yang mengkagumkan sedang mereka pula menamakannya dengan sihir. Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan penipuan dan pendustaan tidak akan berjaya.²

B. Fleksi :

لَا يُفْلِحُ “tidak akan Berjaya”	
لَا	Huruf nafi tidak berfungsi
يُفْلِحُ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris hadapan pada sukukata akhir perkataan

Jadual Fleksi 13

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf لَا yang digunakan dalam jadual fleksi 13 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan.

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 293

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm384

4.3.11 Ayat 23

﴿ ثُمَّ لَمْ تَكُنْ فَتَنْتُهُمْ إِلَّا أَنْ قَالُوا وَاللَّهِ رَبَّنَا مَا كُنَّا مُشْرِكِينَ ﴾

Terjemahan :

Kemudian **tidaklah ada akibat** kufur mereka selain dari mereka menjawab dengan dusta: "Demi Allah Tuhan kami, **kami tidak pernah menjadi** orang-orang yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain)".¹

A. Tafsiran ayat

Orang-orang kafir akan tetap mendustakan kebenaran yang mereka lihat dan mereka juga bersumpah dengan pendustaan bahawa mereka tidak pernah mempersekutukan Allah.²

B. Fleksi :

<p>لَمْ تَكُنْ "tidaklah ada akibat"</p>	
لَمْ	Huruf nafi dan <i>jazm</i>
تَكُنْ	Kata kerja kala kini/depan <i>na:qiş majzu:m</i> dengan kasus berbaris sukun dan di hazafkan واو kerana bertemu dua kasus sukun

Jadual Fleksi 14

<p>مَا كُنَّا "kami tidak pernah menjadi"</p>	
مَا	Huruf nafi tidak berfungsi
كُنَّا	Kata kerja kala lepas <i>na:qiş mabniy</i> dengan kasus berbaris sukun kerana bersambungan dengan gantinama نا dan ia pula ialah subjek كان di tempat nominatif

Jadual Fleksi 15


¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 293

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm 384

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf nafi yang digunakan dalam jadual fleksi 14 ayat ini merupakan huruf yang menjazamkan kata kerja kala kini/depan yang *na:qis*. Kata kerja تكون yang didahulukan oleh huruf jazm telah mengubah fleksi kata kerja ini menjadi kata kerja kala kini/depan *majzu:m* dan mengubah makna ayat kepada kala lampau.

Penjelasan struktur :



Huruf nafi yang digunakan dalam jadual fleksi 15 pula tidak berfungsi mengubah kasus kata kerja kala lepas.

4.3.12 Ayat 25

﴿ وَمِنْهُمْ مَنْ يَسْتَمِعُ إِلَيْكَ وَجَعَلْنَا عَلَى قُلُوبِهِمْ أَكِنَّةً أَنْ يَفْقَهُوهُ وَفِي آذَانِهِمْ وَقْرًا وَإِنْ يَرَوْا كُلَّ آيَةٍ لَا يُؤْمِنُوا بِهَا حَتَّى إِذَا جَاءُوكَ يُجَادِلُونَكَ يَقُولُ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنْ هَذَا إِلَّا أَسَاطِيرُ الْأَوَّلِينَ ﴾

Terjemahan :

Dan di antara mereka ada yang mendengarkanmu (membaca al-Quran), pada hal Kami telah jadikan tutupan berlapis-lapis atas hati mereka, yang menghalang mereka daripada memahaminya, dan Kami jadikan pada telinga mereka penyumbat (yang menjadikan mereka pekak); dan walaupun mereka melihat tiap-tiap keterangan (dan mukjizat yang membuktikan kebenaran Rasul), mereka tidak juga akan beriman kepada keterangan itu; sehingga apabila mereka datang kepadamu, sambil membantahmu, berkatalah orang-orang yang kafir itu: "Ini tidak lain hanyalah cerita-cerita dongeng orang-orang dahulu".¹

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 294

A. Tafsiran ayat

Ada dari kalangan orang-orang musyrikin yang mendengar apa yang dibacakan oleh Nabi Muhammad saw dari al-Quran tetapi Allah menjadikan mereka tidak mendengarnya dengan menjadikan telinga mereka pekak dan dibebani serta terhalang untuk mendengar. Ini adalah kerana mereka semua telah melihat bukti-bukti keEsaan Allah tetapi tetap berdegil dan tetap melampaui batas dengan melemparkan pendustaan terhadap al-Quran dan mendakwanya sebagai dongengan orang-orang yang terdahulu.¹

B. Fleksi :

<p>إِنْ يَرَوْا كُلَّ آيَةٍ لَا يُؤْمِنُوا بِهَا</p> <p>“kalaupun mereka melihat tiap-tiap keterangan (dan mukjizat yang membuktikan kebenaran Rasul), mereka tidak juga akan beriman kepada keterangan itu”</p>	
إِنْ	Huruf syarat jazm
يَرَوْا	Kata kerja kala kini/depan <i>majzu:m</i> dengan kasus <i>hazaf</i> huruf نون . Pelakunya الواو ganti nama bersambungan di tempat nominatif
كُلِّ	<i>Maf'u:lun bih</i> akusatif dengan kasus berbaris atas pada sukukata akhir perkataan
آيَةٍ	<i>Muda:f ilaihi</i> genetif dengan kasus berbaris bawah
لَا	Huruf nafi tiada kefungsian
يُؤْمِنُوا	Kata kerja kala kini/depan <i>majzu:m</i> jawab syarat dengan kasus <i>hazaf</i> huruf نون . Pelakunya الواو ganti nama bersambungan di tempat nominatif
بِهَا	Huruf genetif dan gantinama bersambungan <i>mabniy</i> dengan kasus sukun di tempat genetif

Jadual Fleksi 16

¹ Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm 384

إِنَّ هَذَا إِلَّا <u>أَسَاطِيرُ الْأَوَّلِينَ</u> "Ini tidak lain hanyalah cerita-cerita dongeng orang-orang dahulu".	
إِنَّ	Huruf nafi tidak berfungsi
هَذَا	Subjek nominatif mabniy
إِلَّا	Partikel <i>istithna:</i> ' menunjukkan <i>al-ḥaṣr</i> ataupun <i>al-qasr</i>
أَسَاطِيرُ	Predikat nominatif dengan kasus berbaris hadapan
إِلَّا <u>الْأَوَّلِينَ</u>	<i>Muḍaf ilaih</i> genitif dengan kasus huruf ياء

Jadual Fleksi 17

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf لَا yang digunakan dalam jadual fleksi 16 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan.. Kata kerja kala kini/depan yang *majzu:m* selepasnya adalah kerana ia terletak pada tempat jawab *syarṭ* yang *majzu:m* dan bukan disebabkan oleh huruf nafi.

Dalam jadual fleksi 17 pula huruf nafi yang digunakan juga tidak mempunyai fungsi kerana tidak memenuhi syarat kefungsiian. Ini kerana terdapat huruf لَا selepasnya dalam ayat yang sama.

4.3.13 Ayat 26

﴿ وَهُمْ يَنْهَوْنَ عَنْهُ وَيَنْأَوْنَ عَنْهُ وَإِنْ يُهْلِكُونَ إِلَّا أَنْفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴾

Terjemahan :

Dan mereka pula melarang orang ramai dari mendengar al-Quran dan mereka juga menjauhkan diri daripadanya, dan mereka (dengan perbuatan yang demikian) **tidaklah membinasakan** selain diri sendiri (dengan bala bencana dan azab yang disediakan untuk mereka di dunia dan di akhirat kelak), sedang **mereka tidak menyedarinya**.¹

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 294

A. Tafsiran ayat

Orang-orang musyrikin yang mendustai Allah dan rasulNya juga telah melarang orang lain daripada mendengar al-Quran dan mengikut seruan Nabi Muhammad s.a.w. serta menjauhi Baginda. Mereka sebenarnya tidak menyedari bahawa mereka sedang mendustai dan menipu diri mereka sendiri.¹

B. Fleksi :

إِنَّ يَهْلِكُونَ إِلَّا أَنفُسَهُمْ “dan mereka (dengan perbuatan yang demikian) tidaklah membinasakan selain diri sendiri”	
إِنَّ	Huruf nafi tidak berfungsi
يَهْلِكُونَ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus kekalan huruf نون . Pelakunya الواو ganti nama bersambungan di tempat nominatif
إِلَّا	Partikel <i>istithna</i> ’ menunjukkan <i>al-ḥaṣr</i> ataupun <i>al-qasr</i>
أَنفُسَهُمْ	<i>Maf’u:lun bih</i> akusatif dengan kasus berbaris atas pada sukukata akhir perkataan. هم gantinama jama’an kedua genetif <i>mudha:f ilaihi</i>

Jadual Fleksi 18

وَمَا يَشْعُرُونَ “sedang mereka tidak menyedarinya”		
وَ	Huruf ‘atf	<i>Jumlat ḥa:liyat</i> bagi gantinama هم yang ada dalam يَهْلِكُونَ
مَا	Huruf nafi tidak berfungsi	
يَشْعُرُونَ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus kekalan huruf نون . Pelakunya الواو ganti nama bersambungan di tempat nominatif	

Jadual Fleksi 19

¹ Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm 385

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan huruf **إِنْ** dalam jadual fleksi 18 merujuk kepada makna nafi dan tidak berfungsi. Penggunaan **إِنْ** dengan makna penafian melihat kepada *siya:q al-kala:m* (konteks ayat) dan penggunaan **إِلَّا** (Partikel *istithna:*’) yang telah menguatkan lagi isyarat bahawa penggunaan **إِنْ** dalam ayat ini bermaksud nafi. Ketidaktungsiannya pula adalah disebabkan **إِلَّا** (Partikel *al-ḥaṣr* ataupun *al-qasr*) yang berada dalam ayat yang sama selepas penggunaan **إِنْ** nafi.¹

Penjelasan struktur ayat :

أَنْفُسَهُمْ	إِلَّا	يُهْلِكُونَ	إِنْ
Maf ‘u:lun bih	partikel <i>istithna:</i> ’	Kata kerja dan pelaku	huruf nafi

Kedua-dua huruf jika dibuang ayat yang terbentuk ialah :

أَنْفُسَهُمْ	يُهْلِكُونَ
Maf ‘u:lun bih	Kata kerja dan pelaku

Penggunaan huruf **مَا** dalam jadual fleksi 19 merujuk kepada makna nafi dan tidak berfungsi. Penggunaan **مَا** dengan makna penafian melihat kepada *siya:q al-kala:m* (konteks ayat). Dalam ayat ini, huruf nafi **مَا** mendepani kata kerja kala kini/depan. Huruf **مَا** menafikan kata kerja kala lepas dan kala kini/depan. Apabila dimasukkan bersama kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan keadaan semasa. Huruf **مَا** biasanya digunakan bersama kata kerja kala lepas.² Untuk keterangan terperinci tentang huruf ini sila rujuk 4.3.1 ayat 4 jadual fleksi 1.

¹ Ayat 26, 50, 116 dan 148 surah al-An‘a:m

² Mulakhkhaṣ Qawa:īd al-Lughat al-‘Arabīat hlm 150

4.3.14 Ayat 27

﴿ وَلَوْ تَرَىٰ إِذِ وَقُفُوا عَلَى النَّارِ فَقَالُوا يَا لَيْتَنَا نُرَدُّ وَلَا نُكَذِّبُ بآيَاتِ رَبِّنَا وَنَكُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴾

Terjemahan :

*Dan sungguh ngeri jika engkau melihat ketika mereka didirikan di tepi neraka (untuk menyaksikan azabnya yang tidak terperi), lalu mereka berkata: "Wahai kiranya kami dikembalikan ke dunia, dan **kami tidak akan mendustakan lagi** ayat-ayat keterangan Tuhan kami, dan menjadilah kami dari golongan yang beriman".¹*

A. Tafsiran ayat

Allah s.w.t menyebut tentang keadaan orang-orang kafir ketika mana mereka berdiri pada hari kiamat di atas api neraka dan mereka menyaksikan di dalamnya azab yang tidak terperi dan melihat dengan mata mereka sendiri perkara-perkara yang dahsyat serta kemusnahan seraya mereka pun mengharapkan agar dikembalikan semula ke dunia untuk mereka kembali beramal dan tidak lagi membohongi tanda-tanda keesaan Allah dan menjadi orang-orang yang beriman.²

B. Fleksi :

لَا نُكْذِبُ	
“kami tidak akan mendustakan lagi”	
لَا	Huruf nafi tidak berfungsi
نُكْذِبُ	Kata kerja kala kini/depan akusatif disebabkan أَنْ tersembunyi dengan kasus berbaris atas. Pelakunya gantinama pertama bersambungan jama'an di tempat nominatif taqdirnya نحن

Jadual Fleksi 20

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 294

² Tafsir al-Qur'an al-azi:m jld.2 hlm 132

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf لا yang digunakan dalam jadual fleksi 20 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan.. Kata kerja kala kini/depan yang akusatif adalah disebabkan oleh huruf أن yang tersembunyi sebelum huruf nafi. Bunyi ayatnya ialah : ¹ أَنْ لَا تُكْذِبُ .

4.3.15 Ayat 29

﴿ وَقَالُوا إِنْ هِيَ إِلَّا حَيَاتُنَا الدُّنْيَا وَمَا نَحْنُ بِمَبْعُوثِينَ ﴾

Terjemahan :

Dan tentulah mereka akan berkata pula: "**tiadalah hidup** yang lain selain dari hidup kita di dunia ini, dan **tiadalah kita** akan dibangkitkan semula sesudah kita mati".²

A. Tafsiran ayat

Berkata orang-orang kafir yang keji bahawa kehidupan mereka adalah kehidupan di dunia dan tidak ada kebangkitan selepas itu.³

B. Fleksi :

<p>إِنْ هِيَ إِلَّا حَيَاتُنَا الدُّنْيَا</p> <p>“tiadalah hidup yang lain selain dari hidup kita di dunia ini”</p>	
إِنْ	Huruf nafi tiada kefungisian
هِيَ	Gantinama berpisahan mabniy dengan kasus berbaris atas di tempat subjek nominatif
إِلَّا	Partikel <i>istiithna:</i> ’ menunjukkan <i>al-ḥaṣr</i> ataupun <i>al-qaṣr</i>
حَيَاتُنَا	Predikat nominatif. نا gantinama di tempat genetif <i>muda:f ilaihi</i>
الدُّنْيَا	Na‘at kepada حياة nominatif.

Jadual Fleksi 21

¹ T’ra:b al-Qur’a:n al-Kari:m wa Baya:nuhu jld.2 hlm 348

² Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 295

³ Tafsir al-Qur’a:n al-azi:m jld.2 hlm 132

مَا نَحْنُ بِمَبْعُوثِينَ		
“dan tiadalah kita akan dibangkitkan semula sesudah kita mati.”		
مَا	Huruf nafi berfungsi dengan makna لَيْسَ	
نَحْنُ	Subjek مَا nominatif <i>mabniy</i> dengan kasus berbaris hadapan	
بِ	huruf jar التاء	di tempat nominatif predikat مَا
مَبْعُوثِينَ	Kata nama genetif dengan kasus ياء di tempat akusatif predikat مَا .	

Jadual Fleksi 22

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan huruf *إِنْ* dalam jadual fleksi 22 merujuk kepada makna nafi dan tidak berfungsi. Penggunaan *إِنْ* dengan makna penafian melihat kepada *siya:q al-kala:m* (penyampaian ayat) dan penggunaan *إِلَّا* (Partikel *istithna:*' menunjukkan *al-ḥaşr* ataupun *al-qaşr*) yang telah menguatkan lagi isyarat bahawa penggunaan *إِنْ* dalam ayat ini bermaksud nafi. Ketidakfungsiannya pula adalah disebabkan *إِلَّا* (Partikel *istithna:*' menunjukkan *al-ḥaşr* ataupun *al-qaşr*) yang berada dalam ayat yang sama selepas penggunaan *إِنْ* nafi.¹

Penjelasan struktur ayat :

حَيَاتُنَا الدُّنْيَا	إِلَّا	هِيَ	إِنْ
predikat	huruf <i>istithna:</i> '	subjek	huruf nafi

Kedua-dua huruf jika dibuang ayat yang terbentuk ialah :

حَيَاتُنَا الدُّنْيَا	هِيَ
predikat	subjek

¹ Ayat 29, 90, 116 dan 148 surah ini

Penggunaan huruf مَا dalam jadual fleksi 23 ayat ini menunjukkan ia berfungsi sebagaimana لَيْسَ yang menominatifkan subjek dan mengakusatifkan predikat. Kefungsian huruf مَا dalam hal ini melihat kepada penggunaan al-Hija:ziyyu:n yang menjadikan huruf ini berfungsi seperti لَيْسَ pada keadaan indifinit dan difinit. Penambahan huruf ba' pada predikatnya pula adalah harus.

4.3.16 Ayat 31

﴿ قَدْ خَسِرَ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِلِقَاءِ اللَّهِ حَتَّىٰ إِذَا جَاءَتْهُمُ السَّاعَةُ بَغْتَةً قَالُوا يَا حَسْرَتَنَا عَلَىٰ مَا فَرَطْنَا فِيهَا وَهُمْ يَحْمِلُونَ أَوْزَارَهُمْ عَلَىٰ ظُهُورِهِمْ أَلَا سَاءَ مَا يَزُرُونَ ﴾

Terjemahan :

*Sesungguhnya telah rugilah orang-orang yang mendustakan pertemuan mengadap Allah; sehingga apabila hari kiamat datang secara mengejut kepada mereka, mereka berkata; "Aduhai kesalnya kami atas apa yang telah kami cuaikan dalam dunia!" sambil mereka memikul dosa-dosa mereka di atas belakang mereka. **Ingatlah, amatlah buruk apa yang mereka pikul itu.***¹

A. Tafsiran ayat

Sesungguhnya orang-orang yang melakukan pendustaan terhadap kebangkitan sesudah mati ialah orang-orang yang rugi. Walaupun jika didatangkan hari kiamat dengan tiba-tiba dan mereka juga tidak mengetahui waktunya. Pada masa itu mereka berkata “*alangkah menyesalnya kami di atas apa yang telah kami sia-siakan di dunia daripada berbuat amal soleh*” sambil memikul tanggungan dosa-dosa. Itulah seburuk-buruk tanggungan.

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 295

B. Fleksi :

أَلَا سَاءَ “Ingatlah, amatlah buruk”	
إِلَّا	Istifhā:miyyah dan huruf nafi. Penggabungan dua huruf menjadikannya partikel tanbih (تنبيه) daripada <i>uslu:b</i> tawaran yang bermaksud mencela ¹
سَاءَ	Kata kerja kala lampau bermaksud mencela

Jadual Fleksi 23

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan huruf nafi لا dalam jadual fleksi 23 yang dimasukkan *hamzat istifha:m* tidak membawa maksud penafian dan ia bukanlah terdiri dari salah satu huruf yang dibincangkan dalam perbahasan ini. Menurut Ibnu Hisya:m Al-Anṣa:riy sekiranya dimasukkan *hamzat istifha:m* kepada لا ia tidak akan mengubah hukum dan kebiasaannya menunjukkan makna التَّوْبِيخُ.² Huruf أَلَا hampir tidak digunakan melainkan dengan tawaran العَرْضُ.³

4.3.17 Ayat 32

﴿ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَعِبٌ وَلَهْوٌ وَلَلْآخِرَةُ خَيْرٌ لِّلَّذِينَ يَتَّقُونَ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴾

Terjemahan :

*Dan tidak (dinamakan) kehidupan dunia melainkan permainan yang sia-sia dan hiburan yang melalaikan: dan demi sesungguhnya negeri akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa. oleh itu, tidakkah kamu mahu berfikir?*⁴

¹ Al-I'ra:b al-Mufaṣṣol Li Kita:bi al-La:h al-Murattal jld.3 hlm 206

² Auḍahul al-Masa:lik jld.2 hlm 25

³ Al-Nahwu al-Wa:fiy jld.4 hlm513

⁴ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 296

A. Tafsiran ayat

Kehidupan di dunia adalah suatu yang bathil dan penuh tipu daya, waktunya yang pendek dan kebahagiaan yang sedikit, sedangkan akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa dengan nikmat yang melimpah-ruah yang akan berkekalan selamanya. Oleh itu ketahuilah bahawa akhirat lebih baik daripada kehidupan di dunia dan segala isinya.

B. Fleksi :

مَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَعِبٌ وَلَهْوٌ “dan tidak (dinamakan) kehidupan dunia melainkan permainan yang sia-sia dan hiburan yang melalaikan”	
مَا	Huruf nafi
الْحَيَاةُ	Subjek nominatif.
الدُّنْيَا	Kata nama adjektif kepada حَيَاةٌ nominatif.
إِلَّا	Partikel <i>istithna:</i> ’ menunjukkan <i>al-ḥaṣr</i> ataupun <i>al-qaṣr</i>
لَعِبٌ	Predikat nominatif.
وَلَهْوٌ	Huruf ‘ <i>atf</i> dan <i>ma ‘tu:f</i>

Jadual Fleksi 24

أَفَلَا تَعْقِلُونَ “tidakkah kamu mahu berfikir?”	
أَ	<i>Istifha:m Taubi:khiy</i> (celaan)
فَ	Tambahan
لَا	Huruf nafi tidak berfungsi
تَعْقِلُونَ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus kekalan huruf نون. Pelakunya الواو gantinama bersambungan di tempat nominatif

Jadual Fleksi 25

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan huruf مَا dalam jadual fleksi 24 merujuk kepada makna nafi dan tidak berfungsi. Penggunaan مَا dengan makna penafian melihat kepada *siya:q al-kala:m* (konteks ayat) dan penggunaan إِلَّا (Partikel *istithna:*' menunjukkan *al-ḥaṣr* ataupun *al-qaṣr*) yang telah menguatkan lagi isyarat bahawa penggunaan مَا dalam ayat ini bermaksud nafi. Ketidakfungsianya pula adalah disebabkan إِلَّا yang berada dalam ayat yang sama selepas penggunaan مَا nafi.

Penggunaan huruf لَا dalam jadual fleksi 25 adalah dalam bentuk yang tidak berfungsi dan digunakan mendepani kata kerja kala kini/depan yang tidak berubah kasusnya serta fleksinya. Huruf لَا dalam ayat ini disertai dengan *huruf hamzat al-istifha:m* yang membawa makna pertanyaan bertujuan mencela.¹

4.3.18 Ayat 33

﴿ قَدْ نَعْلَمُ إِنَّهُ لَيَحْزُنُّكَ الَّذِي يَقُولُونَ فَإِنَّهُمْ لَا يُكَذِّبُونَكَ وَلَكِنَّ الظَّالِمِينَ بِآيَاتِ اللَّهِ يَجْحَدُونَ ﴾

Terjemahan :

Sesungguhnya Kami mengetahui bahawa apa yang mereka katakan itu akan menyebabkan engkau (wahai Muhammad) berdukacita; (maka janganlah engkau berdukacita) kerana sebenarnya mereka bukan mendustakanmu, tetapi orang-orang yang zalim itu mengingkari ayat-ayat keterangan Allah (disebabkan kedegilan mereka semata-mata).

A. Tafsiran ayat

Allah menyatakan bahawa Dia mengetahui segala pendustaan yang diadakan terhadap kerasulan Nabi Muhammad dan ini akan menyebabkan kesedihan kepada Baginda

¹ Ayat 32, 50 dan 80 surah al-An'a:m

s.a.w. Mereka sebenarnya tidak menuduh Nabi Muhammad berdusta tetapi mereka berdegil dan mengengkari keterangan daripada Allah serta mempertahankan apa yang ada dalam hati mereka.

B. Fleksi :

لَا يُكذِّبُونَكَ “mereka bukan mendustakanmu,”	
لَا	Huruf nafi tiada kefungisian
يُكذِّبُونَكَ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus kekalan huruf نون. Pelakunya الواو gantinama bersambungan di tempat nominatif. الكاف gantinama bersambungan di tempat akusatif maf'u:lun bih. Jumlat لَا يُكذِّبُونَكَ di tempat nominatif predikat إِنَّ

Jadual Fleksi 26

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf لَا yang digunakan dalam jadual fleksi 26 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan..

4.3.19 Ayat 34

﴿وَلَقَدْ كُذِّبَتْ رُسُلٌ مِّن قَبْلِكَ فَصَبَرُوا عَلَىٰ مَا كُذِّبُوا وَأُوذُوا حَتَّىٰ أَتَاهُمْ نَصْرُنَا وَلَا مُبَدِّلَ لِكَلِمَاتِ اللَّهِ وَلَقَدْ جَاءَكَ مِن نَّبِيِّ الْمُرْسَلِينَ﴾

Terjemahan :

*Dan demi sesungguhnya, Rasul-rasul sebelummu pernah juga didustakan, maka mereka sabar terhadap perbuatan orang-orang yang mendustakan mereka dan menyakiti mereka, sehingga datanglah pertolongan Kami kepada mereka; dan sememangnya **tiada sesiapa pun yang dapat mengubah** kalimah-kalimah Allah (janji-janjiNya); dan demi sesungguhnya, telah datang kepadamu sebahagian dari khabar berita rasul-rasul itu.¹*

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 296

A. Tafsiran ayat

Kenyataan ini adalah untuk mengeluarkan Rasulullah s.a.w dari kedukaan dan menenangkan Baginda s.a.w terhadap pendustaan yang dilemparkan kepada baginda s.a.w. Allah telah memerintahkan baginda supaya bersabar sebagaimana kesabaran rasul-rasul *ulul-‘azmi* dan menjanjikan kepada baginda s.a.w kemenangan yang tidak boleh diubah oleh sesiapa pun.¹

B. Fleksi :

لَا مُبَدَّلَ “dan sememangnya tiada sesiapa pun yang dapat mengubah kalimah-kalimah Allah (janji-janjiNya)”	
لَا	إِنَّ بِرُفْعِهِ لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ berfungsi seperti
مُبَدَّلَ	Subjek لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ mabniy dengan kasus berbaris atas manakala predikatnya <i>maḥdzu:f taqdirnya</i> موجود

Jadual Fleksi 27

C. Struktur penggunaan huruf nafi

لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ ialah huruf yang berfungsi seperti إِنَّ mengakusatifkan subjek dan menominatifkan predikat. Berbeza dengan لَا النَّافِيَةَ لِلْوَحْدَةِ yang berfungsi sebagaimana كَانَ. Penggunaan لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ dalam jadual fleksi 27 bertujuan menafikan semua jenis keraguan tanpa ada sebarang andaian yang lain telah menguatkan penyampaian ayat ini. Sementara subjek لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ ialah kata nama indifinit yang mabniy adalah selari sebagaimana penggunaannya dalam ilmu sintaksis bahasa Arab

¹ Tafsir al-Qur’a:n al-azi:m jld.2 hlm 134

4.3.20 Ayat 37

﴿ وَقَالُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ آيَةٌ مِّن رَّبِّهِ قُلْ إِنَّ اللَّهَ قَادِرٌ عَلَىٰ أَنْ يُنَزِّلَ آيَةً وَلَكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴾

Terjemahan :

Dan mereka (golongan kafir musyrik) berkata: "**alangkah eloknya kalau diturunkan kepada Muhammad satu mukjizat dari Tuhannya?**" Katakanlah (wahai Muhammad): "**Sesungguhnya Allah berkuasa menurunkan mukjizat**", akan tetapi kebanyakan **mereka tidak mengetahui** (balasan Yang akan menimpa mereka kalau mereka enggan beriman).¹

A. Tafsiran ayat

Orang-orang kafir Mekah menggesa supaya diturunkan malaikat kepada Nabi Muhammad s.a.w sebagai tanda mukjizat Baginda untuk menunjukkan kerasulan Baginda s.a.w seperti mukjizat unta (Nabi Soleh), tongkat (Nabi Musa) atau hidangan (Nabi Isa). Sesungguhnya Allah s.w.t maha berkuasa untuk mendatangkan kepada mereka sebagaimana mereka minta tetapi jika diturunkan malaikat, ini bermakna Allah menurunkan bala kerana mereka tetap juga tidak beriman.

B. Fleksi :

لَوْلَا نُزِّلَ	
“alangkah eloknya kalau diturunkan”	
لَوْلَا	Huruf yang digunakan dengan makna هَلَا (للتحضيض), tiada kefungsian
نُزِّلَ	Kata kerja kala lampau dalam bentuk pasif, mabniy dengan kasus berbaris atas

Jadual Fleksi 28

لَا يَعْلَمُونَ	
“mereka tidak mengetahui”	
لَا	Huruf nafi tiada kefungsian

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 297

يَعْلَمُونَ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus kekalan huruf نون. Pelakunya الواو gantinama bersambungan di tempat nominatif. <i>Jumlat</i> لَا يَعْلَمُونَ di tempat nominatif predikat لكن
-------------	---

Jadual Fleksi 29

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan partikel gesaan التحضيض dalam jadual fleksi 28 tidak akan mengubah hukum perkataan selepasnya. Ia digunakan samada pada kata kerja kala lampau dan kata kerja kala kini/depan.

Huruf لا yang digunakan dalam jadual fleksi 29 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan.

4.3.21 Ayat 38

﴿ وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا طَائِرٍ يَطِيرُ بِجَنَاحَيْهِ إِلَّا أُمَّمٌ أَمْثَالُكُمْ مَا فَرَطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ يُحْشَرُونَ ﴾

Terjemahan :

*Dan tidak seekor pun binatang yang melata di bumi, dan tidak seekor pun burung yang terbang Dengan kedua sayapnya, melainkan mereka umat-umat seperti kamu. Tiada kami tinggalkan sesuatu pun di dalam kitab al-Quran ini; kemudian mereka semuanya akan dihimpunkan kepada tuhan mereka (untuk dihisab dan menerima balasan).*¹

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 298

A. Tafsiran ayat

Segala haiwan yang berjalan di atas muka bumi dan burung-burung yang terbang di langit, mereka juga adalah umat seperti manusia yang telah dijadikan Allah. Allah juga telah menetapkan kadar rezki dan tempoh hayat mereka. Semuanya berada dalam pengetahuan Allah samada di darat, udara dan lautan kemudian semuanya akan dikumpulkan dan diadili.¹

B. Fleksi :

مَا مِنْ دَابَّةٍ “tidak seekor pun binatang”	
مَا	Huruf nafi
مِنْ	Huruf genetif tambahan (زائدة)
دَابَّةٍ	Kata nama genetif pada lafaz ditempat nominatif

Jadual Fleksi 30

لَا طَائِرٍ “tidak seekor pun burung”	
لَا	Huruf nafi tambahan sebagai <i>tauki:d</i>
طَائِرٍ	Kata nama genetif pada lafaz ditempat nominatif <i>ma'tu:f</i> kepada دابة

Jadual Fleksi 31

مَا فَرَّطْنَا “tiada kami tinggalkan”	
مَا	Huruf nafi tiada kefungasian
فَرَّطْنَا	Kata kerja kala lampau mabniy dengan kasus berbaris sukun kerana bersambung dengan نا sebagai pelaku

Jadual Fleksi 32

¹ Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm 389

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan مَا dalam jadual fleksi 30 dalam keadaan tidak berfungsi kerana tidak menuruti syarat kefungasian. Ini kerana مَا telah dipisahkan dengan subjeknya dengan huruf genitif.

Penggunaan لَا dalam jadual fleksi 31 ialah لَا الْمُؤَكَّدَةَ لِلنَّفْيِ , ia disertakan dengan وَأَوْ 'atf untuk menghindarkan kesamaran. Seperti : مَا قَامَ سَعْدٌ وَلَا سَعِيدٌ (Sa'dun telah tidak bangun dan tidak Sa'id) dan apabila dikatakan مَا قَامَ سَعْدٌ وَسَعِيدٌ (Sa'dun dan Sa'id tidak bangun) kemungkinan kedua-duanya tidak bangun bersama. Dengan penambahan لَا dalam keadaan ini telah menghilangkan kemungkinan ini serta menjadikan kedua-duanya tidak bangun.¹

Penggunaan مَا dalam jadual fleksi 32 dimana ia bertemu dengan kata kerja kala lampau.

Penafian ini memberi maksud penafian kala lampau seperti menafikan قَدْ فَرَطْنَا maka penafiannya مَا فَرَطْنَا . Penekanan dan penegasan yang lebih ke atas makna jika huruf مَا digunakan bersama kata kerja kala lampau.

4.3.22 Ayat 43

﴿ فَلَوْلَا إِذْ جَاءَهُمْ بِأَسْنَا تَضَرَّعُوا وَلَكِنْ قَسَتْ قُلُوبُهُمْ وَزَيَّنَ لَهُمُ الشَّيْطَانُ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴾

Terjemahan :

Maka **alangkah eloknya kalau mereka berdoa** kepada kami dengan merendah diri (serta insaf dan bertaubat) ketika mereka ditimpa azab kami? tetapi yang sebenarnya hati mereka keras (tidak mahu menerima kebenaran), dan syaitan pula memperolokkan pada (pandangan) mereka apa yang mereka telah lakukan.²

¹ Al-Mu'jam al-Wasi: Fi al-I'ra:b hlm 262

² Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 299

A. Tafsiran ayat

Allah mengalu-alukan kepada orang-orang kafir supaya berdoa dan meminta dengan merendah diri serta berpegang teguh pada agama ketika mana mereka ini sedang ditimpakan azab. Sebaliknya hati mereka semakin keras dan syaitan pula menghiasi perlakuan mereka dengan syirik, kedegilan dan maksiat.¹

B. Fleksi :

لَوْلَا إِذْ جَاءَهُمْ “alangkah elokny kalau mereka berdoa”	
لَوْلَا	Huruf yang digunakan dengan makna هَلَا (للتحضيض), tiada ke fungsian
إِذْ	Zarf zama:n mabniy dengan kasus berbaris sukun
جَاءَهُمْ	Kata kerja kala lampau dalam bentuk pasif, mabniy dengan kasus berbaris atas dan هم ganti nama mabniy dengan kasus berbaris sukun di tempat akusatif maf'u:lun bih didahulukan

Jadual Fleksi 33

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan huruf nafi bersama preposisi لَوْ tidak membawa maksud penafian dan tidak juga mempengaruhi kasus dan fleksi perkataan selepasnya.

4.3.23 Ayat 48

﴿ وَمَا تُرْسِلُ الْمُرْسَلِينَ إِلَّا مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ فَمَنْ آمَنَ وَأَصْلَحَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴾

Terjemahan :

Dan tiadalah Kami utuskan rasul-rasul itu melainkan sebagai pembawa berita gembira dan pembawa amaran; kemudian sesiapa yang beramal soleh, maka tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka tidak akan berdukacita.²

¹ Tafsir al-Qur'an al-azi:m jld.2 hlm 137

² Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 300

A. Tafsiran ayat

Tujuan Allah mengutuskan rasul-rasul ialah untuk memberikan khabar gembira kepada orang-orang yang beriman dan ancaman kepada sesiapa yang mengingkari perintah Allah dengan penderitaan dan balasan azab. Oleh sebab itu, sesiapa yang beriman dan beramal soleh, mereka tidak diselubungi dengan perasaan bimbang dengan apa yang akan mereka hadapi dan tidak akan bersedih dengan apa yang mereka hilang dan tinggalkan di belakang mereka tentang urusan dunia dan apa yang berlaku di dalamnya.¹

B. Fleksi :

مَا تُرْسِلُ “tiadalah Kami utuskan”	
مَا	Huruf nafi tiada kefungsiian
تُرْسِلُ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris hadapan. Pelakunya النون ganti nama bersambungan di tempat nominatif

Jadual Fleksi 34

لَا خَوْفٌ “tidak ada kebimbangan”	
لَا	Huruf nafi dengan makna ليس yang tidak berfungsi
خَوْفٌ	Subjek nominatif dengan kasus berbaris hadapan

Jadual Fleksi 35

لَا هُمْ يَحْزَنُونَ “mereka tidak akan berdukacita”	
لَا	Huruf nafi tambahan dengan makna لَيْسَ yang tidak berfungsi sebagai penegas لَا yang terdahulu
هُمْ	Subjek nominatif dengan kasus berbaris hadapan
يَحْزَنُونَ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris

¹ Tafsir al-Qur’a:n al-azi:m jld.2 hlm 138

	hadapan Pelakunya ganti nama sembunyian taqdirnya هو di tempat nominatif
--	--

Jadual Fleksi 36

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan huruf مَا dalam jadual fleksi 34 merujuk kepada makna nafi dan tidak berfungsi. Penggunaan مَا dengan makna penafian melihat kepada *siya:q al-kala:m* (penyampaian ayat). Dalam ayat ini, huruf nafi مَا berada pada preposisi kata kerja kala kini/depan. مَا menafikan kata kerja kala lepas dan kala kini/depan. Apabila dimasukkan bersama kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan keadaan semasa. Huruf مَا biasanya digunakan bersama kata kerja kala lepas.¹

Penggunaan لَا yang tidak berfungsi dalam jadual fleksi 35 adalah kepada kata nama indifinit terletak pada *jawab syart*.

Penggunaan لَا yang tidak berfungsi dalam jadual fleksi 36 kerana ia merupakan 'atf kepada *jumlat* yang sebelumnya.

4.3.24 Ayat 50

﴿ قُلْ لَا أَقُولُ لَكُمْ عِنْدِي خَزَائِنُ اللَّهِ وَلَا أَعْلَمُ الْغَيْبَ وَلَا أَقُولُ لَكُمْ إِنِّي مَلَكٌ إِنْ أَتَّبَعُ إِلَّا مَا يُوْحَىٰ إِلَيَّ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الْأَعْمَىٰ وَالْبَصِيرُ أَفَلَا تَتَفَكَّرُونَ ﴾

Terjemahan :

Katakanlah (wahai Muhammad); "Aku tidak mengatakan kepada kamu (bahawa) perbendaharaan Allah ada di sisiku, dan aku pula tidak mengetahui perkara-perkara yang ghaib; aku juga tidak mengatakan kepada kamu bahawasanya aku ini malaikat, Aku tidak menurut melainkan apa yang diwahyukan kepadaku". Bertanyalah (kepada mereka): "Adakah sama orang yang buta dengan orang yang celik? tidakkah kamu mahu berfikir?"²

¹ Mulakhkhas Qawa'id al-Lughah al-'Arabiah hlm 150

² Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 300

A. Tafsiran ayat

Allah s.w.t berfirman kepada RasulNya s.a.w untuk memberitahu kepada orang-orang kafir bahawa baginda s.a.w bukanlah pemilik perbendaharaan dan tidak mengetahui perkara-perkara ghaib melainkan apa yang diberitahu oleh Allah kepada baginda s.a.w. Baginda s.a.w tidak juga mendakwa bahawa dirinya adalah malaikat bahkan merupakan seorang manusia biasa yang diwahyukan oleh Allah. Allah s.w.t bertanya dalam bentuk celaan bahawa tidak sama orang yang mendapat petunjuk hidayah dengan orang yang sesat.¹

B. Fleksi :

لَا أَقُولُ “Aku tidak mengatakan”	
لَا	Huruf nafi tiada kefungasian
أَقُولُ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris hadapan Pelakunya ganti nama sembunyian taqdirnya أنا di tempat nominatif

Jadual Fleksi 37

لَا أَعْلَمُ “aku pula tidak mengetahui”	
لَا	Huruf nafi tiada kefungasian
أَعْلَمُ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris hadapan Pelakunya ganti nama sembunyian taqdirnya أنا di tempat nominatif

Jadual Fleksi 38

¹ Tafsir al-Qur'an al-azim jld.2 hlm 138

لَا أَقُولُ “aku juga tidak mengatakan”	
لَا	Huruf nafi tiada kefungsiian
أَقُولُ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris hadapan Pelakunya ganti nama sembunyian taqdirnya أنا di tempat nominatif

Jadual Fleksi 39

إِنْ أَتَّبِعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰ إِلَيَّ “Aku tidak menurut melainkan apa yang diwahyukan kepadaku”	
إِنْ	Huruf nafi tiada kefungsiian
أَتَّبِعُ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris hadapan Pelakunya ganti nama sembunyian taqdirnya أنا di tempat nominatif
إِلَّا	Partikel <i>al-ḥaṣr</i> ataupun <i>al-qasr</i>
مَا يُوحَىٰ	<i>Isim mausu:l mabniy</i> dengan kasus berbaris sukun di tempat akusatif <i>maf'u:lun bih</i> dan kata kerja kala kini/depan berbentuk pasif nominatif dengan kasus taqdir berbaris hadapan Pelakunya ganti nama sembunyian taqdirnya هو di tempat nominatif
إِلَيَّ	Huruf genetif dan gantinama genetif

Jadual Fleksi 40

لَا تَتَفَكَّرُونَ “tidakkah kamu mahu berfikir”	
لَا	Huruf nafi tiada kefungsiian
تَتَفَكَّرُونَ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus kekalan huruf نون. Pelakunya الواو gantinama bersambungan di tempat nominatif

Jadual Fleksi 41

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf $\bar{\text{ل}}$ yang digunakan dalam jadual fleksi 37, 38 dan 39 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan.

Penggunaan huruf $\bar{\text{ن}}$ dalam jadual fleksi 40 merujuk kepada makna nafi dan tidak berfungsi. Penggunaan $\bar{\text{ن}}$ dengan makna penafian melihat kepada *siya:q al-kala:m* (penyampaian ayat) dan penggunaan $\bar{\text{ل}}$ (Partikel *istithna:'* menunjukkan *al-ḥaṣr* ataupun *al-qaṣr*) yang telah menguatkan lagi isyarat bahawa penggunaan $\bar{\text{ن}}$ dalam ayat ini bermaksud nafi. Ketidakfungsiannya pula adalah disebabkan $\bar{\text{ل}}$ (Partikel *istithna:'* menunjukkan *al-ḥaṣr* ataupun *al-qaṣr*) yang berada dalam ayat yang sama selepas penggunaan $\bar{\text{ن}}$ nafi.

Penggunaan huruf $\bar{\text{ل}}$ dalam jadual fleksi 41 adalah dalam bentuk yang tidak berfungsi dan digunakan mendepani kata kerja kala kini/depan yang tidak berubah kasusnya serta fleksinya. Huruf $\bar{\text{ل}}$ dalam ayat ini disertai dengan *huruf hamzat al-istifha:m* yang membawa makna pertanyaan bertujuan mencela. Pertanyaan ini tidak memerlukan jawapan.

4.3.25 Ayat 51

﴿ وَأَنْذِرْ بِهِ الَّذِينَ يَخَافُونَ أَنْ يُحْشَرُوا إِلَىٰ رَبِّهِمْ لَيْسَ لَهُمْ مِنْ دُونِهِ وَلِيٌّ وَلَا شَفِيعٌ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴾

Terjemahan :

Dan berilah amaran dengan al-Quran itu kepada orang-orang yang merasa takut bahawa mereka akan dihimpunkan kepada tuhan mereka (pada hari kiamat), (padahal) tiadalah bagi mereka pelindung dan **tidak juga pemberi syafaat** yang lain dari Allah, supaya mereka bertaqwa.

A. Tafsiran ayat

Berilah ancaman dengan al-Quran wahai Muhammad s.a.w kepada orang-orang mukmin yang mengakui kebenaran tentang janji Allah bahawa mereka akan dihimpunkan di padang mahsyar yang penuh dengan penderitaan. Pada masa itu hanya Allah sahaja yang dapat memberikan mereka perlindungan. Mudah-mudahan dengan ancaman ini, orang-orang kafir yang melakukan banyak kemaksiatan akan menjadi orang-orang yang bertaqwa.¹

B. Fleksi :

لَا شَفِيعٌ*	
“ tidak juga pemberi syafaat ”	
لَا	Huruf nafi tambahan dan penegas penafian
شَفِيعٌ*	‘atf kepada ولي

Jadual Fleksi 42

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan لَا dalam jadual fleksi 42 ialah لَا الْمُؤَكَّدَةُ لِلتَّنْفِي , ia disertakan dengan وَأَوْ ‘atf untuk menghindarkan kesamaran Penggunaan huruf لَا disini tidak memberikan kesan perubahan pada kata nama indifinit yang berada didepannya. Huruf لَا dalam ayat ini merupakan tambahan dan kesan penegasan pada makna akan lebih jelas..

¹ Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm 392

4.3.26 Ayat 52

﴿ وَلَا تَطْرُدِ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ بِالْعَدَاةِ وَالْعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُ مَا عَلَيْكَ مِنْ حِسَابِهِمْ مِنْ شَيْءٍ وَمَا مِنْ حِسَابِكَ عَلَيْهِمْ مِنْ شَيْءٍ فَطَطَّرُدَهُمْ فَتَكُونَ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴾

Terjemahan :

*Dan janganlah engkau usir orang-orang yang beribadat dan berdoa kepada tuhan mereka pagi dan petang, sedang mereka menghendaki keredaannya semata-mata. **Tiadalah engkau bertanggungjawab** sesuatu pun mengenai hitungan amal mereka, dan mereka juga **tidak bertanggungjawab sesuatu pun mengenai hitungan amal mu.** maka (sekiranya) engkau usir mereka, nescaya menjadilah engkau dari orang-orang yang zalim.¹*

A. Tafsiran ayat

Jangan kamu usir golongan orang-orang mukmin yang lemah itu sedang mereka beribadat menghambakan diri kepada Allah siang dan malam semata-mata mengharapkan keredhaan Allah². Al-Ṭabariy mengatakan ayat ini diturunkan disebabkan satu kumpulan orang-orang mukmin yang lemah, berkata orang-orang kafir kepada Rasulullah s.a.w: “jika kamu mengusir mereka nescaya kami akan bersamamu dan hadir ke dalam majlis kamu” sedang Rasulullah menghendaki orang-orang kafir itu bersama-sama masuk ke dalam Islam.³ Allah menyambungnyanya lagi bahawa Rasulullah s.a.w tidak akan bertanggungjawab dengan kebajikan dan dosa yang mereka lakukan dan mereka juga tidak akan bertanggungjawab dengan apa yang Rasulullah s.a.w lakukan. Oleh itu Allah melarang Rasulullah mengusir orang-orang mukmin yang lemah tadi malah jika diusir juga maka jadilah dari kalangan orang-orang yang zalim.

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 301

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm 392

³ Al-Ṭabariy jld.11 hlm 374

B. Fleksi :

مَا عَلَيْكَ <i>“Tiadalah engkau bertanggungjawab”</i>	
مَا	Huruf nafi tiada kefungsiian
عَلَيْكَ	Huruf genitif dan gantinama genitif

Jadual Fleksi 43

مَا مِنْ حِسَابِكَ <i>“ tidak bertanggungjawab sesuatu pun mengenai hitungan amal mu”</i>	
مَا	Huruf nafi tiada kefungsiian
مِنْ	Huruf genitif tambahan
حِسَابِكَ	Kata nama genitif dan muḍa:f manakala كُ ganti nama mabniy dengan kasus berbaris atas di tempat genitif <i>mudha:f ilaihi</i>

Jadual Fleksi 44

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Dalam kedua-dua jadual fleksi 43 dan 44, huruf مَا digunakan untuk menunjukkan makna penafian. Penggunaan huruf nafi مَا dalam keadaan terpisah dari subjeknya merupakan salah satu petunjuk bahawa huruf ini tidak berfungsi.

4.3.27 Ayat 56

﴿ قُلْ إِنِّي نُهِيتُ أَنْ أَعْبُدَ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ قُلْ لَا آتَّبِعُ أَهْوَاءَ كُمْ قَدْ ضَلَلْتُ إِذَا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴾

Terjemahan :

Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku dilarang menyembah mereka yang kamu sembah yang lain dari Allah". Katakanlah lagi: "Aku tidak akan menurut hawa nafsu kamu, kerana kalau aku turut, sesungguhnya sesatlah aku, dan tiadalah aku dari orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk".¹

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 302

A. Tafsiran ayat

Katakanlah wahai Muhammad kepada orang-orang musyrikin bahawa aku melarang penyembahan berhala yang kamu mendakwanya sebagai tuhan dan kamu sembah selain dari Allah. Aku juga tidak akan mengikut hawa nafsu kamu untuk menyembah selain dari Allah. Sekiranya aku mengikut hawa nafsu kamu, aku juga akan turut sesat dan tidaklah aku dari kalangan orang-orang yang mendapat hidayah dan pertunjuk.¹

B. Fleksi :

لَا أَتَّبِعُ “Aku tidak akan menurut”	
لَا	Huruf nafi tiada kefungsi
أَتَّبِعُ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris hadapan Pelakunya ganti nama sembunyi taqdirnya انا di tempat nominatif

Jadual Fleksi 45

مَا أَنَا مِنَ الْمُهْتَدِينَ “tiadalah aku dari orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk”	
مَا	Huruf nafi berfungsi dengan makna لَيْسَ
أَنَا	Ganti nama mabniy dengan kasus sukun di tempat nominatif subjek
مِنَ	Huruf genitif
الْمُهْتَدِينَ	Kata nama genitif

Jadual Fleksi 46

C. Huruf لَا yang digunakan dalam jadual fleksi 45 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia

¹ Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm393

mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan huruf مَا dalam jadual fleksi 46 ayat ini menunjukkan ia berfungsi sebagaimana لَيْسَ yang menominatifkan subjek dan mengakusatifkan predikat. Kefungsian huruf مَا dalam hal ini melihat kepada penggunaan al-Hija:ziyyun yang menjadikan huruf ini berfungsi seperti لَيْسَ pada keadaan indifinit dan difinit.

4.3.28 Ayat 57

﴿ قُلْ إِنِّي عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّي وَكَذَّبْتُمْ بِهِ مَا عِندِي مَا تَسْتَعْجِلُونَ بِهِ إِنَّ الْحُكْمَ إِلَّا لِلَّهِ يَقُصُّ
الْحَقَّ وَهُوَ خَيْرُ الْفَاصِلِينَ ﴾

Terjemahan :

*Katakanlah: "Sesungguhnya aku tetap berada di atas (kebenaran yang berdasarkan) bukti-bukti yang nyata (al-Quran) dari Tuhanku; sedang kamu mendustakannya. **Tidak ada padaku** apa yang kamu minta disegerakan (dari azab seksa); **hanya Allah jualah yang menetapkan hukum**; ia menerangkan kebenaran, dan Dialah sebaik-baik yang memberi keputusan".¹*

A. Tafsiran ayat

Katakanlah wahai Muhammad bahawa sesungguhnya kamu nampak terang dan jelas dengan syariat Allah yang telah diwahyukannya yang telah kamu dustai kebenarannya yang didatangkan Allah kepadaku. Tidak ada padaku apa yang kamu tergesa-gesa minta padaku dari azab Allah. Sesungguhnya urusan menurunkan azab adalah urusan Allah. Allah jualah yang meberikan perkhabaran benar dan menerangkannya dan Dia jualah sebaik-baik hakim yang menghakimi hamba-hambanya.²

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 303

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm393

B. Fleksi :

<p>مَا عِنْدِي مَا تَسْتَعْجِلُونَ بِهِ</p> <p>“tidak ada padaku apa yang kamu minta disegerakan (dari azab seksa)”</p>		
مَا	Huruf nafi tiada kefungsiian	
عِنْدِي	Dzorf maka:n dan ganti nama mabniy di tempat genitif <i>mudha:f ilaihi</i> terikat dengan predikat <i>muqaddam maḥdhu:f</i> dengan andaian موجود	
مَا	Isim mauṣu:l mabniy dengan kasus berbaris sukun di tempat nominatif subjek <i>mu'akhkar</i>	
تَسْتَعْجِلُونَ بِهِ	Kata kerja kala kini/depan akusatif dengan إِنَّ dan tanda akusatifnya ialah dihapuskan huruf نون. Pelakunya الواو gantinama bersambungan di tempat nominatif. به Huruf genitif dan gantinama genitif	<i>Ṣilah mauṣu:l</i>

Jadual Fleksi 47

<p>إِنَّ الْحُكْمَ إِلَّا لِلَّهِ</p> <p>“hanya Allah jualah yang menetapkan hukum”</p>	
إِنَّ	Huruf nafi tiada kefungsiian
الْحُكْمَ	Subjek nominatif dengan kasus berbaris hadapan
إِلَّا	Partikel <i>istithna:</i> ’ menunjukkan <i>al-ḥaṣr</i> ataupun <i>al-qaṣr</i>
لِلَّهِ	Huruf genitif dan kata nama genitif

Jadual Fleksi 48

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan huruf مَا mendepani *zorf zama:n* dalam jadual fleksi 47 bukanlah secara langsung. Huruf مَا dalam ayat ini diselangi dengan kata nama yang dipadamkan dengan andaian موجود. Ayat akan berbunyi : ¹ مَا الَّذِي تَسْتَعْجِلُونَ بِهِ مَوْجُودٌ عِنْدِي

¹ Al-I'ra:b al-Mufaṣṣol Li Kita:bi Al-La:h al-Murattal. c.1 hlm 224

Dalam jadual fleksi 48 pula huruf nafi yang digunakan juga tidak mempunyai fungsi kerana tidak memenuhi syarat kefungsiannya. Ini kerana terdapat huruf **إِلَّا** selepasnya dalam ayat yang sama.

4.3.29 Ayat 59

﴿ وَعِنْدَهُ مَفَاتِحُ الْغَيْبِ لَا يُعَلِّمُهَا إِلَّا هُوَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَمَا تَسْقُطُ مِنْ وَرَقَةٍ إِلَّا يَعْلَمُهَا وَلَا حَبَّةٍ فِي ظُلُمَاتِ الْأَرْضِ وَلَا رَطْبٍ وَلَا يَابِسٍ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُبِينٍ ﴾

Terjemahan :

*Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, **tiada sesiapa yang mengetahuinya** melainkan Dialah sahaja; dan Dia mengetahui apa yang ada di darat dan di laut; dan **tidak gugur** sehelai daun pun melainkan ia mengetahuinya, dan **tidak gugur sebutir biji pun** dalam kegelapan bumi dan **tidak gugur yang basah dan yang kering**, melainkan (semuanya) ada tertulis di dalam kitab (lauh mahfuz) yang terang nyata.¹*

A. Tafsiran ayat

Allah mempunyai perbendaharaan yang ghaib, iaitu sesuatu yang tidak nampak oleh mata, yang tiada siapa mengetahuinya melainkan Allah. Dia mengetahui segala yang berada di langit dan di bumi dari makhlukNya satu persatu. Maha suci Allah yang maha mengetahui segalanya sehinggalah kepada jatuh gugur dedaunan dari pepohonan ke bumi. Begitu juga dengan bijian yang kecil dalam perut bumi, Dia mengetahui bila dan dimana ia akan tumbuh dan tiada sesuatu yang basah atau kering melainkan ia telah dicatatkan di *lauh al-mahfu:z*.²

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 303

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm

B. Fleksi :

لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ “tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dialah sahaja”	
لَا	Huruf nafi tiada kefungsian
يَعْلَمُهَا	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris hadapan Pelakunya ganti nama sembunyian taqdirnya هو di tempat nominatif manakala ها ganti nama bersambungan mabniy dengan kasus sukun di tempat akusatif maf‘u:lun bih
إِلَّا	Partikel <i>al-ḥaṣr</i> ataupun <i>al-qaṣr</i>
هُوَ	Badal nominatif kepada pelaku gantinama dalam kata kerja kala kini/depan يعلمها

Jadual Fleksi 49

مَا تَسْقُطُ مِنْ وَرَقَةٍ إِلَّا يَعْلَمُهَا “dan tidak gugur sehelai daun pun melainkan ia mengetahuinya”	
مَا	Huruf nafi tiada kefungsian
تَسْقُطُ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris hadapan Pelakunya ganti nama sembunyian taqdirnya هي di tempat nominatif
مِنْ وَرَقَةٍ	Huruf genetif dan kata nama genetif
إِلَّا	Partikel <i>al-ḥaṣr</i> ataupun <i>al-qaṣr</i>
يَعْلَمُهَا	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris hadapan Pelakunya gantinama sembunyian taqdirnya هو di tempat nominatif manakala ها gantinama bersambungan mabniy dengan kasus sukun di tempat akusatif maf‘u:lun bih

Jadual Fleksi 50

وَلَا حَبَّةٌ فِي ظِلْمَاتِ الْأَرْضِ وَلَا رَطْبٌ وَلَا يَابِسٌ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُبِينٍ “dan tidak gugur sebutir bijipun dalam kegelapan bumi dan tidak gugur yang basah dan yang kering, melainkan (semuanya) ada tertulis di dalam kitab (lauh mahfuz) yang terang nyata”	
و	Huruf ‘atf
لَا	Huruf nafi tambahan dan penegas penafian

حَبَّةٍ	Kata nama genitif <i>ma 'tu:f</i> kepada ورقة
فِي ظِلْمَاتِ	Huruf genitif dan kata nama genitif <i>mudha:f</i>
إِلَى الْأَرْضِ	<i>Mudha:f ilaihi</i>
وَ	Huruf <i>'atf</i>
لَا	Huruf nafi tambahan dan penegas penafian
رَطْبِ	Kata nama genitif <i>ma 'tu:f</i> kepada ورقة
وَ	Huruf <i>'atf</i>
لَا	Huruf nafi tambahan dan penegas penafian
يَابِسِ	Kata nama genitif <i>ma 'tu:f</i> kepada ورقة
إِلَّا	Partikel <i>al-ḥaṣr</i> ataupun <i>al-qasr</i>
فِي كِتَابِ	Huruf genitif dan kata nama genitif <i>na'at</i>
مُبِينِ	<i>Man'u:t</i>

Jadual Fleksi 51

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf لا yang digunakan dalam jadual fleksi 49 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan.

Penggunaan huruf مَا dalam jadual fleksi 50 merujuk kepada makna nafi dan tidak berfungsi. Penggunaan مَا dengan makna penafian melihat kepada *siya:q al-kala:m* (penyampaian ayat). Dalam ayat ini, huruf nafi مَا berada pada preposisi kata kerja kala kini/depan. مَا menafikan kata kerja kala lepas dan kala kini/depan. Apabila dimasukkan bersama kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan keadaan semasa. Huruf مَا biasanya digunakan bersama kata kerja kala lepas.¹

¹ Mulakhkhaṣ Qawa'id al-Lughat al-'Arabiyyat hlm 150

Penggunaan tiga huruf *ل* dalam jadual fleksi 51 tidak memberikan kesan perubahan pada kata nama indifinit yang berada didepannya. Huruf *ل* dalam ayat ini merupakan tambahan dan kesan penegasan pada makna akan lebih jelas.

4.3.30 Ayat 61

﴿ وَهُوَ الْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِ وَيُرْسِلُ عَلَيْكُمْ حَفَظَةً حَتَّىٰ إِذَا جَاءَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ تَوَفَّتْهُ رُسُلُنَا وَهُمْ لَا يُفِرُّونَ ﴾

Terjemahan :

Dan Dialah yang berkuasa atas sekalian hambaNya; dan ia mengutuskan kepada kamu pengawal-pengawal (malaikat yang menjaga dan menulis segala yang kamu lakukan), sehingga apabila sampai ajal maut kepada salah seorang di antara kamu, lalu diambil (nyawanya) oleh utusan-utusan Kami (malaikat); sedang mereka pula (malaikat itu) tidak cuai (dalam menjalankan tugasnya).¹

A. Tafsiran ayat

Dialah Allah yang berkuasa ke atas setiap sesuatu yang tunduk dan patuh kepada keagungan dan kebesaranNya. Diutuskan para malaikat untuk menjaga manusia sehingga datang kepadanya saat-saat kematian serta diperintahkan kepada malaikat supaya mencabut nyawa mereka. Mereka juga tidak cuai menjaga ruh-ruh yang telah dicabut tadi dan diletakkan ruh orang-orang yang baik ke dalam syurga *'illiyyi:n* sementara ruh orang-orang yang jahat kedalam neraka *sijji:n*.²

B. Fleksi :

لَا يُفِرُّونَ	
“ (malaikat itu) tidak cuai (dalam menjalankan tugasnya). ”	
لَا	Huruf nafi tiada kefungsiian
يُفِرُّونَ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus kekalan

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 304

² Tafsir al-Qur'a:n al-'azi:m jld.2 hlm 143

	huruf نون. Pelakunya الواو gantinama bersambungan di tempat nominatif
--	---

Jadual Fleksi 52

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf لا yang digunakan dalam jadual fleksi 52 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan..

4.3.31 Ayat 62

﴿ ثُمَّ رُدُّوْا۟ اِلَى اللّٰهِ مَوْلَا۟هُمُ الْحَقُّۙ اِلَّا۟ لَهُ الْحُكْمُۙ وَهُوَۥۙ اَسْرَعُ الْحٰ۟سِبِيْنَۙ ﴾

Terjemahan :

Kemudian mereka (yang diambil nyawanya itu) dikembalikan kepada Allah pengawas mereka yang sebenar (yang akan membalas Dengan adil). ketahuilah, bagi Allah jualah berkuasa menetapkan hukum (pada hari kiamat itu), dan Dialah secepat-cepat Pengira - Penghitung.¹

A. Tafsiran ayat

Hamba-hamba yang dibangkitkan pada hari kiamat nanti akan dikembalikan kepada Allah yang mencipta dan memiliki mereka untuk diadili seadil-adilnya. Allah sahaja yang berhak menjatuhkan hukuman terhadap hambanya yang akan menghitung amalan hambanya dalam masa setengah hari sebagaimana yang diriwayatkan dari Nabi s.a.w bahawa manusia akan dihisab dalama jangka waktu memerah susu kambing.

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 304

B. Fleksi :

إِلَّا لَهُ الْحُكْمُ “ketahuilah, bagi Allah jualah berkuasa menetapkan hukum (pada hari kiamat itu),”	
إِلَّا	Harf <i>istifta:h</i> tiada kefungsiian
لَهُ	Huruf genetif dan gantinama genetif di tempat predikat didahulukan
الْحُكْمُ	Subjek diakhirkan nominatif dengan kasus berbaris hadapan

Jadual Fleksi 53

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan huruf nafi لا dalam jadual fleksi 23 yang dimasukkan *hamzat istifha:m* tidak membawa maksud penafian dan ia bukanlah terdiri dari salah satu huruf yang dibincangkan dalam perbahasan ini. Menurut Ibnu Hisya:m Al-Anşariy sekiranya dimasukkan *hamzat istifha:m* kepada لا ia tidak akan mengubah hukum dan kebiasaannya menunjukkan makna التَّوْبِيخُ¹. Huruf أَلَا hampir tidak digunakan melainkan dengan tawaran العَرْضُ².

4.3.32 Ayat 69

﴿ وَمَا عَلَى الَّذِينَ يَتَّقُونَ مِنْ حِسَابِهِمْ مِنْ شَيْءٍ وَلَكِنْ ذِكْرَىٰ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴾

Terjemahan :

Dan **tidaklah ada tanggungjawab sedikitpun atas orang-orang yang bertaqwa mengenai dosa orang-orang (kafir yang mengejek-ejek) itu, akan tetapi (kewajipan orang-orang Islam) ialah mengingati (larangan Allah itu) supaya mereka bertaqwa.**³

¹ Audahul al-Masa:lik jld.2 hlm 25

² Al-Nahwu al-Wa:fiy jld.4 hlm513

³ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 306

A. Tafsiran ayat

Orang-orang mukmin tiada kena mengena dengan herdikan dan kesesatan orang-orang kafir apabila orang-orang mukmin menjauhi mereka dan tidak duduk bersama mereka tetapi orang-orang mukmin wajib memberikan peringatan kepada mereka dan melarang mereka dari melakukan keburukan selagi terdaya serta tunjukkan kepada mereka kebencian supaya mereka berhenti dari mengejek-ejek al-Quran kerana malu dari orang-orang mukmin apabila mereka melihat orang-orang mukmin meninggalkan majlis mereka.¹

B. Fleksi :

مَا عَلَى الَّذِينَ يَتَّقُونَ “tidaklah ada tanggungjawab sedikit pun atas orang-orang yang bertaqwa”	
مَا	Huruf nafi tiada kefungsiian
عَلَى	Huruf genitif
الَّذِينَ	Isim mausu:l mabniy dengan kasus berbaris atas di tempat genitif
يَتَّقُونَ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus kekalan huruf نون. Pelakunya الواو gantinama bersambungan di tempat nominatif

Jadual Fleksi 54

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan huruf مَا mendepani huruf genitif ialah dalam jadual fleksi 54 tidaklah secara langsung. Huruf مَا dalam ayat ini diselangi dengan kata nama yang dipadamkan dengan andaian موجود . Ayat akan berbunyi :²

مَا الشَّيْءُ مَوْجُودٌ عَلَى الَّذِينَ يَتَّقُونَ مِنْ حِسَابِهِمْ

¹ Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm 397

² Al-I'ra:b al-Mufaṣṣol Li Kita:bi Al-La:h al-Murattal. c.1 hlm 224

4.3.33 Ayat 70

﴿ وَذَرِ الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا وَعَرَّتْهُمْ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَذَكَرَ بِهِ أَنْ تَبْسَلَ نَفْسٌ بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيٌّ وَلَا شَفِيعٌ وَإِنْ تَعْدِلْ كُلَّ عَدْلٍ لَا يُؤْخَذُ مِنْهَا أُولَئِكَ الَّذِينَ أُبْسِلُوا بِمَا كَسَبُوا لَهُمْ شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْفُرُونَ ﴾

Terjemahan :

*Dan jauhkanlah diri dari orang-orang yang menjadikan agama mereka sebagai permainan dan hiburan, dan mereka pula telah diperdayakan oleh kehidupan dunia dan peringatkanlah (mereka) dengan al-Quran itu supaya tiap-tiap diri (di akhirat kelak) tidak terjerumus (ke dalam azab neraka) dengan sebab apa yang ia telah usahakan (dari perbuatan yang buruk dan keji). Tidak ada baginya pelindung dan **tidak juga pemberi syafaat** yang lain dari Allah. dan jika ia hendak menebus (dirinya) dengan segala jenis tebusan, (nescaya tebusan itu) **tidak akan diterima** daripadanya. mereka itulah orang-orang yang dijerumuskan (ke dalam azab neraka) dengan sebab apa yang telah mereka usahakan. bagi mereka disediakan minuman dari air panas yang menggelegak, dan azab seksa yang tidak terperi sakitnya, disebabkan mereka kufur ingkar (semasa hidupnya).¹*

A. Tafsiran ayat

Orang-orang mukmin diseru agar dijauhkan diri dari orang-orang kafir yang mempersenda-sendakan agama, sedang mereka pula dihanyutkan oleh tipu daya dunia yang mereka anggap tiada lagi kehidupan selepas daripada itu. Allah menyeru supaya mereka diperingatkan dengan al-Quran agar mereka tidak membinasakan diri mereka sebagai balasan di atas amalan buruk yang mereka kerjakan. Mereka tidak ada penolong yang akan membebaskan mereka dari api neraka selain Allah sungguhpun mereka menyerahkan satu dunia yang penuh dengan emas untuk menebus diri mereka namun ia tidak akan diterima. Allah juga menyebut sebahagian sifat-sifat neraka yang didiami oleh orang-orang yang kufur engkar serta mengejek-ejek al-Quran dan apa yang disampaikan oleh Baginda Rasulullah s.a.w.²

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 306

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm 398

B. Fleksi :

وَلَا شَفِيعٌ <i>dan tidak juga pemberi syafaat</i>	
لَا	Huruf nafi tambahan dan penegas penafian
شَفِيعٌ	'atf kepada ولي

Jadual Fleksi 55

لَا يُؤْخَذُ <i>"tidak akan diterima"</i>	
لَا	Huruf nafi tiada kefungsian
يُؤْخَذُ	Kata kerja kala kini/depan berbentuk pasif <i>majzu:m</i> jawab syarat dengan kasus sukun

Jadual Fleksi 56

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan huruf لَا dalam jadual fleksi 55 tidak memberikan kesan perubahan pada kata nama indifinit yang berada didepannya. Huruf لَا dalam ayat ini merupakan tambahan dan kesan penegasan pada makna akan lebih jelas. Penggunaan لَا الْمُؤَكَّدَةَ , disertakan dengan وَأَوْ 'atf untuk menghindarkan kesamaran.

Huruf لَا yang digunakan dalam jadual fleksi 56 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan.. Kata kerja kala kini/depan *majzu:m* yang berada selepasnya adalah disebabkan kata kerja ini berada di tempat jazm jawab syarat

4.3.34 Ayat 71

﴿ قُلْ أَدْعُو مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُنَا وَلَا يَضُرُّنَا وَنُرَدُّ عَلَىٰ أَعْقَابِنَا بَعْدَ إِذْ هَدَانَا اللَّهُ كَالَّذِي اسْتَهْوَتْهُ الشَّيَاطِينُ فِي الْأَرْضِ حَيْرَانَ لَهُ أَصْحَابٌ يَدْعُونَهُ إِلَى الْهُدَىٰ ائْتِنَا قُلْ إِنْ هَدَىٰ اللَّهُ هُوَ الْهُدَىٰ وَأُمِرْنَا لِنُسَلِّمَ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ ﴾

Terjemahan :

Katakanlah: "Patutkah kita menyeru serta menyembah yang lain dari Allah, sesuatu yang tidak dapat memberi manfaat kepada kita dan tidak dapat mendatangkan mudarat kepada kita; dan (patutkah) kita dikembalikan undur ke belakang (menjadi kafir musyrik) setelah kita diberi hidayah petunjuk oleh Allah (dengan agama Islam), seperti orang yang telah disesatkan oleh syaitan-syaitan di bumi (di tempat yang lengang) dalam keadaan bingung, sedang ia pula mempunyai sahabat-sahabat yang mengajaknya ke jalan yang lurus (dengan berkata kepadanya): "Marilah bersama-sama kami." Katakanlah: "Sesungguhnya petunjuk Allah itulah sebenar-benar petunjuk, dan kita diperintahkan supaya berserah diri kepada Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam".¹

A. Tafsiran ayat

Allah mengajukan persoalan melalui Nabi Muhammad s.a.w dengan kewajaran menyembah yang lain daripada Allah, sedangkan ia tidak dapat memberikan kemanfaatan dan kemudharatan. Kemudian kembali kepada kekufuran selepas diberikan petunjuk oleh Allah seolah-olah mereka disesatka oleh syaitan-syaitan dalam keadaan bingung tanpa tujuan. Mereka sebenarnya mempunyai sahabat-sahabat yang mengajak mereka untuk bersama-sama ke jalan yang benar kerana petunjuk yang benar hanya petunjuk dari Allah.²

B. Fleksi :

لَا يَنْفَعُنَا وَلَا يَضُرُّنَا	
<i>“tidak dapat memberi manfaat kepada kita dan tidak dapat mendatangkan mudarat kepada kita”</i>	
لَا	Huruf nafi tiada kefungsiian
يَنْفَعُنَا	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 307

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm 398

	hadapan Pelakunya ganti nama sembunyian taqdirnya هو di tempat nominatif dan نا ganti nama di tempat akusatif <i>maf'u:lun bih</i>
وَ	Huruf 'atf
لَا	Huruf nafi tiada kefungisian
يَضُرُّنَا	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris hadapan Pelakunya ganti nama sembunyian taqdirnya هو di tempat nominatif dan نا ganti nama di tempat akusatif <i>maf'u:lun bih</i>

Jadual Fleksi 57

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf لا yang digunakan dalam jadual fleksi 57 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan. Huruf nafi yang kedua adalah tambahan untuk menguatkan makna ayat.

4.3.35 Ayat 76

﴿ فَلَمَّا جَنَّ عَلَيْهِ اللَّيْلُ رَأَىٰ كَوْكَبًا قَالَ هَٰذَا رَبِّي فَلَمَّا أَفَلَ قَالَ لَا أُحِبُّ الْإِفْلِينَ ﴾

Terjemahan :

Maka ketika ia berada pada waktu malam yang gelap, ia melihat sebuah bintang (bersinar-sinar), lalu ia berkata: "Inikah Tuhanku?" kemudian apabila bintang itu terbenam, ia berkata pula: "**Aku tidak suka kepada yang terbenam hilang**".¹

A. Tafsiran ayat

Ayat ini berkesinambungan dengan ayat yang sebelumnya ketika Allah memperlihatkan kekuasaan dan kebesarannya kepada Nabi Ibrahim a.s. Apabila malam mula gelap,

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 308

maka kelihatanlah bintang-bintang yang terang di langit seraya berkatalah Nabi Ibrahim a.s: “Inilah tuhanku”, sedang apabila bintang mula terbenam, berkata pula Nabi Ibrahim a.s: “Aku tidak suka kepada apa yang tebenam.”

B. Fleksi :

لَا أَحِبُّ <i>Aku tidak suka kepada yang terbenam hilang</i>	
لَا	Huruf nafi tiada kefungsiian
أَحِبُّ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris hadapan Pelakunya ganti nama sembunyian taqdirnya أَنَا di tempat nominatif

Jadual Fleksi 58

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf لَا yang digunakan dalam jadual fleksi 58 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan. Menurut ‘Abba:s Hasan لَا yang mendepani kata kerja adalah لَا yang tidak berfungsi, jika ia mendepani kata kerja kala kini/depan – menurut pendapat yang kuat – ia akan menunjukkan penafian kala kini/depan.¹

¹ Al-Nahwu al-Wa:fiy jld.1 hlm 59

4.3.36 Ayat 77

﴿ فَلَمَّا رَأَى الْقَمَرَ بَازِعًا قَالَ هَذَا رَبِّي فَلَمَّا أَفَلَ قَالَ لَئِن لَّمْ يَهْدِنِي رَبِّي لَأَكُونَنَّ مِنَ الْقَوْمِ الضَّالِّينَ ﴾

Terjemahan :

Kemudian apabila dilihatnya bulan terbit (menyinarkan cahayanya), dia berkata: "Inikah Tuhanku?" maka setelah bulan itu terbenam, berkatalah dia: "Demi sesungguhnya, jika **aku tidak diberikan petunjuk** oleh Tuhanku, nescaya menjadilah aku dari kaum yang sesat".¹

A. Tafsiran ayat

Apabila Nabi Ibrahim a.s melihat terbit membiaskan cahayanya, dia berkata bahawa inilah tuhanku sambil memperlihatkan tingkhlakunya kepada kaumnya bahawa apa yang mereka sembah dan patuh adalah suatu kebodohan dan bathil. Apabila bulan juga terbenam, berkata pula Ibrahim a.s. : “sekiranya Allah tidak menetapkannya di atas hidayahNya nescaya dia akan tergolong dari kalangan orang-orang yang sesat.”

B. Fleksi :

<p>لَمْ يَهْدِنِي</p> <p>“aku tidak diberikan petunjuk”</p>	
لَمْ	Huruf nafi dan jazm
يَهْدِنِي	Kata kerja kala kini/depan <i>majzu:m</i> dengan kasus hazf huruf ‘ <i>illat</i> Pelakunya ganti nama sembunyan taqdirnya هو di tempat nominatif . نون sebagai penjagaan dari bersambungan dengan ياء ganti nama bersambungan di tempat akusatif <i>maf’u:lun bih</i>

Jadual Fleksi 59

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 308

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf nafi yang digunakan dalam jadal fleksi 59 ayat ini merupakan huruf yang menjazamkan kata kerja kala kini/depan yang *mu'tall la:m*. Kata kerja يهدي yang didahulukan oleh huruf jazm telah mengubah fleksi kata kerja ini menjadi kata kerja kala kini/depan *majzu:m* dan mengubah makna ayat kepada kala lampau. Fleksi kata kerja ini adalah seperti dalam jadal di atas.

4.3.37 Ayat 79

﴿إِنِّي وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ حَنِيفًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ﴾

Terjemahan :

"Sesungguhnya aku hadapkan muka dan diriku kepada Allah yang menciptakan langit dan bumi, sedang aku tetap di atas dasar tauhid dan **bukanlah aku** dari orang-orang yang menyekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain)".¹

A. Tafsiran ayat

“Sesungguhnya aku maksudkan kepatuhan dan tauhidku hanya kepada Allah yang mencipta alam ini dan menjadikan langit dan bumi sedang aku tetap dengan agama yang benar dan bukanlah aku dari kalangan orang-orang yang menyembah yang lain bersama Allah.”²

B. Fleksi :

<p>مَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ</p> <p>“bukanlah Aku dari orang-orang yang menyekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain):</p>	
مَا	Huruf nafi berfungsi dengan makna لَيْسَ
أَنَا	Ganti nama mabniy dengan kasus sukun di tempat nominatif subjek

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 309

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm 402

مِنْ	Huruf genitif
المُشْرِكِينَ	Kata nama genitif

Jadual Fleksi 60

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan huruf مَا dalam jadual fleksi 60 ayat ini menunjukkan ia berfungsi sebagaimana لَيْسَ yang menominatifkan subjek dan mengakusatifkan predikat. Kefungsian huruf مَا dalam hal ini melihat kepada penggunaan al-Hijaziyyun yang menjadikan huruf ini berfungsi seperti لَيْسَ dalam keadaan indifinit dan difinit.

4.3.38 Ayat 80

﴿ وَحَاجَّهُ قَوْمُهُ قَالَ أَتُحَاجُّونِّي فِي اللَّهِ وَقَدْ هَدَانِ وَلَا أَخَافُ مَا تُشْرِكُونَ بِهِ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ رَبِّي شَيْئًا وَسِعَ رَبِّي كُلَّ شَيْءٍ عِلْمًا أَفَلَا تَتَذَكَّرُونَ ﴾

Terjemahan :

*Dan ia dibantah oleh kaumnya, ia pun berkata: "Patutkah kamu membantahku mengenai Allah, padahal sesungguhnya ia telah memberi hidayah petunjuk kepadaku? dan **aku pula tidak takut** (akan sebarang bahaya dari) apa yang kamu sekutukan dengan Allah, kecuali Tuhanku menghendaki sesuatu dari bahaya itu. (Sesungguhnya) pengetahuan Tuhanku meliputi tiap-tiap sesuatu, **tidakkah kamu mahu (insaf) mengambil pelajaran?**"¹*

A. Tafsiran ayat

Nabi Ibrahim a.s. kemudian dibantah oleh kaumnya dalam hal mentauhidkan Allah. Beliau berkata pada kaumnya : “adakah kamu membantahku tentang kewujudan Allah dan keesaanNya sedangkan dia telah memperlihatkan dan memberi petunjuk kepadaku kepada kebenaran. Aku tidak takut kepada apa yang kamu menganggapnya tuhan kamu

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 309

selain daripada Allah kerana ia tidak memberikan manfaat serta kemudharatan, ia tidak melihat dan tidak pula mendengar, juga tidak berkemampuan ke atas sesuatu dari apa yang kamu anggap melainkan jika sekiranya Allah menghendaki aku terkena sesuatu maka Allah maha luas kekuasaanNya ke atas semua. Apakah kamu tidak mahu mengambil pengajaran serta sedar dan insaf ?” Ini merupakan peringatan di atas kealpaan mereka kerana mempersekutukan Allah.¹

B. Fleksi :

لَا أَخَافُ “aku pula tidak takut”	
لَا	Huruf nafi tiada kefungsiian
أَخَافُ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris hadapan Pelakunya ganti nama sembunyian taqdirnya أنا di tempat nominatif

Jadual Fleksi 61

أَفَلَا تَتَذَكَّرُونَ “tidakkah kamu mahu (insaf) mengambil pelajaran?”	
أَ	Istifha:miyah dan taubi:khiy
فَ	Tambahan
لَا	Huruf nafi tiada kefungsiian
تَتَذَكَّرُونَ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus kekalan huruf نون. Pelakunya الواو gantinama bersambungan di tempat nominatif

Jadual Fleksi 62

¹ Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm 402

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf **لَا** yang digunakan dalam jadual fleksi 61 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan.

Penggunaan huruf **لَا** dalam jadual fleksi 62 juga dalam bentuk yang tidak berfungsi dan digunakan mendepani kata kerja kala kini/depan yang tidak berubah kasusnya serta fleksinya. Huruf **لَا** dalam ayat ini disertai dengan *huruf hamzat al-istifha:m* yang membawa makna pertanyaan bertujuan mencela.

4.3.39 Ayat 81

﴿ وَكَيْفَ أَخَافُ مَا أَشْرَكْتُمْ وَلَا تَخَافُونَ أَنَّكُمْ أَشْرَكْتُمْ بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزَّلْ بِهِ عَلَيْكُمْ سُلْطَانًا فَأَيُّ الْفَرِيقَيْنِ أَحَقُّ بِالْأَمْنِ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴾

Terjemahan :

"Dan bagaimanakah aku hendak takutkan apa yang kamu sekutukan dengan Allah itu (yang tidak dapat mendatangkan sesuatu bahaya), padahal **kamu tidak takut** bahawa kamu telah sekutukan Allah dengan sesuatu yang **Allah tidak menurunkan** sebarang keterangan kepada kamu mengenainya? maka yang manakah di antara dua puak itu yang lebih berhak mendapat keamanan (dari bahaya), jika betul kamu mengetahui?"¹

A. Tafsiran ayat

Nabi Ibrahim a.s menambah lagi dengan berkata kepada orang-orang kafir bahawa beliau tidak takut kepada tuhan mereka yang mereka telah mempersekutukannya dengan Allah. Pada masa yang sama mereka pula tidak takut kepada Allah yang mereka sekutukannya tanpa hujjah dan bukti. Maka yang mana satu dari kalangan kita yang lebih berhak dengan keimanan, jika betul dengan apa yang telah ketahui.²

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 309

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm 402

B. Fleksi :

لَا تَخَافُونَ “kamu tidak takut”	
لَا	Huruf nafi tiada kefungisian
تَخَافُونَ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus kekalan huruf نون. Pelakunya الواو gantinama bersambungan di tempat nominatif

Jadual Fleksi 63

لَمْ يُنَزِّلْ “Allah tidak menurunkan”	
لَمْ	Huruf nafi dan jazm
يُنَزِّلْ	Kata kerja kala kini/depan berbentuk pasif <i>majzu:m</i> jawab syarat dengan kasus sukun

Jadual Fleksi 64

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf لَا yang digunakan dalam jadual fleksi 63 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan.

Huruf nafi yang digunakan dalam jadual fleksi 64 ayat ini merupakan huruf yang menjazamkan kata kerja kala kini/depan. Kata kerja kala kini/depan yang didepani huruf ini akan berubah kepada bentuk *majzu:m* dan mengubah makna ayat kepada kala lampau.

4.3.40 Ayat 82

﴿ الَّذِينَ آمَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ أُولَٰئِكَ لَهُمُ الْإِيمَانُ وَهُمْ مُهْتَدُونَ ﴾

Terjemahan :

Orang-orang yang beriman dan **tidak mencampur adukkan** iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka itulah orang-orang yang mendapat keamanan dan merekalah orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.¹

A. Tafsiran ayat

Orang-orang yang beriman yang tidak mencampuradukkan iman mereka dengan syirik, mereka itulah orang-orang yang akan selamat daripada azab api neraka dan mereka mendapat hidayah dan petunjuk.

B. Fleksi :

<p>لَمْ يَلْبِسُوا</p> <p>“tidak mencampur adukkan”</p>	
لَمْ	Huruf nafi dan jazm
يَلْبِسُوا	Kata kerja kala kini/depan <i>majzu:m</i> dengan kasus hazaf نون dan Pelakunya الواو gantinama bersambungan di tempat nominatif

Jadual Fleksi 65

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf nafi yang digunakan dalam jadual fleksi 65 ayat ini merupakan huruf yang menjazamkan kata kerja kala kini/depan. Kata kerja kala kini/depan yang didepani huruf ini akan berubah kepada bentuk *majzu:m* dan mengubah makna ayat kepada kala lampau.

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 310

4.3.41 Ayat 90

﴿ أَوْلِيكَ الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ فَبِهَدَاهُمْ أَقْتَدِهِ قُلْ لَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ
لِّلْعَالَمِينَ ﴾

Terjemahan :

Mereka (nabi-nabi) itulah, orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah, maka turutlah olehmu (wahai Muhammad) akan petunjuk mereka; katakanlah: "Aku tidak meminta upah kepada kamu mengenai petunjuk (al-Quran yang aku sampaikan) itu. Al-Quran itu tidak lain hanyalah peringatan bagi penduduk alam seluruhnya.¹

A. Tafsiran ayat

Nabi-nabi dan Rasul-rasul a.h.m.s yang terdahulu ialah mereka yang telah diberikan Allah kepada mereka hidayah untuk dituruti perjalanan hidup mereka oleh Nabi Muhammad s.a.w. Dakwah Baginda s.a.w terhadap kaumnya bukan untuk diupah atau dibayar. Sesungguhnya al-Quran adalah untuk memberikan kesedaran dan peringatan kepada semua makhluk.²

B. Fleksi :

لَا أَسْأَلُكُمْ	
“Aku tidak meminta upah kepada kamu”	
لَا	Huruf nafi tiada kefungasian
أَسْأَلُكُمْ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris hadapan dan كَم Ganti nama bersambungan di tempat akusatif <i>maf'u:lun bih pertama</i>

Jadual Fleksi 66

إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِّلْعَالَمِينَ	
“Al-Quran itu tidak lain hanyalah peringatan bagi penduduk alam seluruhnya.”	
إِنْ	Huruf nafi tidak berfungsi kerana tidak memenuhi syarat kefungasian kerana terdapat huruf إِلَّا

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 311

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm 404

هُوَ	Subjek nominatif mabniy
إِلَّا	Partikel <i>istithna:</i> ' menunjukkan <i>al-ḥaṣr</i> ataupun <i>al-qaṣr</i>
ذَكَرَى	Predikat nominatif dengan kasus berbaris hadapan taqdir kerana <i>ta'azzur</i>
لِلْعَالَمِينَ	Huruf genitif dan kata nama genitif

Jadual Fleksi 67

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf لا yang digunakan dalam jadual fleksi 66 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan.

Penggunaan huruf إِنَّ dalam jadual fleksi 67 merujuk kepada makna nafi dan tidak berfungsi. Penggunaan إِنَّ dengan makna penafian melihat kepada *siya:q al-kala:m* (konteks ayat) dan penggunaan إِلَّا (Partikel *istithna:*' menunjukkan *al-ḥaṣr* ataupun *al-qaṣr*) yang telah menguatkan lagi isyarat bahawa penggunaan إِنَّ dalam ayat ini bermaksud nafi. Ketidaksiannya pula adalah disebabkan إِلَّا yang berada dalam ayat yang sama selepas penggunaan إِنَّ nafi.

4.3.42 Ayat 91

﴿وَمَا قَدَرُوا اللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِ إِذْ قَالُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ عَلَى بَشَرٍ مِّن شَيْءٍ قُلْ مَنْ أَنْزَلَ الْكِتَابَ الَّذِي جَاءَ بِهِ مُوسَى نُورًا وَهُدًى لِّلنَّاسِ تَجْعَلُونَهُ قَرَاطِيسَ يُبَدُّونَهَا وَتُخْفُونَ كَثِيرًا وَعُلِّمْتُمْ مَا لَمْ تَعْلَمُوا أَنْتُمْ وَلَا آبَاؤُكُمْ قُلِ اللَّهُ ثُمَّ ذَرْهُمْ فِي خَوْضِهِمْ يَلْعَبُونَ﴾

Terjemahan :

Dan tiadalah mereka (kaum Yahudi) menghormati Allah sesuai dengan penghormatan yang sebenarnya ketika mereka berkata: "Allah tidak menurunkan sesuatu pun kepada manusia". Bertanyalah (kepada kaum Yahudi yang ingkar itu): "Siapakah yang menurunkan Kitab (Taurat) yang dibawa oleh Nabi Musa sebagai cahaya dan petunjuk

bagi manusia, yang kamu jadikan dia lembaran-lembaran kertas, sambil kamu perlihatkan (kepada orang ramai sebahagian kecil daripadanya) dan kamu sembunyikan kebanyakannya; sedang kamu pula diajarkan (dengan pengajaran-pengajaran yang terkandung di dalamnya), yang **tidak diketahui** oleh kamu (sebelum itu) dan **tidak juga oleh datuk nenek kamu?**" Katakanlah (kepada mereka): "Allah jualah (yang menurunkannya)", Kemudian, biarkanlah mereka leka bermain-main dalam kesesatannya.¹

A. Tafsiran ayat

Orang-orang Yahudi pada hakikatnya tidak mengenal dan membesarkan Allah dengan sebenar-benarnya ketika mereka mengingkari wahyu Allah dan perutusan Nabi Muhammad s.a.w. Lalu Baginda diperintahkan supaya bertanya kepada kaum Yahudi yang degil itu tentang siapakah yang menurunkan taurat kepada nabi Musa a.s sebagai cahaya yang menyuluh hidayah kepada Bani Israel yang ditulis di atas kertas-kertas yang berceraian dan berasingan yang memperlihatkan dan menyembunyikan apa yang mereka kehendaki. At Tabariy menyatakan : orang-orang yahudi menyembunyikan tentang kenabian Nabi Muhammad s.a.w. Orang-orang Yahudi telah diberitahu tentang agama Allah dan hidayahnya dalam al-Quran yang tidak diketahui oleh mereka datuk nenek mereka. Allah yang menurunkan al-Quran kemudian membiarkan mereka dalam kebathilan kerana mereka mengejek-ejek al-Quran serta mendustai dan mempermain-mainkannya.²

B. Fleksi :

مَا قَدَرُوا	
“ tiadalah mereka (kaum Yahudi) menghormati”	
مَا	Huruf nafi tiada kefungisian
قَدَرُوا	Kata kerja kala lampau mabniy dengan kasus berbaris hadapan kerana bersambung dengan الواو الجماعة sebagai pelaku

Jadual Fleksi 68

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 312

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm 404 dan 405

مَا أَنْزَلَ	
“ tidak menurunkan ”	
مَا	Huruf nafi tiada kefungisian
أَنْزَلَ	Kata kerja kala lampau <i>mabniy</i> dengan kasus berbaris atas

Jadual Fleksi 69

لَمْ تَعْلَمُوا أَنْتُمْ وَلَا آبَاؤُكُمْ	
“yang tidak diketahui oleh kamu (sebelum itu) dan tidak juga oleh datuk nenek kamu?”	
لَمْ	Huruf nafi dan <i>jazm</i>
تَعْلَمُوا	Kata kerja kala kini/depan <i>majzu:m</i> dengan dihilangkan huruf نون. Pelakunya الواو gantinama bersambungan di tempat nominatif
أَنْتُمْ	Ganti nama <i>mabniy</i> dengan kasus sukun di tempat nominatif <i>tawki:d lafziy</i>
وَ	Huruf ‘ <i>atf</i>
لَا	Huruf nafi tambahan dan penegas penafian
آبَاؤُكُمْ	Kata nama nominatif <i>ma’tu:f</i> kepada gantinama تعلموا dan ganti nama كم di tempat genetif <i>mudha:f ilaihi</i>

Jadual Fleksi 70

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan huruf nafi dalam jadual fleksi 68 dan 69 mendepani kata kerja kala lampau. As Sibawaih berpendapat : مَا berfungsi “penafian” seperti ayat menyebut مَا يَفْعَلُ (dia kini tidak lakukan) sekiranya perbuatan kala kini/depan. Sekiranya klausa menyebut لَقَدْ فَعَلَ (sesungguhnya dia telah lakukan) maka penafiannya مَا فَعَلَ (dia sudah tidak lakukan) seolah-olah dia telah berkata وَاللَّهِ مَا فَعَلَ (Demi Allah dia sudah tidak lakukan).¹

¹ Al-Kita:b jld.3 hlm 117

Huruf nafi yang digunakan dalam jadual fleksi 70 ayat ini merupakan huruf yang menjazamkan kata kerja kala kini/depan. Kata kerja *تعلموا* yang didahulukan oleh huruf jazm telah mengubah fleksi kata kerja ini menjadi kata kerja kala kini/depan *majzu:m* dan mengubah makna ayat kepada kala lampau.

Penggunaan huruf *لَا* dalam jadual fleksi 70 dalam ayat yang sama juga tidak memberikan kesan perubahan pada kata nama difinit yang berada didepannya. Huruf *لَا* dalam ayat ini merupakan tambahan dan kesan penegasan pada makna akan lebih jelas.

4.3.43 Ayat 93

﴿ وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَىٰ عَلَى اللَّهِ كَذِبًا أَوْ قَالَ أُوحِيَ إِلَيَّ وَلَمْ يُوحَ إِلَيْهِ شَيْءٌ وَمَنْ قَالَ سَأُنزِلُ مِثْلَ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَوْ تَرَىٰ إِذِ الظَّالِمُونَ فِي غَمْرَاتِ الْمَوْتِ وَالْمَلَائِكَةُ بَاسِطُوا أَيْدِيهِمْ أَخْرِجُوا أَنْفُسَكُمُ الْيَوْمَ تُجْزَوْنَ عَذَابَ الْهُونِ بِمَا كُنتُمْ تَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ غَيْرَ الْحَقِّ وَكُنتُمْ عَنْ آيَاتِهِ تَسْتَكْبِرُونَ ﴾

Terjemahan :

Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang mereka-reka perkara yang dusta terhadap Allah, atau orang yang berkata: "Telah diberi wahyu kepadaku", padahal tidak diberikan sesuatu wahyu pun kepadanya; dan orang yang berkata: "Aku akan menurunkan seperti apa yang diturunkan Allah". dan (sungguh ngeri) sekiranya engkau melihat ketika orang-orang yang zalim itu dalam penderitaan "sakratul-maut" (ketika hendak putus nyawa), sedang malaikat-malaikat pula menghulurkan tangan mereka (memukul dan menyiksa orang-orang itu) sambil berkata (dengan menengking dan mengejek): "Keluarkanlah nyawa kamu (dari tubuh kamu sendiri); pada hari ini kamu dibalas dengan azab seksa yang menghina (kamu) sehina-hinanya, disebabkan apa yang telah kamu katakan terhadap Allah dengan tidak benar, dan kamu pula (menolak dengan) sombong takbur akan ayat-ayat keteranganNya".¹

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 313

A. Tafsiran ayat

Orang yang paling zalim ialah orang yang mendustai Allah dengan melakukan syirik dan menjadikan penolong bagiNya. Juga orang yang mendakwa dirinya diberikan wahyu dan mengaku nabi seperti Musailamah Al-Kazza:b dan Al-Aswad Al-‘Ansiyy sedang mereka tidak diberikan wahyu. Juga orang yang mengaku dapat mengadakan kitab seperti al-Quran. Sekiranya Nabi s.a.w melihat orang-orang yang zalim ini berada di ambang maut, sedang malaikat memukul-mukul mereka dan mengazab mereka dari depan dan belakang untuk mencabut nyawa mereka seraya malaikat itu menengking dan mengejek kepada mereka supaya mereka bebaskan sendiri nyawa mereka. Inilah balasan azab sekza yang paling hina yang ditimpakan ke atas orang-orang yang pernah mendustakan Allah dan ayat-ayat Allah.¹

B. Fleksi :

لَمْ يُوحَ “tidak diberikan sesuatu wahyu”	
لَمْ	Huruf nafi dan <i>jazm</i>
يُوحَ	Kata kerja kala kini/depan berbentuk pasif <i>majzu:m</i> dengan kasus hazaf huruf ‘ <i>illaṭ</i>

Jadual Fleksi 71

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf nafi yang digunakan dalam jadual fleksi 72 ayat ini merupakan huruf yang menjazamkan kata kerja kala kini/depan yang *mu’tall la:m*. Kata kerja *يُوحَى* yang didahulukan oleh huruf *jazm* telah mengubah fleksi kata kerja ini menjadi kata kerja kala kini/depan *majzu:m*. Fleksi kata kerja ini adalah seperti dalam jadual di atas.

¹ Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm 405

4.3.44 Ayat 94

﴿وَلَقَدْ جِئْتُمُونَا فُرَادَىٰ كَمَا خَلَقْنَاكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَتَرَكْتُمْ مَا خَوَّلْنَاكُمْ وَرَاءَ ظُهُورِكُمْ وَمَا نَرَىٰ مَعَكُمْ شُفَعَاءَكُمُ الَّذِينَ زَعَمْتُمْ أَنَّهُمْ فِيكُمْ شُرَكَاءَ لَقَدْ تَقَطَّعَ بَيْنَكُمْ وَضَلَّ عَنْكُمْ مَا كُنتُمْ تَزْعُمُونَ﴾

Terjemahan :

*Demi sesungguhnya, kamu tetap datang kepada Kami (pada hari kiamat) dengan bersendirian, sebagaimana Kami jadikan kamu pada mulanya; dan kamu tinggalkan di belakang kamu apa yang telah Kami kurniakan kepada kamu; dan **Kami tidak melihat** beserta kamu penolong-penolong yang kamu anggap dan sifatkan bahawa mereka ialah sekutu-sekutu Allah dalam kalangan kamu. Demi sesungguhnya, telah putuslah perhubungan antara kamu (dengan mereka), dan hilang lenyaplah daripada kamu apa yang dahulu kamu anggap dan sifatkan (memberi faedah dan manfaat).¹*

A. Tafsiran ayat

Orang-orang kafir akan datang kepada Allah untuk dihisab secara bersendirian tanpa ahli keluarga, harta dan anak-pinak dalam keadaan berkaki ayam serta tanpa pakaian sebagaimana mereka mula dilahirkan. Mereka datang meninggalkan apa yang telah Allah kurniakan kepada mereka dari harta dunia yang tidak memberikan faedah pada hari kiamat, tidak juga kelihatan bersama-sama mereka tuhan-tuhan yang mereka dakwa akan memberikan syafaat kepada mereka dan orang-orang yang mereka anggap penolong-penolong Allah yang patut disembah. Semua itu telah dipisahkan oleh Allah daripada mereka untuk memberikan syafaat dan pertolongan kepada mereka pada hari kiamat.²

B. Fleksi :

مَا نَرَىٰ	
“Kami tidak melihat beserta kamu penolong-penolong”	
مَا	Huruf nafi tiada kefungsian
نَرَىٰ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 313

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm 406

	hadapan secara takdir di atas huruf إَلْفٌ . Pelakunya ganti nama sembunyan taqdirnya نَحْنُ di tempat nominatif
--	--

Jadual Fleksi 72

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan huruf مَا dalam jadual fleksi 72 merujuk kepada makna nafi dan tidak berfungsi. Penggunaan مَا dengan makna penafian melihat kepada *siya:q al-kala:m* (penyampaian ayat). Dalam ayat ini, huruf nafi مَا berada pada preposisi kata kerja kala kini/depan. مَا menafikan kata kerja kala lepas dan kala kini/depan. Apabila dimasukkan bersama kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan keadaan semasa. Huruf مَا biasanya digunakan bersama kata kerja kala lepas.¹ Untuk keterangan terperinci tentang huruf ini sila rujuk 4.3.1 Ayat 4 jadual fkesi 1.

4.3.45 Ayat 101

﴿بَدِيعُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ أَنَّى يَكُونُ لَهُ وَلَدٌ وَلَمْ تَكُنْ لَهُ صَاحِبَةٌ وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ﴾

Terjemahan :

(Dia lah) Yang menciptakan langit dan bumi. Bagaimanakah ia mempunyai anak sedang **ia tidak mempunyai** isteri? ia pula Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, dan Dia lah Yang Maha mengetahui akan segala-galanya.²

A. Tafsiran ayat

Allah telah mencipta langit dan bumi tanpa ada yang sepertinya sebelum itu. Dia tidak mempunyai anak dan tidak beristeri. Bagaimana Allah mempunyai anak dan isteri sedangkan Allah yang mencipta segalanya serta maha mengetahui. Pencipta adalah suci

¹ Mulakhkhas Qawa'id al-Lughat al-'Arabiya hlm 150

² Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 316

daripada apa yang menyerupaiNya.¹ Ibnu Juziyy menyatakan : Tujuan penolakan dakwaan bahawa Allah mempunyai anak dan isteri ialah :²

1. Kewujudan anak semestinya akan menyerupai ayahnya, sedangkan Allah tidak menyerupai sesuatu kerana Dialah pencipta
2. Sesungguhnya Allah mencipta langit dan bumi. Pencipta adalah maha kaya dari mempunyai anak.

B. Fleksi :

<p>لَمْ تَكُنْ لَهُ صَاحِبَةٌ</p> <p>“ia tidak mempunyai isteri”</p>	
لَمْ	Huruf nafi menjazamkan kata kerja kala kini/depan dan mengubah maksud kepada kala lepas
تَكُنْ	Kata kerja kala kini/depan <i>na:qis majzu:m</i> dengan huruf لَمْ . Tanda <i>jazm</i> dengan kasus berbaris sukun. Pelakunya ialah gantinama tersembunyi dengan ditaqdirkan iaitu أَنْتِ
لَهُ	Huruf genitif dan gantinama ditempat yang genitif
صَاحِبَةٌ	Subjek كَانَ nominatif dengan kasus berbaris hadapan

Jadual Fleksi 73


C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf nafi yang digunakan dalam jadual fleksi 73 pertama ayat ini merupakan huruf yang menjazamkan kata kerja kala kini/depan yang *na:qis*. Kata kerja تكون yang didahulukan oleh huruf jazm telah mengubah fleksi kata kerja ini menjadi kata kerja kala kini/depan *majzu:m*.

¹ Safwat al-tafa:si:r jld.1 hlm 409

² Al-Tashi:l li ‘Ulu:m al-Tanzi:l jld.1 hlm 281

Penjelasan struktur :



4.3.46 Ayat 102

﴿ ذَلِكُمُ اللَّهُ رَبُّكُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ خَالِقُ كُلِّ شَيْءٍ فَاعْبُدُوهُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ وَكِيلٌ ﴾

Terjemahan :

Yang demikian (sifat-sifatNya dan kekuasaanNya) ialah Allah Tuhan kamu, **tiada tuhan (yang berhak disembah)** melainkan Dia, yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, maka beribadatlh kamu kepadaNya. dan (ingatlah) Dialah yang mentadbirkan segala-galanya.¹

A. Tafsiran ayat

Itulah Tuhanmu yang menjadikan kamu yang memiliki dan mentadbir urusan kamu, tiada kepatuhan yang sebenarnya melainkan kepadaNya. Dialah yang menjadikan keseluruhan yang ada dan Dialah juga yang menjaga dan mentadbir setiap sesuatu.²

B. Fleksi :

لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ	
“ <i>tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia</i> ”	
لَا	إنَّ النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ berfungsi sebagaimana
إِلَهَ	Subjek النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ لِأَ Mabniy dengan kasus berbaris di atas di tempat akusatif
إِلَّا	Istithna:’ tiada kefungisian
هُوَ	Badal nominatif kepada tempat لَا serta subjeknya manakala predikatnya pula <i>maḥdhu:f</i> dengan takdir موجود

Jadual Fleksi 74

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 316

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm 410

C. Struktur penggunaan huruf nafi

لَا النَّافِيَةِ لِلْجِنْسِ ialah huruf yang berfungsi seperti إِنَّ mengakusatifkan subjek dan menominatifkan predikat. Berbeza dengan لَا النَّافِيَةِ لِلْوَحْدَةِ yang berfungsi sebagaimana كَانَ. Penggunaan لَا النَّافِيَةِ لِلْجِنْسِ dalam jadual fleksi 74 bertujuan menafikan semua jenis keraguan tanpa ada sebarang andaian yang lain telah menguatkan penyampaian ayat ini. Sementara subjek لَا النَّافِيَةِ لِلْجِنْسِ ialah kata nama indifinit yang mabniy adalah selari sebagaimana penggunaannya dalam ilmu sintaksis bahasa Arab

4.3.47 Ayat 103

﴿ لَا تُدْرِكُهُ الْإِبْصَارُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْإِبْصَارَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ ﴾

Terjemahan :

Ia tidak dapat dilihat dan diliputi oleh penglihatan mata, sedang ia dapat melihat (dan mengetahui hakikat) segala penglihatan (mata), dan Dia lah yang maha halus (melayan hamba-hambaNya dengan belas kasihan), lagi maha mendalam pengetahuanNya.¹

A. Tafsiran ayat

Tidak sampai kepadaNya penglihatan mata dan tidak dapat diliputi dengannya sedang Dia dapat melihat dan mengetahui segalanya yang meliputi setiap sesuatu. Dia maha lemah lembut dengan hambaNya dan maha mengetahui dengan kemaslahatan mereka.²

B. Fleksi :

لَا تُدْرِكُهُ	
“Ia tidak dapat dilihat dan diliputi”	
لَا	Huruf nafi tiada kefungsiian
تُدْرِكُهُ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 316

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm 410

	hadapan dan ganti nama <i>mabniy</i> dengan kasus berbaris hadapan di tempat akusatif <i>maf'u:lun bih</i> didahulukan
--	---

Jadual Fleksi 75

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf نَ yang digunakan dalam jadual fleksi 75 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan.

Ibnu Kathir menyatakan bahawa penafian penglihatan bukan penafian penglihatan di hari kiamat ketika mana Allah menunjukkan diriNya kepada hambanya yang beriman bila-bila masa yang dikehendakiNya.¹

4.3.48 Ayat 104

﴿ قَدْ جَاءَكُمْ بِصَآئِرٍ مِّن رَّبِّكُمْ فَمَن أَبْصَرَ فَلِنَفْسِهِ وَمَن عَمِيَ فَعَلَيْهَا وَمَا أَنَا عَلَيْكُمْ بِحَفِيظٍ ﴾

Terjemahan :

(Katakanlah wahai Muhammad): "Sesungguhnya telah datang kepada kamu keterangan-keterangan (dalil-dalil dan bukti) dari Tuhan kamu; oleh itu sesiapa melihat (kebenaran itu serta menerimanya) maka faedahnya terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa buta (dan enggan menerimanya) maka bahayanya tertimpalah ke atas dirinya sendiri. dan **tiadalah** Aku berkewajipan menjaga dan mengawasi kamu".²

A. Tafsiran ayat

Telah datang kepada kaum kafir keterangan-keterangan dan hujjah-hujjah yang memperlihatkan petunjuk-petunjuk dari kesesatan dan perbezaan antara yang hak dan

¹ Mukhtaşar Tafsir Ibnu Kathir: jld.1 hlm 605

² Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 316

yang bathil. Al-Zamakhshariyy menyatakan barangsiapa yang melihat kebenaran dan mendapat keamanan maka dia melihat kebenaran untuk dirinya dan ianya akan bemanfaat, sementara barangsiapa yang buta dari kebenaran maka buta itu untuk dirinya dan ianya akan memudharatkannya.¹ Seterusnya Rasulullah s.a.w menyatakan bahawa Baginda s.a.w tidak menjaga dan memelihara mereka bahkan Dia telah memberitahu ancaman kepada mereka, yang menjaga dan mengawasi mereka hanyalah Allah.²

B. Fleksi :

مَا أَنَا عَلَيْكُمْ بِحَفِيظٍ “tiadalah Aku berkewajipan menjaga dan mengawasi kamu”	
مَا	Huruf nafi berfungsi dengan makna لَيْسَ
أَنَا	Subjek مَا nominatif <i>mabniy</i> dengan kasus <i>sukun</i>
عَلَيْكُمْ	Huruf genitif dan gantinama genitif
بِحَفِيظٍ	باء huruf jar tambahan dan kata nama genitif pada lafaz di tempat akusatif predikat مَا .

Jadual Fleksi 76

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan huruf مَا dalam jadual fleksi 60 ayat ini menunjukkan ia berfungsi sebagaimana لَيْسَ yang menominatifkan subjek dan mengakusatifkan predikat. Kefungsian huruf مَا dalam hal ini melihat kepada penggunaan al-Hijaziyyun yang menjadikan huruf ini berfungsi seperti لَيْسَ pada keadaan indifinit dan difinit. Penambahan بَاء huruf genitif pada predikatnya pula adalah harus.

¹ Tafsir al-Kasysya: f jld.2 hlm384

² Safwat al-Tafa: si: r jld.1 hlm 410

4.3.49 Ayat 106

﴿ اتَّبِعْ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ ﴾

Terjemahan :

Ikutlah apa yang telah diwahyukan kepadamu dari Tuhanmu, **tiada tuhan (yang berhak disembah)** melainkan Dia, dan berpalinglah dari orang-orang musyrik.¹

A. Tafsiran ayat

Yakni ikutlah wahai Muhammad s.a.w al-Quran yang kami diwahyukan oleh Allah kepada kamu. Al Qurtubiy menyatakan “janganlah kamu menyibukkan hati kamu dan pemikiran kamu dengan mereka bahkan isikanlah masa kamu dengan beribadat kepada Allah. Allah sahaja yang berhak disembah. Jangan bersungguhan dengan mereka dan jangan berpaling kepada cadangan-cadangan mereka.”²

B. Fleksi :

لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ	
“tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia”	
لَا	إنَّ النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ berfungsi sebagaimana
إِلَهَ	Subjek النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ لَا mabniy dengan kasus berbaris di atas di tempat akusatif
إِلَّا	Istithna:’ tiada kefungisian
هُوَ	Badal nominatif kepada tempat لَا serta subjeknya manakala predikatnya pula mahdhu:f dengan takdir موجود

Jadual Fleksi 77

C. Struktur penggunaan huruf nafi

لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ ialah huruf yang berfungsi seperti إِنَّ mengakusatifkan subjek dan menominatifkan predikat. Berbeza dengan لَا النَّافِيَةَ لِلْوَحْدَةِ yang berfungsi sebagaimana كَانَ. Penggunaan لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ dalam jadual fleksi 77 bertujuan menafikan semua jenis keraguan tanpa ada sebarang andaian yang lain telah

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 317

² Tafsir al-Qurtubiy jld.8 hlm490

menguatkan penyampaian ayat ini. Sementara subjek *لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ* ialah kata nama indifinit yang mabniy adalah selari sebagaimana penggunaannya dalam ilmu sintaksis bahasa Arab

4.3.50 Ayat 107

﴿وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ مَا أَشْرَكُوا وَمَا جَعَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ حَفِيظًا وَمَا أَنْتَ عَلَيْهِمْ بِوَكِيلٍ﴾

Terjemahan :

Dan kalau Allah menghendaki, nescaya mereka tidak mempersekutukanNya; dan Kami tidak menjadikan engkau (wahai Muhammad) penjaga dan pengawal mereka, dan engkau pula bukanlah wakil yang menguruskan hal-hal mereka (kerana semuanya itu terserah kepada Allah semata-mata).¹

A. Tafsiran ayat

Sekiranya Allah ingin memberikan petunjuk kepada mereka nescaya Allah akan berikan tetapi Allah akan berbuat sesuatu sebagaimana yang Dia kehendaki. Allah tidak jadikan Nabi Muhammad s.a.w sebagai pelindung atau pengawal kepada segala perbuatan dan amalan kaum musyrikin serta memberikan balasan di atas apa yang mereka kerjakan, dan tidak pula Baginda s.a.w diutuskan untuk menjadi wakil yang menguruskan rezki dan urusan mereka.²

B. Fleksi :

<p>مَا أَشْرَكُوا</p> <p>“mereka tidak mempersekutukanNya”</p>	
مَا	Huruf nafi tiada kefungisian
أَشْرَكُوا	Kata kerja kala lampau <i>mabniy</i> dengan kasus berbaris hadapan kerana bersambung dengan الواو الجماعة ditempat nominatif sebagai pelaku

Jadual Fleksi 78

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 317

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm 410

مَا جَعَلْنَاكَ	
“Kami tidak menjadikan engkau (wahai Muhammad)”	
مَا	Huruf nafi tiada kefungisian
جَعَلْنَاكَ	Kata kerja kala lampau <i>mabniy</i> dengan kasus berbaris sukun kerana bersambung dengan نا ditempat nominatif sebagai pelaku manakala gantinama bersambungان ك di tempat akusatif <i>maf‘u:lun bih</i> pertama

Jadual Fleksi 79

مَا أَنْتَ عَلَيْهِمْ بِوَكِيلٍ	
“dan engkau pula bukanlah wakil yang menguruskan hal-hal mereka (kerana semuanya itu terserah kepada Allah semata-mata)”	
مَا	Huruf nafi berfungsi dengan makna لَيْسَ
أَنْتَ	Subjek مَا nominatif <i>mabniy</i> dengan kasus <i>sukun</i>
عَلَيْهِمْ	Huruf genitif dan gantinama genitif
بِوَكِيلٍ	huruf jar tambahan dan kata nama genitif pada lafaz di tempat akusatif predikat مَا .

Jadual Fleksi 80

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan huruf nafi dalam jadual fleksi 78 dan 79 mendepani kata kerja kala lampau.

As Sibawaih berpendapat : مَا berfungsi “penafian” seperti ayat menyebut مَا يَفْعَلُ (dia kini tidak lakukan) sekiranya perbuatan kala kini. Sekiranya klausa menyebut لَقَدْ فَعَلَ (sesungguhnya dia telah lakukan) maka penafiannya مَا فَعَلَ (dia sudah tidak lakukan) seolah-olah dia telah berkata وَاللَّهِ مَا فَعَلَ (Demi Allah dia sudah tidak lakukan).¹

Penggunaan huruf مَا dalam jadual fleksi 80 menunjukkan ia berfungsi sebagaimana لَيْسَ yang menominatifkan subjek dan mengakusatifkan predikat. Kefungsian huruf مَا dalam

¹ Al-Kita:b jld.3 hlm 117

hal ini melihat kepada penggunaan al-Hijaziyyu:n yang menjadikan huruf ini berfungsi seperti *لَيْسَ* pada keadaan indifinit dan difinit. Penambahan *باء* huruf genitif pada predikatnya pula adalah harus.

4.3.51 Ayat 109

﴿ وَأَقْسَمُوا بِاللَّهِ جَهْدَ أَيْمَانِهِمْ لَئِن جَاءَهُمْ آيَةٌ لَّيُؤْمِنَنَّ بِهَا قُلُوبٌ إِنَّمَا إِلَٰهَاتُهُمْ عِندَ اللَّهِ وَمَا يُشْعِرُكُمْ أَنَّهَا إِذَا جَاءَتْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴾

Terjemahan :

*Dan mereka pula bersumpah dengan nama Allah, dengan menegaskan sumpah mereka bersungguh-sungguh, bahawa sesungguhnya jika datang kepada mereka sesuatu mukjizat (sepaimana yang mereka minta itu), tentulah mereka akan beriman kepadaNya. Katakanlah (wahai Muhammad): "Bahawa soal mendatangkan mukjizat-mukjizat itu hanyalah Allah yang menentukannya, dan kamu tidak menyedari (wahai orang-orang Islam), bahawa apabila mukjizat-mukjizat (yang mereka minta) itu datang, mereka juga tidak akan beriman."*¹

A. Tafsiran ayat

Orang-orang kafir Mekah bersumpah dengan bersungguh-sungguh bahawa mereka akan beriman sekiranya ditunjukkan suatu mukjizat sebagaimana cadangan mereka. Kemudian Allah memerintahkan Nabi s.a.w supaya berkata bahawa mukjizat itu bukan dari kehendak dan kuasa dirinya bahkan daripada Allah s..w.t. Orang-orang Islam tidak menyedari bahawa orang-orang kafir tidak akan percaya dengan mukjizat apabila didatangkan kepada mereka.²

B. Fleksi :

لَا يُؤْمِنُونَ	
“mereka juga tidak akan beriman”	
لَا	Huruf nafi tambahan

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 318

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm 411

يُؤْمِنُونَ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus kekalan huruf نون. Pelakunya الواو gantinama bersambungan di tempat nominatif. <i>Jumlat</i> لَا يُؤْمِنُونَ di tempat jawab <i>syart</i> tidak <i>jazam</i>
-------------	--

Jadual Fleksi 81

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan kedua-dua huruf nafi disini adalah tidak berfungsi. Petunjuk jelas dalam hal ini ialah kata kerja kala kini/depan nominatif yang berada selepasnya. Huruf nafi yang kedua adalah tambahan untuk menguatkan makna ayat.

4.3.52 Ayat 110

﴿ وَنُقَلِّبُ أَفْئِدَتَهُمْ وَأَبْصَارَهُمْ كَمَا لَمْ يُؤْمِنُوا بِهِ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَنَنْزِرُهُمْ فِي طَعْيَانِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴾

Terjemahan :

*Dan Kami palingkan hati mereka dan pemandangan mereka sebagaimana mereka telah tidak (mahu) beriman kepada (ayat-ayat Kami ketika datang kepada mereka) pada awal mulanya, dan Kami biarkan mereka meraba-raba di dalam kesesatannya dengan bingung.*¹

A. Tafsiran ayat

Allah akan memalingkan hati orang-orang kafir daripada iman seperti mereka tidak pernah beriman dengan apa yang diturunkan dari al-Quran sejak dari mula ia diturunkan. Allah akan membiarkan mereka dalam kesesatan yang merasuk dan dalam keadaan serba salah dan bingung.²

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 318

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm 411

B. Fleksi :

لَمْ يُؤْمِنُوا “mereka telah tidak (mahu) beriman”	
لَمْ	Huruf nafi dan jazm
يُؤْمِنُوا	Kata kerja kala kini/depan <i>majzu:m</i> dengan kasus hazaf نون dan Pelakunya الواو gantinama bersambungan di tempat nominatif

Jadual Fleksi 82

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf nafi yang digunakan dalam jadual fleksi 82 ayat ini merupakan huruf yang menjazamkan kata kerja kala kini/depan. Kata kerja يؤمنوا yang didahulukan oleh huruf jazm telah mengubah fleksi kata kerja ini menjadi kata kerja kala kini/depan *majzu:m* dan mengubah makna ayat kepada kala lampau.

4.3.53 Ayat 111

﴿وَلَوْ أَنَّا نَزَّلْنَا إِلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةَ وَكَلَّمَهُمُ الْمَوْتَىٰ وَحَشَرْنَا عَلَيْهِمْ كُلَّ شَيْءٍ قُبُلًا مَا كَانُوا لِيُؤْمِنُوا إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَهُمْ يَجْهَلُونَ﴾

Terjemahan :

Dan jika Kami turunkan malaikat pun kepada mereka, dan orang-orang yang mati (hidup semula lalu) berkata-kata dengan mereka, dan Kami himpulkan pula tiap-tiap sesuatu di hadapan mereka (untuk menjadi saksi tentang kebenaran Nabi Muhammad), nescaya mereka tidak juga akan beriman, kecuali jika dikehendaki Allah; tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (hakikat Yang sebenar).¹

A. Tafsiran ayat

Ini adalah merupakan keterangan tentang pendustaan kaum musyrikin berkenaan dengan iman mereka yang terpesong ketika mereka bersumpah dimana sekiranya

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 318

diturunkan kepada malaikat dan dihidupkan semua kematian untuk memberitahu kepada mereka kebenaran Nabi Muhammad s.a.w sebagaimana yang dicadangkan serta dihimpunkan pula segala makhluk sebagai saksi, mereka tidak juga akan beriman melainkan dengan kehendak Allah. Mereka sebenarnya ramai yang jahil.¹

B. Fleksi :

مَا كَانُوا يُؤْمِنُوا	
<i>“nescaya mereka tidak juga akan beriman, kecuali jika dikehendaki Allah”</i>	
مَا	Huruf nafi tiada kefungasian
كَانُوا	Kata kerja kala lampau <i>na:qis mabniy</i> dengan kasus berbaris hadapan kerana bersambung dengan الواو الجماعة sebagai subjek كان
لِ	<i>Lam al-juhu:d</i>
يُؤْمِنُوا	Kata kerja kala kini/depan akusatif dengan أن مضمرة dengan kasus hazaf huruf نون. Pelakunya الواو gantinama bersambungan di tempat nominatif

Jadual Fleksi 83

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan huruf nafi dalam jadual fleksi 83 mendepani kata kerja kala lampau. As Sibawaih berpendapat : مَا berfungsi “penafian” seperti ayat menyebut مَا يَفْعَلُ (*dia kini tidak lakukan*) sekiranya perbuatan kala kini/depan. Sekiranya klausa menyebut لَقَدْ فَعَلَ (*sesungguhnya dia telah lakukan*) maka penafiannya مَا فَعَلَ (*dia sudah tidak lakukan*) seolah-olah dia telah berkata وَاللَّهِ مَا فَعَلَ (*Demi Allah dia sudah tidak lakukan*).²

¹ Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm413

² Al-Kita:b jld.3 hlm 117

4.3.54 Ayat 112

﴿ وَكَذَلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوًّا شَيَاطِينَ الْإِنْسِ وَالْجِنِّ يُوحِي بَعْضُهُمْ إِلَى بَعْضٍ زُخْرُفَ الْقَوْلِ غُرُورًا وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ مَا فَعَلُوهُ فَذَرَّهُمْ وَمَا يُفْتَرُونَ ﴾

Terjemahan :

*Dan demikianlah Kami jadikan bagi tiap-tiap nabi itu musuh dari syaitan-syaitan manusia dan jin, setengahnya membisikkan kepada setengahnya yang lain kata-kata dusta yang indah-indah susunannya untuk memperdaya pendengarnya. dan jika Tuhanmu menghendaki, tentulah **mereka tidak melakukannya**. Oleh itu, biarkanlah mereka dan apa yang mereka ada-adakan (dari perbuatan yang kufur dan dusta) itu.¹*

A. Tafsiran ayat

Sebagaimana Allah jadikan kaum musyrikin musuh kepada Nabi Muhammad s.a.w begitulah juga Allah jadikan kepada nabi-nabi yang terdahulu sebelum Nabi Muhammad s.a.w musuh-musuh dari kalangan syaitan-syaitan, manusia-manusia dan jin-jin, maka Allah menyuruh supaya Nabi s.a.w bersabar dengan penderitaan yang menimpa Baginda s.a.w sebagaimana nabi-nabi terdahulu bersabar. Musuh-musuh Allah dan nabi-nabi seesetengahnya membisikkan syak wasangka dengan kesesatan dan kejahatan. Mereka membisikkan kata-kata yang indah serta bathil untuk menipu manusia. Maka Allah berkuasa untuk menghalang mereka tetapi disebalik itu ada hikmah yang Allah kehendaki daripada ujian ini. Jadi biarkanlah mereka dengan apa yang mereka mahu untuk menyesat dan menipu manusia. Sesungguhnya memadailah Allah sahaja yang menjadi penolong untuk mengalahkan mereka.²

B. Fleksi :

مَا فَعَلُوهُ	
“mereka tidak melakukannya”	
مَا	Huruf nafi tiada kefungsian
فَعَلُوهُ	Kata kerja kala lampau <i>mabniy</i> dengan kasus berbaris hadapan

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 319

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm413

	kerana bersambung dengan الواو الجماعة sebagai pelaku dan ganti nama <i>mabniy</i> dengan kasus berbaris hadapan di tempat akusatif <i>maf'u:lun bih</i>
--	--

Jadual Fleksi 84

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan huruf nafi dalam jadual fleksi 84 mendepani kata kerja kala lampau. As Sibawaih berpendapat : مَا berfungsi “penafian” seperti ayat menyebut مَا يَفْعَلُ (*dia kini tidak lakukan*) sekiranya perbuatan kala kini/depan. Sekiranya klausa menyebut لَقَدْ فَعَلَ (*sesungguhnya dia telah lakukan*) maka penafiannya مَا فَعَلَ (*dia sudah tidak lakukan*) seolah-olah dia telah berkata وَاللَّهِ مَا فَعَلَ (*Demi Allah dia sudah tidak lakukan*).¹

4.3.55 Ayat 113

﴿وَلِتَصْغَىٰ إِلَيْهِ أَفئِدَةُ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ وَلِيَرْضَوْهُ وَلِيَقْتَرِفُوا مَا هُمْ مُّقْتَرِفُونَ﴾

Terjemahan :

*Dan juga supaya hati orang-orang yang **tidak beriman** kepada hari akhirat cenderung kepada bisikan itu, dan supaya disetujui oleh mereka, dan juga supaya mereka (terus) melakukan apa yang mereka lakukan itu.*²

A. Tafsiran ayat

Orang-orang yang tidak beriman dengan hari akhirat akan cenderung untuk mendengar kata-kata manis musuh-musuh Allah supaya mereka akan mempersetujui pendustaan dan mereka akan terus mendapat dosa dari apa yang mereka usahakan.³

¹ Al-Kita:b jld.3 hlm 117

² Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 319

³ Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm413

B. Fleksi :

لَا يُؤْمِنُونَ “orang-orang yang tidak beriman kepada hari akhirat”	
لَا	Huruf nafi tiada kefungisian
يُؤْمِنُونَ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus kekalan huruf نون. Pelakunya الواو gantinama bersambungan di tempat nominatif

Jadual Fleksi 85

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf لَا yang digunakan dalam jadual fleksi 85 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan.

4.3.56 Ayat 115

﴿ وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ صِدْقًا وَعَدْلًا لَا مُبَدَّلَ لِكَلِمَاتِهِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴾

Terjemahan :

Dan telah sempurnalah kalimah Tuhanmu (al-Quran, meliputi hukum-hukum dan janji-janjiNya) dengan benar dan adil; tiada sesiapa yang dapat mengubah sesuatupun dari kalimah-kalimahNya; dan Dialah yang sentiasa mendengar, lagi sentiasa mengetahui.¹

A. Tafsiran ayat

Telah sempurnalah percakapan Allah yang meliputi al-Quran, hukum-hukum dan janji-janjiNya yang diturunkan adalah suatu perkhabaran yang benar serta adil di dalam perancangan dan pelaksanaannya. Suatu yang tidak dapat diubah dalam penetapannya dan ditolak pelaksanaannya. Allah maha mendengar segala perkataan hambaNya dan maha mengetahui segala urusan mereka.²

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 320

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm414

B. Fleksi :

لَا مُبَدَّلَ لِكَلِمَاتِهِ	
“tiada sesiapa yang dapat mengubah sesuatupun dari kalimah-kalimahNya”	
لَا	إنَّ berfungsi dengan fungsi لَا النَّافِيَةِ لِلْجِنْسِ
مُبَدَّلَ	Subjek لَا النَّافِيَةِ لِلْجِنْسِ mabniy dengan kasus berbaris di atas di tempat akusatif
لِكَلِمَاتِهِ	Huruf genitif dan kata nama genitif. Predikat لَا النَّافِيَةِ لِلْجِنْسِ كائن mahzuf taqdirnya

Jadual Fleksi 86

C. Struktur penggunaan huruf nafi

لَا النَّافِيَةِ لِلْجِنْسِ ialah huruf yang berfungsi seperti إِنَّ mengakusatifkan subjek dan menominatifkan predikat. Berbeza dengan لَا النَّافِيَةِ لِلْوَحْدَةِ yang berfungsi sebagaimana كَانَ. Penggunaan لَا النَّافِيَةِ لِلْجِنْسِ dalam jadual fleksi 86 bertujuan menafikan semua jenis keraguan tanpa ada sebarang andaian yang lain telah menguatkan penyampaian ayat ini. Sementara subjek لَا النَّافِيَةِ لِلْجِنْسِ ialah kata nama indifinit yang mabniy adalah selari sebagaimana penggunaannya dalam ilmu sintaksis bahasa Arab

4.3.57 Ayat 116

﴿ وَإِنْ تُطِيعْ أَكْثَرَ مَنْ فِي الْأَرْضِ يُضِلُّوكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ إِنْ يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَإِنْ هُمْ إِلَّا يَخْرُصُونَ ﴾

Terjemahan :

Dan jika engkau menurut kebanyakan orang yang ada di muka bumi, nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah; **tiadalah yang mereka turut** melainkan sangkaan semata-mata, dan **mereka tidak lain** hanyalah berdusta.¹

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 320

A. Tafsiran ayat

Orang kafir adalah orang yang paling ramai di atas muka bumi, yang akan menyesatkan kamu dari petunjuk Allah. Jika dituruti kehendak mereka nescaya mereka akan membawa kesesatan. Apa yang mereka ikuti dalam agama mereka adalah sangkaan dan kesamaran semata-mata yang mereka warisi dari nenek moyang mereka. Mereka menyangka bahawa apa yang dibawa olehnya adalah betul. Mereka sebenarnya adalah kaum yang suka membuat pendustaan terhadap Allah.¹

B. Fleksi :

إِنَّ يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ “tiadalah yang mereka turut melainkan sangkaan semata-mata”	
إِنَّ	Huruf nafi tiada kefungsiian
يَتَّبِعُونَ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus kekalan huruf نون. Pelakunya الواو gantinama bersambungan di tempat nominatif
إِلَّا	Partikel <i>istithna:</i> ’ menunjukkan <i>al-ḥaṣr</i> ataupun <i>al-qaṣr</i>
الظَّنَّ	<i>Mustathna</i> akusatif dengan kasus berbaris atas

Jadual Fleksi 87

إِنَّ هُمْ إِلَّا يَخْرُصُونَ “dan mereka tidak lain hanyalah berdusta”	
إِنَّ	Huruf nafi tiada kefungsiian
هُمْ	Ganti nama <i>mabniy</i> dengan kasus sukun di tempat nominatif subjek
إِلَّا	Partikel <i>istithna:</i> ’ menunjukkan <i>al-ḥaṣr</i> ataupun <i>al-qaṣr</i>
يَخْرُصُونَ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus kekalan huruf نون. Pelakunya الواو gantinama bersambungan di tempat nominatif. <i>Jumlat</i> لَا يَخْرُصُونَ di tempat nominatif predikat

Jadual Fleksi 88

¹ Saḥaḥ al-Tafa:si:r jld.1 hlm414

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf nafi yang digunakan dalam ayat pertama dan kedua pula tidak mempunyai fungsi kerana tidak memenuhi syarat kefungsiannya. Ini kerana terdapat huruf **إِلَّا** selepasnya dalam ayat yang sama.

Penggunaan huruf **إِنْ** dalam jadual fleksi 87 dan 88 merujuk kepada makna nafi dan tidak berfungsi. Penggunaan **إِنْ** dengan makna penafian melihat kepada *siya:q al-kala:m* (penyampaian ayat) dan penggunaan **إِلَّا** (Partikel *al-ḥaṣr* ataupun *al-qāṣr*) yang telah menguatkan lagi isyarat bahawa penggunaan **إِنْ** dalam ayat ini bermaksud nafi. Ketidaksiyaannya pula adalah disebabkan **إِلَّا** (Partikel *al-ḥaṣr* ataupun *al-qāṣr*) yang berada dalam ayat yang sama selepas penggunaan **إِنْ** nafi.

4.3.58 Ayat 119

﴿ وَمَا لَكُمْ أَلَّا تَأْكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَقَدْ فَصَّلَ لَكُمْ مَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا اضْطُرِرْتُمْ إِلَيْهِ وَإِنَّ كَثِيرًا لَيُضِلُّونَ بِأَهْوَائِهِمْ بِغَيْرِ عِلْمٍ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِالْمُعْتَدِينَ ﴾

Terjemahan :

Dan tidak ada sebab bagi kamu, (yang menjadikan) kamu tidak mahu makan dari (sembelihan binatang-binatang halal) yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya, padahal Allah telah menerangkan satu persatu kepada kamu apa yang diharamkanNya atas kamu, kecuali apa yang kamu terpaksa memakannya? dan sesungguhnya kebanyakan manusia hendak menyesatkan dengan hawa nafsu mereka dengan tidak berdasarkan pengetahuan. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah Yang lebih mengetahui akan orang-orang yang melampaui batas.¹

A. Tafsiran ayat

Tidak ada larangan untuk memakan binatang yang disembelih dengan tangan kamu setelah kamu menyebut nama Allah ke atas sembelihan. Allah telah menerangkan segala

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 320

yang halal dan yang haram. Allah juga telah menjelaskan segala yang haram seperti bangkai dan darah melainkan dalam keadaan yang mendesak. Allah juga melarang dari terlibat dengan perkara yang syubhah yang mempengaruhi kamu oleh orang-orang yang ingin menyesatkan kamu. Orang-orang kafir selalu membantah-bantah untuk menyesatkan manusia dengan menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal dengan tidak didasari oleh syariat daripada Allah. Mereka merupakan orang-orang yang melampaui batas. Mereka telah dijanjikan Allah dengan azab yang pedih.¹

B. Fleksi :

مَا لَكُمْ أَلَّا تَأْكُلُوا	
“tidak ada sebab bagi kamu, (yang menjadikan) kamu tidak mahu makan”	
مَا	Huruf nafi tiada kefungsiian
لَكُمْ	Huruf genetif dan gantinama ditempat genetif
أَلَّا	Huruf <i>naṣb</i> dan huruf nafi tiada kefungsiian
تَأْكُلُوا	Kata kerja kala kini/depan akusatif dengan أَنْ dan tanda akusatifnya ialah di hazafkan huruf نون. Pelakunya الواو gantinama bersambungan di tempat nominatif

Jadual Fleksi 89

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Dalam kedua-dua jadual fleksi 89, huruf مَا digunakan untuk menunjukkan makna penafian. Penggunaan huruf nafi مَا dalam keadaan terpisah dari subjeknya merupakan salah satu petunjuk bahawa huruf ini tidak berfungsi.

Huruf nafi kedua dalam jadual fleksi 89 yang digunakan dalam ayat ini adalah huruf nafi tidak berfungsi. Kata kerja kala kini/depan yang akusatif adalah disebabkan oleh huruf أَنْ yang diidghamkan ke dalam huruf nafi. Bunyi ayatnya ialah : أَنْ لَا تَأْكُلُوا²

¹ Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm415

² I'ra:b al-Qur'a:n al-kari:m wa baya:nuhu jld.2 hlm 348

4.3.59 Ayat 121

﴿ وَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَإِنَّهُ لَفِسْقٌ وَإِنَّ الشَّيَاطِينَ لَيُوحُونَ إِلَيْهِمْ أَوْلِيَاءِهِمْ لِيَجَادِلُوكُمْ وَإِنْ أَطَعْتُمُوهُمْ إِنَّكُمْ لَمُشْرِكُونَ ﴾

Terjemahan :

*Dan janganlah kamu makan dari (sembelihan binatang-binatang halal) yang **tidak disebut** nama Allah ketika menyembelihnya, kerana sesungguhnya yang sedemikian itu adalah perbuatan fasik (berdosa); dan sesungguhnya syaitan-syaitan itu membisikkan kepada pengikut-pengikutnya, supaya mereka membantah (menghasut) kamu; dan jika kamu menurut hasutan mereka (untuk menghalalkan yang haram itu), sesungguhnya kamu tetap menjadi orang-orang musyrik.¹*

A. Tafsiran ayat

Allah melarang orang-orang mukmin memakan binatang yang tidak disebut nama Allah ketika menyembelihnya atau menyebut nama lain selain dari nama Allah seperti menyembelih kerana berhala. Perbuatan memakan makanan seperti itu merupakan perbuatan maksiat dan terkeluar dari ketaatan kepada Allah. Sesungguhnya syaitan akan membisikkan kepada orang-orang musyrikin supaya membantah orang-orang mukmin dengan pendustaan dengan berkata : “Adakah kamu makan dari apa yang kamu bunuh dan bukan yang Allah bunuh?” iaitu bangkai. Sekiranya orang-orang mukmin mendengar dan mentaati mereka dengan menghalalkan yang haram serta membantu mereka di atas kebathilan, maka sesungguhnya orang-orang mukmin itu juga seperti mereka.²

B. Fleksi :

<p>لَمْ يُذْكَرِ اسْمُ “tidak disebut nama“</p>	
لَمْ	Huruf nafi dan jazm
يُذْكَرِ	Kata kerja kala kini/depan berbentuk pasif <i>majzu:m</i> dengan kasus sukun dikasuskan dengan baris bawah kerana bertemu

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 321

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm415

	dua huruf sukun
اسم	Pelaku gantian nominatif dengan kasus berbaris hadapan

Jadual Fleksi 90

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf nafi yang digunakan dalam jadual fleksi 90 ayat ini merupakan huruf yang menjazamkan kata kerja kala kini/depan serta mengubah makna kepada kala lampau. Kata kerja kala kini/depan yang didepani huruf ini akan berubah kepada bentuk *majzu:m*. Fleksi kata kerja ini adalah seperti dalam jadual di atas.

4.3.60 Ayat 123

﴿وَكَذَلِكَ جَعَلْنَا فِي كُلِّ قَرْيَةٍ أَكْبَرًا مُّجْرِمِيهَا لِيَمْكُرُوا فِيهَا وَمَا يَمْكُرُونَ إِلَّا بِأَنْفُسِهِمْ وَمَا يَشْعُرُونَ﴾

Terjemahan :

*Dan demikianlah Kami adakan dalam tiap-tiap negeri orang-orang besar yang jahat supaya mereka melakukan tipu daya di negeri itu, padahal **tiadalah mereka memperdayakan** selain dari dirinya sendiri (kerana merekalah yang akan menerima akibatnya yang buruk), sedang **mereka tidak menyedarinya**.*¹

A. Tafsiran ayat

Allah menjadikan orang-orang terhormat di Mekah untuk menipudaya begitu juga Allah menjadikan dalam tiap-tiap negeri orang-orang jahat dan pembesar-pembesar yang jahat untuk membuat kerosakan. Mereka sebenar menipu diri mereka sendiri dalam keadaan yang mereka sendiri tidak menyedarinya.²

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 322

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm416

B. Fleksi :

<p>مَا يَمْكُرُونَ إِلَّا بِأَنْفُسِهِمْ</p> <p>“padahal tiadalah mereka memperdayakan selain dari dirinya sendiri (kerana merekalah yang akan menerima akibatnya yang buruk),”</p>	
مَا	Huruf nafi tiada kefungsian
يَمْكُرُونَ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus kekalan huruf نون. Pelakunya الواو gantinama bersambungan di tempat nominatif
إِلَّا	Partikel <i>istiithna:</i> ’ menunjukkan <i>al-ḥaṣr</i> ataupun <i>al-qaṣr</i>
بِأَنْفُسِهِمْ	Huruf genetif dan kata nama genetif. هم gantinama <i>mabniy</i> dengan kasus sukun di tempat genetif <i>mudha:f ilaihi</i>

Jadual Fleksi 91

<p>مَا يَشْعُرُونَ</p> <p>“mereka tidak menyedarinya”</p>	
مَا	Huruf nafi tiada kefungsian
يَشْعُرُونَ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus kekalan huruf نون. Pelakunya الواو ganti nama bersambungan di tempat nominatif

Jadual Fleksi 92

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan huruf مَا yang pertama dalam ayat ini merujuk kepada makna nafi dan tidak berfungsi kerana tidak memenuhi syarat kefungsian dengan sebab adanya huruf إِلَّا dalam ayat yang sama. Penggunaan مَا dengan makna penafian melihat kepada *siya:q al-kala:m* (penyampaian ayat). Kedua-dua huruf nafi مَا dalam ayat ini berada pada preposisi kata kerja kala kini/depan. مَا menafikan kata kerja kala lepas dan kala kini/depan. Apabila dimasukkan bersama kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan

keadaan semasa. Huruf ما biasanya digunakan bersama kata kerja kala lepas.¹ Untuk keterangan terperinci tentang huruf ini sila rujuk 4.3.1 Ayat 4 jadual fkesi 1.

4.3.61 Ayat 124

﴿ وَإِذَا جَاءَهُمْ آيَةٌ قَالُوا لَنْ نُؤْمِنَ حَتَّى نُؤْتَىٰ مِثْلَ مَا أُوتِيَ رُسُلَ اللَّهِ اللَّهُ أَعْلَمُ حَيْثُ يَجْعَلُ رِسَالَتَهُ سِيبُ الَّذِينَ أَجْرَمُوا صَغَارٌ عِنْدَ اللَّهِ وَعَذَابٌ شَدِيدٌ بِمَا كَانُوا يَمْكُرُونَ ﴾

Terjemahan :

Dan apabila datang kepada mereka sesuatu keterangan, mereka berkata: "Kami tidak akan beriman sehingga kami juga diberi (wahyu) sama seperti yang telah diberikan kepada pesuruh-pesuruh Allah". Allah lebih mengetahui di mana (dan kepada siapakah yang sepatutnya) ia berikan jawatan Rasul (dan wahyu) yang diberikanNya itu. orang-orang yang melakukan perbuatan yang salah itu akan ditimpa kehinaan di sisi Allah, dan azab seksa yang amat berat, disebabkan perbuatan tipu daya yang mereka lakukan.²

A. Tafsiran ayat

Apabila datang hujjah dan dalil yang menyokong kebenaran kerasulan Nabi Muhammad s.a.w yang mematahkan hujjah orang-orang musyrikin, lalu mereka pun berkata : “Kami tidak akan beriman sehingga kami diberikan mukjizat seperti mukjizat yang telah diberikan kepada Rasulullah s.a.w.” Allah maha mengetahui siapa yang berhak untuk menjadi rasul, maka Allah menetapkan orang yang dipilih iaitu Muhammad s.a.w dan dia bukan dari pembesar-pembesar Mekah seperti Abu Jahal dan Walid Ibn Mughirah. Selepas daripada itu mereka akan ditimpakan kehinaan dan azab yang pedih pada hari kiamat atas sebab penipuan dan perdustaan yang diada-adakan secara berterusan.³

¹ Mulakhkhaṣ Qawa'id al-Lughat al-'Arabiyyat hlm 150

² Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 322

³ Ṣafwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm416

B. Fleksi :

<p>قَالُوا لَنْ نُؤْمِنَ حَتَّى نُؤْتَىٰ مِثْلَ مَا أُوتِيَ رُسُلَ اللَّهِ</p> <p>“mereka berkata: "Kami tidak akan beriman sehingga kami juga diberi (wahyu) sama seperti yang telah diberikan kepada pesuruh-pesuruh Allah".”</p>	
قَالُوا	Kata kerja kala lampau <i>mabniy</i> dengan kasus berbaris hadapan kerana bersambung dengan الواو الجماعة sebagai pelaku
لَنْ	Huruf nafi dan <i>naṣb</i> memberikan makna kala kini/depan
نُؤْمِنَ	Kata kerja kala kini/depan akusatif dengan لَنْ dan tanda akusatifnya ialah baris atas. Pelakunya gantinama sembunyan taqdirnya نحن tempat nominatif
حَتَّىٰ	Huruf <i>gha:yaṭ</i> dan <i>jarr</i>
نُؤْتَىٰ	Kata kerja kala kini/depan akusatif dengan إِنَّ dan tanda akusatifnya ialah baris atas dengan takdir di atas huruf ألف kerana keuzuran dalam pengujaran. Pelakunya gantinama sembunyan di tempat nominatif taqdirnya نحن
مِثْلَ	<i>Maf‘u:lun bih</i> akusatif dengan kasus berbaris atas
مَا	<i>Isim maṣū:l mabniy</i> dengan kasus berbaris sukun di tempat genetif <i>mudha:f ilaihi</i>
أُوتِيَ	Kata kerja kala lampau dalam bentuk pasif, <i>mabniy</i> dengan kasus berbaris atas
رُسُلُ اللَّهِ	Pelaku gantian nominatif dengan kasus berbaris hadapan dan <i>Mudha:f ilaihi</i> genetif dengan kasus berbaris bawah

Jadual Fleksi 93

C. Struktur penggunaan huruf nafi

لَنْ merupakan huruf penafian kepada ayat سَوْفَ يَفْعَلُ (akan lakukan) – لَنْ يَفْعَلُ (tidak akan lakukan).¹ Dalam jadual fleksi 93 huruf لَنْ yang digunakan bersama-sama huruf *gha:yaṭ* حَتَّى telah menguatkan makna kala kini/depan ayat berkenaan. Dengan huruf لَنْ sahaja ia akan menunjukkan kala kini/depan dan penegasan sahaja tetapi ayat ini telah disokong lagi dengan huruf *gha:yaṭ*, bahawa orang-orang kafir ini tetap dengan

¹ Kita:b Ma‘aniy al-ḥuru:f hlm 100

kedegilan mereka tidak mahu beriman sehinggalah mereka juga diberikan wahyu sama seperti yang diberikan kepada Rasul.

4.3.62 Ayat 125

﴿ فَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ يَشْرَحْ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ وَمَنْ يُرِدْ أَنْ يُضِلَّهُ يَجْعَلْ صَدْرَهُ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأْتَمَا يصَعَّدُ فِي السَّمَاءِ كَذَلِكَ يَجْعَلُ اللَّهُ الرِّجْسَ عَلَى الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ ﴾

Terjemahan :

*Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi hidayah petunjuk kepadanya nescaya ia melapangkan dadanya (membuka hatinya) untuk menerima Islam; dan sesiapa yang Allah kehendaki untuk menyesatkannya, nescaya ia menjadikan dadanya sesak sempit sesempit-sempitnya, seolah-olah ia sedang mendaki naik ke langit (dengan susah payahnya). Demikianlah Allah menimpakan azab kepada orang-orang yang **tidak beriman**.*¹

A. Tafsiran ayat

Barangsiapa yang dikehendaki oleh Allah untuk diberikan petunjuk, maka Allah akan melemparkan cahaya ke dalam hati mereka dan akan melapangkan dada mereka. Itulah tanda petunjuk Islam. Dan barangsiapa yang dikehendaki Allah kesesatan maka Dia akan dada-dada mereka sempit sehingga tiada ruang untuk mendapat petunjuk. Seumpamanya Allah menjadikan dada orang-orang kafir sangat sempit begitulah juga Allah melemparkan azab kepada orang-orang yang tidak mahu beriman kepada Allah. Berkata Mujahid bahawa *al-Rijsu* الرِّجْسُ ialah sesuatu yang tiada langsung kebaikan padanya, manakala al-Zajjaj menyatakan bahawa ia adalah laknat di dunia dan di akhirat.²

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 323

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm417

B. Fleksi

الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ “orang-orang yang tidak beriman.”	
الَّذِينَ	Isim maṣūl mabniy dengan kasus berbaris atas di tempat genitif
لَا	Huruf nafi tiada kefungsi
يُؤْمِنُونَ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus kekal huruf نون. Pelakunya الواو ganti nama bersambungan di tempat nominatif

Jadual Fleksi 94

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf لَا yang digunakan dalam jadual fleksi 6 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan. Menurut ‘Abba:s Ḥasan لَا yang mendepani kata kerja adalah لَا yang tidak berfungsi, jika ia mendepani kata kerja kala kini/depan – menurut pendapat yang kuat – ia akan menunjukkan penafian kala kini/depan.¹

4.3.63 Ayat 130

يَا مَعْشَرَ الْجِنِّ وَالْإِنْسِ أَلَمْ يَأْتِكُمْ رُسُلٌ مِّنكُمْ يَتْلُونَ عَلَيْكُمْ آيَاتِي وَيُنذِرُونَكُمْ لِقَاءَ يَوْمِكُمْ هَذَا قَالُوا شَهِدْنَا عَلَىٰ أَنفُسِنَا وَغَرَّبْنَاهُمْ حَيَاةَ الدُّنْيَا وَشَهِدُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَنَّهُمْ كَانُوا كَافِرِينَ ﴿١٣٠﴾

Terjemahan :

Wahai sekalian jin dan manusia! **Bukankah telah datang kepada kamu** Rasul-rasul dari kalangan kamu sendiri, Yang menyampaikan kepada kamu ayat-ayatKu (perintah-perintahKu), dan Yang memberikan amaran kepada kamu tentang pertemuan kamu Dengan hari (kiamat) ini? mereka menjawab: "Kami menjadi saksi mengakui akan

¹ Al-Nahwu al-Wa:fiy jld.1 hlm 59

(kesalahan) diri Kami sendiri (mendustakan Rasul-rasul itu)". dan (sebabnya ialah) mereka telah diperdayakan oleh (kemewahan) hidup di dunia dan (kerana itulah) mereka menjadi saksi (pada hari akhirat) terhadap diri mereka sendiri: (bahawa) Sesungguhnya mereka adalah orang-orang Yang mengingkari (Apa Yang telah disampaikan oleh Rasul-rasul itu).¹

A. Tafsiran ayat

Satu pertanyaan berbentuk celaan terhadap manusia dan jin di hari akhirat bahawa telah datang kepada mereka, rasul-rasul dari kalangan mereka sendiri yang membacakan ayat-ayat Allah kepada mereka serta memberikan ancaman tentang azab yang sangat pedih pada hari akhirat. Lantas mereka pun mengakui kesalahan mereka sendiri bahawa Rasul utusan Allah telah datang dan memberikan ancaman kepada mereka. Mereka juga mengakui bahawa mereka telah kufur. Ini merupakan celaan kepada mereka di atas pendapat dan kritikan yang salah terhadap Allah dan RasulNya.²

B. Fleksi :

أَلَمْ يَأْتِكُمْ “Bukankah telah datang kepada kamu”	
أَ	Istifha:miyah
لَمْ	Huruf nafi dan jazm
يَأْتِكُمْ	Kata kerja kala kini/depan <i>majzu:m</i> dengan kasus dihapuskan huruf ‘ <i>illat</i> dan ganti nama <i>كُم</i> <i>mabniy</i> dengan kasus berbaris sukun di tempat akusatif <i>maf’u:lun bih</i> didahulukan

Jadual Fleksi 95

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf nafi yang digunakan dalam jadual fleksi 95 ayat ini merupakan huruf yang menjazamkan kata kerja kala kini/depan yang *mu’tall la:m*. Kata kerja *يَأْتِي* yang didahulukan oleh huruf jazm telah mengubah fleksi kata kerja ini menjadi kata kerja

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 324
² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm419

kala kini/depan *majzu:m* dan mengubah makna ayat kepada kala lampau. Fleksi kata kerja ini adalah seperti dalam jadual di atas.

4.3.64 Ayat 131

﴿ ذَلِكَ أَنْ لَمْ يَكُنْ رَبُّكَ مُهْلِكَ الْقُرَىٰ بِظُلْمٍ وَأَهْلُهَا غَافِلُونَ ﴾

Terjemahan :

Yang demikian (kedatangan rasul-rasul itu ialah), kerana **Tuhanmu tidak membinasakan negeri-negeri secara zalim sedang penduduknya leka lalai.**¹

A. Tafsiran ayat

Sesungguhnya Allah berbuat demikian dengan orang-orang kafir iaitu mengutuskan rasul-rasul kepada mereka untuk memberikan ancaman kepada mereka berkenaan dengan akibat buruk yang akan menimpa mereka kerana Allah maha adil dan tidak akan membinasakan sesuatu kaum sehingga diutuskan kepada mereka seorang rasul untuk memberikan peringatan.²

B. Fleksi :

لَمْ يَكُنْ رَبُّكَ مُهْلِكَ الْقُرَىٰ “Tuhanmu tidak membinasakan negeri-negeri”	
لَمْ	Huruf nafi dan <i>jazm</i>
يَكُنْ	Kata kerja kala kini/depan <i>na:qiş majzu:m</i> dengan kasus berbaris sukun dan dihapuskan <i>واو</i> kerana bertemu dua kasus sukun
رَبُّكَ	Subjek <i>كان</i> nominatif dengan kasus berbaris hadapan dan gantinama <i>ك</i> di tempat genitif <i>mudha:f ilaihi</i>
مُهْلِكَ	Predikat <i>كان</i> akusatif dengan kasus berbaris atas
الْقُرَىٰ	<i>Mudha:f ilaihi</i> genitif dengan kasus berbaris bawah ditaqdirkan kerana keuzuran dalam pengujaran

Jadual Fleksi 96


¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 325

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm420

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf nafi yang digunakan dalam jadual fleksi 96 ayat ini merupakan huruf yang menjazamkan kata kerja kala kini/depan yang *na:qis*. Kata kerja *يكون* yang didahulukan oleh huruf jazm telah mengubah fleksi kata kerja ini menjadi kata kerja kala kini/depan *majzu:m* dan mengubah makna ayat kepada kala lampau.

Penjelasan struktur :



4.3.65 Ayat 132

﴿وَلِكُلِّ دَرَجَاتٍ مِّمَّا عَمِلُوا وَمَا رَبُّكَ بِغَافِلٍ عَمَّا يَعْمَلُونَ﴾

Terjemahan :

*Dan bagi tiap-tiap seorang (dari manusia atau jin), beberapa darjat (tingkatan balasan) disebabkan (amal baik atau jahat) yang mereka telah kerjakan; dan (ingatlah) Tuhanmu tiadalah lalai dari apa yang mereka lakukan.*¹

A. Tafsiran ayat

Bagi setiap orang yang melakukan ketaatan dan kemaksiatan akan mendapat darjat dan tempat yang tertentu dari amalan mereka yang mereka kerjakan. Jika baik akan dibalas baik dan jika buruk akan dbalas buruk. Allah tidak alpa dan lalai dengan amalan yang telah dikerjakan oleh hambaNya.²

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 325

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm420

B. Fleksi :

<p>مَا رَبُّكَ بِعَافِلٍ</p> <p>“Tuhanmu tiadalah lalai dari apa yang mereka lakukan”</p>	
مَا	Huruf nafi berfungsi dengan makna لَيْسَ
رَبُّكَ	Subjek مَا nominatif dengan kasus berbaris hadapan dan ganti nama <i>mabniy</i> dengan kasus sukun di tempat genitif <i>mudha:f ilaihi</i>
بِعَافِلٍ	باء huruf jar tambahan dan kata nama genitif dengan kasus genitif di tempat akusatif predikat مَا .

Jadual Fleksi 97

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan huruf مَا dalam jadual fleksi 97 menunjukkan ia berfungsi sebagaimana لَيْسَ yang menominatifkan subjek dan mengakusatifkan predikat. Kefungsian huruf مَا dalam hal ini melihat kepada penggunaan al-Hija:ziyyu:n yang menjadikan huruf ini berfungsi seperti لَيْسَ pada keadaan indifinit dan difinit. Penambahan بَاء huruf genitif pada predikatnya pula adalah harus.

4.3.66 Ayat 134

﴿ إِنَّ مَا تُوعَدُونَ لَآتٍ وَمَا أَنْتُمْ بِمُعْجِزِينَ ﴾

Terjemahan :

Sesungguhnya apa yang dijanjikan kepada kamu (hari kiamat dan balasannya) tetap akan datang, dan **kamu tidak akan dapat** melepaskan diri (dari balasan itu).¹

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 326

A. Tafsiran ayat

Apa yang dijanjikan Allah dengan kedatangan hari kiamat, perhimpunan di padang mahsyar akan benar-benar berlaku dan kamu tidak akan dapat keluar dari kekuasaan dan balasanNya walaupun kamu lari sedaya upaya kamu.¹

B. Fleksi :

مَا أَنْتُمْ بِمُعْجِزِينَ “kamu tidak akan dapat melepaskan diri (dari balasan itu)”	
مَا	Huruf nafi berfungsi dengan makna لَيْسَ
أَنْتُمْ	Subjek مَا nominatif <i>mabniy</i> dengan kasus berbaris sukun
بِمُعْجِزِينَ	ياء huruf jar tambahan dan kata nama genitif dengan kasus ياء di tempat akusatif predikat مَا .

Jadual Fleksi 98

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan huruf مَا dalam jadual fleksi 98 ayat ini menunjukkan ia berfungsi sebagaimana لَيْسَ yang menominatiskan subjek dan mengakusatifkan predikat. Kefungsian huruf مَا dalam hal ini melihat kepada penggunaan al-Ḥija:ziyyu:n yang menjadikan huruf ini berfungsi seperti لَيْسَ pada keadaan indifinit dan difinit. Penambahan ياء huruf genitif pada predikatnya pula adalah harus.

¹ Ṣafwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm420

4.3.67 Ayat 135

﴿ قُلْ يَا قَوْمِ اَعْمَلُوا عَلٰى مَكَاتَتِكُمْ اِنِّىْ عَامِلٌ فَاَسَوْفَ تَعْلَمُوْنَ مَنْ تَكُوْنُ لَهُ عَاقِبَةُ الدَّارِ اِنَّهٗ لَا يُفْلِحُ الظَّالِمُوْنَ ﴾

Terjemahan :

*Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai kaumku (yang masih kafir), buatlah sedaya upaya kamu (untuk menentang Islam), sesungguhnya aku juga tetap beramal (berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mempertahankan Islam); kemudian kamu akan ketahui siapakah yang akan beroleh kebaikan dan kejayaan di dunia ini. Sesungguhnya tidak akan berjaya orang-orang yang zalim itu."*¹

A. Tafsiran ayat

Suruhan yang diperkatakan disini adalah untuk memberikan amaran kepada kaum kafir musyrikin bahawa orang-orang mukmin tidak akan berganjak dari melakukan apa yang disuruh oleh Allah untuk dikerjakan. Kemudian selepas daripada itu orang-orang musyrikin akan mengetahui siapakan yang kan mendapat balasan kebaikan pada hari akhirat sementara orang-orang kafir tidak akan berjaya dengan tuntutan mereka yang telah melakukan kezaliman.²

B. Fleksi :

<p>لَا يُفْلِحُ</p> <p>“tidak akan berjaya”</p>	
لَا	Huruf nafi tidak berfungsi
يُفْلِحُ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris hadapan pada sukukata akhir perkataan

Jadual Fleksi 99

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 326

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm420

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf لَا yang digunakan dalam jadual fleksi 99 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan.

4.3.68 Ayat 138

﴿ وَقَالُوا هَذِهِ أَنْعَامٌ وَحَرْتُ حِجْرًا لَا يَطْعَمُهَا إِلَّا مَنْ نَشَاءُ بِزَعْمِهِمْ وَأَنْعَامٌ حُرِّمَتْ ظُهُورُهَا وَأَنْعَامٌ لَا يَذْكُرُونَ اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهَا افْتِرَاءً عَلَيْهِ سَيَجْزِيهِمْ بِمَا كَانُوا يَفْتُرُونَ ﴾

Terjemahan :

*Dan mereka berkata lagi: "Ini adalah binatang-binatang ternak dan tanaman-tanaman yang dilarang, yang **tidak boleh seorang pun memakannya** kecuali sesiapa yang kami kehendaki", - menurut anggapan mereka; dan (sejenis lagi) binatang-binatang ternak yang dilarang menunggangnya; dan (sejenis lagi) bintang-bintang ternak yang **tidak mereka sebutkan** nama Allah ketika menyembelihnya; (semuanya itu mereka lakukan dengan) berdusta terhadap Allah. Allah akan membalas mereka disebabkan apa yang mereka telah ada-adakan itu.*

A. Tafsiran ayat

Ini merupakan salah satu kisah keburukan dan dosa besar orang-orang musyrikin. Mereka menganggap bahawa binatang-binatang ternak, hasil-hasil tanaman setiap dari mereka adalah untuk tuhan mereka yang telah dilarang untuk orang lain. Mereka memberi makan kepada berhala *al-atha:n* dan lain-lain berhala yang menurut anggapan palsu mereka tanpa bukti yang kuat. Mereka juga melarang dari menunggangi sejenis binatang seperti binatang yang dilepaskan kerana bernazar, juga binatang disembelih dengan menyebut nama berhala. Kesemua yang dilakukan ini adalah semata-mata pendustaan terhadap Allah yang diada-adakan.¹

¹ Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm421

B. Fleksi :

لَا يَطْعُمَهَا إِلَّا مَنْ تَشَاءُ “tidak boleh seorang pun memakannya kecuali sesiapa yang kami kehendaki”	
لَا	Huruf nafi tiada kefungsiian
يَطْعُمَهَا	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus nominatif manakala ها ganti nama bersambungan <i>mabniy</i> dengan kasus berbaris sukun di tempat akusatif <i>maf'u:lun bih</i>
إِلَّا	Partikel <i>istithna:</i> ’ menunjukkan <i>al-ḥaṣr</i> ataupun <i>al-qaṣr</i>
مَنْ	<i>Isim mausu:l mabniy</i> dengan kasus berbaris sukun di tempat nominatif sebagai pelaku
تَشَاءُ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris hadapan dan pelakunya ganti nama sembunyan taqdirnya نحن di tempat nominatif

Jadual Fleksi 100

لَا يَذْكُرُونَ “tidak mereka sebutkan”	
لَا	Huruf nafi tiada kefungsiian
يَذْكُرُونَ	Kata kerja kala kini/depan akusatif dengan <i>إِنْ</i> dan tanda akusatifnya ialah di hazafkan huruf نون. Pelakunya الواو gantinama bersambungan di tempat nominatif

Jadual Fleksi 101

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf لَا yang digunakan dalam jadual fleksi 100 dan 101 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan.

4.3.69 Ayat 140

﴿ قَدْ خَسِرَ الَّذِينَ قَتَلُوا أَوْلَادَهُمْ سَفَهًا بِغَيْرِ عِلْمٍ وَحَرَّمُوا مَا رَزَقَهُمُ اللَّهُ افْتِرَاءً عَلَى اللَّهِ قَدْ ضَلُّوا وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ ﴾

Terjemahan :

Sesungguhnya rugilah orang-orang yang membunuh anak-anak mereka kerana kebodohan, lagi tidak berpengetahuan (sedang Allah yang memberi rezeki kepada sekalian makhluknya), dan juga (rugilah orang-orang yang) mengharamkan apa yang telah dikurniakan oleh Allah kepada mereka, dengan berdusta terhadap Allah. Sesungguhnya sesatlah mereka, dan tiadalah mereka mendapat petunjuk.¹

A. Tafsiran ayat

Demi Allah, sesungguhnya telah rugilah bagi orang-orang yang bodoh kerana membunuh anak-anak mereka. Al-Zamakhsyariy mengatakan ayat ini diturunkan kepada Qabilah *Rabi: 'ah*, Qabilah *Mudharr* dan orang Arab yang membunuh anak-anak perempuan mereka takut ditawan dan miskin.² Mereka merupakan orang-orang yang jahil lagi bodoh dan cetek pemikiran. Mereka jahil bahawa yang sebenarnya menurunkan rezki ialah Allah. Mereka mengharamkan apa yang direzkikan kepada mereka oleh Allah s.w.t ke atas diri mereka dengan mengadakan pendustaan terhadap Allah. Sesungguhnya mereka semua telah sesat dari jalan kebenaran disebabkan perbuatan buruk mereka. Mereka bukanlah orang yang diberikan petunjuk dari mula lagi.³

B. Fleksi :

مَا كَانُوا مُهْتَدِينَ	
<i>“tiadalah mereka mendapat petunjuk.”</i>	
مَا	Huruf nafi tiada kefungsian
كَانُوا	Kata kerja kala lampau <i>na:qis mabniy</i> dengan kasus berbaris hadapan kerana bersambung dengan الواو الجماعة sebagai subjek كان
مُهْتَدِينَ	Predikat كان akusatif dengan kasus huruf ياء

Jadual Fleksi 102

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 328

² Al-Kasysya:f jld.2 hlm57

³ Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm 422

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan huruf nafi dalam jadual fleksi 102 mendepani kata kerja kala lampau. As Sibawaih (1982) berpendapat : مَا berfungsi “penafian” seperti ayat menyebut مَا يَفْعَلُ (dia kini tidak lakukan) sekiranya perbuatan kala kini/depan. Sekiranya klausa menyebut لَقَدْ فَعَلَ (sesungguhnya dia telah lakukan) maka penafiannya مَا فَعَلَ (dia sudah tidak lakukan) seolah-olah dia telah berkata وَاللَّهِ مَا فَعَلَ (Demi Allah dia sudah tidak lakukan).¹

4.3.70 Ayat 141

﴿ وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّاتٍ مَّعْرُوشَاتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ وَالزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أُكْلُهُ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُتَشَابِهًا وَغَيْرَ مُتَشَابِهٍ كُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَآتُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴾

Terjemahan :

*Dan Dia lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau.*²

A. Tafsiran ayat

Dialah Allah yang telah memberikan rezeki kepada kamu dengan berbagai-bagai nikmat semata-mata untuk tunduk patuh kepada Allah. Maka Dia telah jadikan untuk kamu kebun-kebun anggur yang dipagari yang diangkat ke atas para, juga tanaman yang dibiarkan di atas tanah. Allah menjadikan untuk kamu pohon kurma yang berbuah dan berbagai-bagai jenis buah-buahan dengan berbagai-bagai rasa, bentuk dan saiznya. Makanlah wahi manusia dari buah-buahan itu kemudian jangan lupa untuk

¹ Al-Kita:b jld.3 hlm 117

² Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 328

mengeluarkan zakat kepada fakir dan miskin setelah hasil kamu itu dituai jika terdapat lebih dari keperluan kamu. Janganlah sekali-kali membazir dan berlebih-lebih ketika memakannya kerana ia akan memudharatkan badan dan akal. Allah juga tidak suka kepada orang yang melakukan pembaziran.¹

B. Fleksi :

لَا يُحِبُّ “Allah tidak suka”	
لَا	Huruf nafi tidak berfungsi
يُحِبُّ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris hadapan Pelakunya ganti nama sembunyian taqdirnya هو di tempat nominatif

Jadual Fleksi 103

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf لَا yang digunakan dalam jadual fleksi 103 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan.

4.3.71 Ayat 144

﴿ وَمِنْ الْأَبْلِ اثْنَيْنِ وَمِنَ الْبَقَرِ اثْنَيْنِ قُلْ آلذَّكَرَيْنِ حَرَّمَ أَمِ الْإِنثَيْنِ أَمَّا اشْتَمَلَتْ عَلَيْهِ أَرْحَامٌ
 الْإِنثَيْنِ أَمْ كُنْتُمْ شُهَدَاءَ إِذْ وَصَّاكُمُ اللَّهُ بِهَذَا فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَى عَلَى اللَّهِ كَذِبًا لِيُضِلَّ
 النَّاسَ بِغَيْرِ عِلْمٍ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴾

Terjemahan :

Dan dari unta dua ekor (sepasang jantan betina), dan dari lembu dua ekor (sepasang jantan betina). Tanyalah (wahai Muhammad): "Adakah yang diharamkan Allah itu dua jantannya atau dua betinanya, atau yang dikandung oleh rahim dua betinanya?"

¹ Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm424

*ataupun kamu ada menyaksikan ketika Allah menyuruh serta menentukan kepada kamu (atau kepada datuk nenek kamu) dengan yang demikian ini?" Oleh itu, siapakah yang lebih zalim daripada orang yang berdusta terhadap Allah untuk menyesatkan manusia dengan tidak berdasarkan ilmu pengetahuan? Sesungguhnya Allah **tidak memberi petunjuk** kepada kaum yang zalim.¹*

A. Tafsiran ayat

Ayat ini merupakan celaan Allah terhadap kaum yang mengada-adakan pendustaan terhadap Allah dengan mengataka bahawa Allah telah mengharamkan ke atas mereka sesuatu dari empat jenis binatang serta menyatakan penipuan mereka dengan mengharamkan binatang ternakan yang jantan kemudian betina dan kemudain pula anak. Ini adalah suatu dakwaan yang diada-adakan oleh kaum musyrikin. Orang yang paling zalim ialah orang yang mengadakan pendustaan dan mengharamkan apa yang halal dengan tidak membawa dalil.²

B. Fleksi :

لَا يَهْدِي “tidak memberi petunjuk”	
لَا	Huruf nafi tiada kefungasian
يَهْدِي	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris hadapan dengan takdir kerana berat dalam pengujaran. Pelakunya ganti nama sembunyian taqdirnya هو di tempat nominatif

Jadual Fleksi 104

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf لَا yang digunakan dalam jadual fleksi 6 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 329

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm425

kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan. Menurut ‘Abbas Hasan لا yang mendepani kata kerja adalah لا yang tidak berfungsi, jika ia mendepani kata kerja kala kini/depan – menurut pendapat yang kuat – ia akan menunjukkan penafian kala kini/depan.¹

4.3.72 Ayat 145

﴿ قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنْزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهِلَّ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴾

Terjemahan :

Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi - kerana Sesungguhnya ia adalah kotor - atau sesuatu yang dilakukan secara fasik, iaitu binatang yang disembelih atas nama yang lain dari Allah". Kemudian sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginiya dan tidak melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu maha pengampun, lagi maha mengasihani.²

A. Tafsiran ayat

Allah menerangkan kepada orang-orang musyrikin binatang yang halal dimakan kecuali bangkai, darah yang mengalir dan daging babi kerana ia kotor dan najis disebabkan ia selalu memakan najis. Juga haram memakan binatang yang disembelih bukan di atas nama Allah seperti sembelih untk berhala kecuali dalam keadaan yang terpaksa dengan syarat bukan untuk menikmatinya. Sesungguhnya Allah itu maha pengampun dan maha mengasihani.³

¹ Al-Nahwu al-Wa:fiy jld.1 hlm 59

² Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 330

³ Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm425

B. Fleksi

لَا أَجِدُ “Aku tidak dapati”	
لَا	Huruf nafi tiada kefungasian
أَجِدُ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris hadapan Pelakunya ganti nama sembunyian taqdirnya أَنَا di tempat nominatif

Jadual Fleksi 105

غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ “tidak menginginiya dan tidak melampaui batas”	
غَيْرَ	<i>ḥa:l</i> akusatif dengan kasus berbaris atas
بَاغٍ	<i>Mudha:f ilaihi</i> genitif dengan kasus berbaris bawah
وَا	Huruf ‘atf
لَا	Huruf nafi tambahan dan penegas penafian
عَادٍ	<i>Ma’tu:f</i> kepada <i>mudha:f ilaihi</i> genitif dengan kasus genitif

Jadual Fleksi 106

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf لَا yang digunakan dalam jadual fleksi 105 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan.

Penggunaan huruf لَا dalam jadual fleksi 106 tidak memberikan kesan perubahan pada kata nama indifinit yang berada didepannya. Huruf لَا dalam ayat ini merupakan tambahan dan kesan penegasan pada makna akan lebih jelas. Keterangan lanjut boleh dilihat dalam sub topik 4.3.21 ayat 38 penjelasan jadual fleksi 31.

4.3.73 Ayat 147

﴿ فَإِنْ كَذَّبُوكَ فَقُلْ رَبُّكُمْ ذُو رَحْمَةٍ وَاسِعَةٍ وَلَا يُرَدُّ بَأْسُهُ عَنِ الْقَوْمِ الْمُجْرِمِينَ ﴾

Terjemahan :

*Kemudian jika mereka mendustakanmu (wahai Muhammad) maka katakanlah: "Tuhan kamu mempunyai rahmat yang luas melimpah-ruah, dan azab seksaNya **tidak dapat ditolak** dari kaum yang berdosa".¹*

A. Tafsiran ayat

Ayat ini berkaitan dengan ayat sebelumnya bahawa Nabi Muhammad s.a.w telah didatangkan keterangan oleh Allah tentang pengharaman orang-orang Yahudi memakan semua binatang berkuku serta lemak kambing dan lembu kecuali lemak belakang dan yang menyelaputi bahagian dalam perut. Sekiranya mereka ini mengatakan ia adalah suatu pendustaan maka Allah itu amat luas rahmatNya dan tidak akan menangguhkan balasan yang sangat pedih disebabkan dosa-dosa yang mereka lakukan.²

B. Fleksi :

لَا يُرَدُّ	
“dan azab seksaNya tidak dapat ditolak dari kaum yang berdosa”	
لَا	Huruf nafi tidak berfungsi
يُرَدُّ	Kata kerja kala kini/depan berbentuk pasif nominatif dengan kasus berbaris hadapan

Jadual Fleksi 107

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf لَا yang digunakan dalam jadual fleksi 106 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan.

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 331

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm 426

4.3.74 Ayat 148

﴿ سَيَقُولُ الَّذِينَ أَشْرَكُوا لَوْ شَاءَ اللَّهُ مَا أَشْرَكْنَا وَلَا آبَاؤُنَا وَلَا حَرَمْنَا مِنْ شَيْءٍ كَذَلِكَ كَذَّبَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ حَتَّى ذَاقُوا بَأْسَنَا قُلْ هَلْ عِنْدَكُمْ مِنْ عِلْمٍ فَتُخْرِجُوهُ لَنَا إِنْ تَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَإِنْ أَنْتُمْ إِلَّا تَخْرُصُونَ ﴾

Terjemahan :

Orang-orang musyrik akan mengatakan: "Kalau Allah menghendaki tentulah kami dan datuk nenek kami tidak mempersekutukannya (dengan sesuatu yang lain), dan tidak pula Kami haramkan sesuatu apa pun". Demikianlah juga orang-orang yang dahulu sebelum mereka telah mendustakan (rasul-rasul) sehingga mereka merasai azab seksa kami. katakanlah: Adakah kamu mempunyai (sesuatu keterangan yang berdasarkan) ilmu supaya dapat kamu tunjukkan kepada Kami? tiadalah kamu menurut melainkan sangkaan semata-mata, dan kamu pula tidak lain hanyalah berdusta".¹

A. Tafsiran ayat

Ayat ini merupakan dolak dalih kaum musyrikin Mekah dengan pendustaan yang telah diada-adakan terhadap Allah dan RasulNya s.a.w. Umat terdahulu telah ditimpakan azab akibat daripada kedegilan mereka untuk beriman dan menyembah Allah. Mereka berhujjah bahawa mereka menjadi kufur adalah disebabkan kehendak Allah sedang mereka sebenarnya orang-orang yang *mukallaf* dan diberi pilihan untuk memilih mana yang baik dan mana yang buruk. Mereka juga dicabar supaya mengeluarkan bukti terhadap dakwaan mereka. Sesungguhnya dakwaan mereka itu adalah sangkaan semata-mata dan pada hakikatnya mereka dengan sengaja mengadakan pendustaan terhadap Allah.²

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 331

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm 426 dan 427

B. Fleksi :

<p>لَوْ شَاءَ اللَّهُ مَا أَشْرَكْنَا وَلَا آبَاؤُنَا وَلَا حَرَمْنَا مِنْ شَيْءٍ</p> <p>“Kalau Allah menghendaki tentulah kami dan datuk nenek kami tidak mempersekutukanNya (dengan sesuatu yang lain), dan tidak pula kami haramkan sesuatu apa pun”</p>	
لَوْ	Huruf <i>syarṭ</i> tidak menjazamkan kata kerja
شَاءَ	Kata kerja kala lampau <i>mabniy</i> dengan kasus berbaris atas.
اللَّهُ	Pelaku nominatif dengan kasus berbaris hadapan
مَا	Huruf nafi tiada kefungisian
أَشْرَكْنَا	Kata kerja kala lampau <i>mabniy</i> dengan kasus sukun kerana bersambungan dengan نا pelaku di tempat jawab <i>syarṭ</i>
وَ	Huruf ‘ <i>atf</i>
لَا	Huruf nafi tambahan dan penegas penafian
آبَاؤُنَا	<i>Ma ‘tu:f</i> kepada pelaku nominatif dengan kasus berbaris hadapan dan ganti nama <i>mabniy</i> dengan kasus sukun di tempat genetif <i>mudha:f ilaihi</i>
وَ	Huruf ‘ <i>atf</i>
لَا	Huruf nafi tambahan untuk penegasan penafian
حَرَمْنَا	Kata kerja kala lampau <i>mabniy</i> dengan kasus sukun kerana bersambungan dengan نا pelaku nominatif dengan kasus berbaris hadapan <i>ma ‘tu:f</i> kepada kata kerja dan gantinama <i>أَشْرَكْنَا</i>
مِنْ شَيْءٍ	Huruf genetif dan kata nama genetif

Jadual Fleksi 108

<p>إِنْ تَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ</p> <p>“tiadalah kamu menurut melainkan sangkaan semata-mata”</p>	
إِنْ	Huruf nafi tiada kefungisian
تَتَّبِعُونَ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus kekal huruf نون. Pelakunya الواو gantinama bersambungan di tempat nominatif
إِلَّا الظَّنَّ	Partikel <i>istithna:’</i> dan <i>mustathna</i> akusatif dengan kasus akusatif

Jadual Fleksi 109

إِنَّ أَنْتُمْ إِلَّا تَخْرُصُونَ “dan kamu pula tidak lain hanyalah berdusta”	
إِنَّ	Huruf nafi tiada kefungasian
أَنْتُمْ	Ganti nama <i>mabniy</i> dengan kasus sukun di tempat nominatif subjek
إِلَّا	Partikel <i>istithna:</i> ’ menunjukkan <i>al-ḥaṣr</i> ataupun <i>al-qaṣr</i>
تَخْرُصُونَ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus kekalan huruf نون. Pelakunya الواو gantinama bersambungan di tempat nominatif. <i>Jumlat</i> لَا يَخْرُصُونَ di tempat nominatif predikat

Jadual Fleksi 110

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan huruf nafi dalam jadual fleksi 108 mendepani kata kerja kala lampau. As Sibawaih berpendapat : مَا berfungsi “penafian” seperti ayat menyebut مَا يَفْعَلُ (*dia kini tidak lakukan*) sekiranya perbuatan kala kini/depan. Sekiranya klausa menyebut لَقَدْ فَعَلَ (*sesungguhnya dia telah lakukan*) maka penafiannya مَا فَعَلَ (*dia sudah tidak lakukan*) seolah-olah dia telah berkata وَاللَّهِ مَا فَعَلَ (*Demi Allah dia sudah tidak lakukan*).¹

Penggunaan huruf لَا dalam jadual fleksi 108 tidak memberikan kesan perubahan pada kata nama difinit (آبَاءَنَا). Huruf لَا dalam ayat ini merupakan tambahan dan kesan penegasan pada makna akan lebih jelas.

Manakala kata kerja kala lampau (حَرَمْنَا) yang berada didepannya pula, juga dalam jadual fleksi 108, menurut Abdur Rahman Al Maidaniy huruf ini wajib diulangi jika mendepani kata kerja kala lampau dari aspek lafaz mahupun takdir sahaja, melainkan dalam ayat *du‘a* dan ayat yang mengandungi kata kerja kala lampau yang

¹ Al-Kita:b jld 3 hlm 117

bermaksud kala kini/depan. Terdapat hanya satu sahaja huruf لا digunakan mendepani kata kerja kala lampau dalam surah ini, itupun dengan sebab *tauki:d*.¹

Penggunaan huruf إن dalam jadual fleksi 109 dan 110 merujuk kepada makna nafi dan tidak berfungsi. Penggunaan إن dengan makna penafian melihat kepada *siya:q al-kala:m* (konteks ayat) dan penggunaan إلا (Partikel *al-ḥaṣr* ataupun *al-qaṣr*) yang telah menguatkan lagi isyarat bahawa penggunaan إن dalam ayat ini bermaksud nafi. Ketidaksiannya pula adalah disebabkan إلا (Partikel *al-ḥaṣr* ataupun *al-qaṣr*) yang berada dalam ayat yang sama selepas penggunaan إن nafi.

4.3.75 Ayat 150

﴿ قُلْ هَلْ مَشَاهِدٌ كُمْ الَّذِينَ يَشْهَدُونَ أَنَّ اللَّهَ حَرَّمَ هَذَا فَإِنْ شَهِدُوا فَلَا تَشْهَدُ مَعَهُمْ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَالَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ وَهُمْ بِرَبِّهِمْ يَعْدِلُونَ ﴾

Terjemahan :

Katakanlah: "Bawalah saksi-saksi kamu memberi keterangan bahawa Allah mengharamkan (benda-benda yang kamu haramkan) ini". Kemudian jika mereka (tergamak) menjadi saksi (secara dusta), maka janganlah engkau turut sama membenarkan mereka; dan janganlah engkau turut hawa nafsu orang-orang yang mendustakan ayat-ayat keterangan kami, dan orang-orang yang tidak beriman kepada hari akhirat, sedang mereka pula menyamakan (sesuatu yang lain) dengan tuhan mereka.²

A. Tafsiran ayat

Ayat ini juga merupakan cabaran untuk dihadapkan saksi-saksi yang boleh menyokong kata-kata kaum musyrikin bahawa Allah telah mengharamkan *bahi:raṭ*³, *sa:ibat*⁴ atau yang lain dari keduanya. Kalaupun saksi-saksi itu datang nescaya mereka akan turut berbohong. Mereka ini tidak boleh dipercayai atau turut dipercayai mereka. Mereka

¹ Al-Bala:ghaṭ al-‘Arabiyat : Ususuha: Wa ‘Ulu:muha: Wa Fununuha: hlm 203

² Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 332

³ Unta zaman jahiliah yang dibelah telinga atau binatang ternakan yang banyak susu.

⁴ Binatang yang dilepaskan kerana bernazar

ialah orang-orang yang tidak pernah mempercayai hari akhirat. Mereka mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain serta menyembah berhala.¹

B. Fleksi :

لَا يُؤْمِنُونَ “orang-orang yang tidak beriman”	
لَا	Huruf nafi tiada kefungisian
يُؤْمِنُونَ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus kekalan huruf نون. Pelakunya الواو gantinama bersambungan di tempat nominatif

Jadual Fleksi 111

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf لَا yang digunakan dalam jadual fleksi 111 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan..

4.3.76 Ayat 152

﴿وَلَا تَقْرُبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُ وَأَوْفُوا بِالْكَيْلِ وَالْمِيزَانَ بِالْقِسْطِ لَا نُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا وَإِذَا قُلْتُمْ فَاعْدِلُوا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ وَبِعَهْدِ اللَّهِ أَوْفُوا ذَٰلِكُمْ وَصَاكُم بِهِ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

Terjemahan :

"Dan janganlah kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya), sehingga ia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri); dan sempurnakanlah segala sukatan dan timbangan dengan adil". - **Kami tidak memberatkan** seseorang dengan kewajiban melainkan sekadar kesanggupannya - "dan apabila kamu mengatakan sesuatu (semasa

¹ Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm427

membuat apa-apa keterangan) maka hendaklah kamu berlaku adil, sekalipun orang itu ada hubungan kerabat (dengan kamu); dan perjanjian (perintah-perintah) Allah hendaklah kamu sempurnakan. Dengan Yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu beringat (mematuhiNya)".¹

A. Tafsiran ayat

Ayat ini merupakan ayat hukum yang dibacakan oleh Nabi Muhammad s.a.w kepada kaum musyrikin Mekah berkenaan dengan harta anak yatim dan sempurnakan timbangan dengan adil dalam urusan jual beli. Juga berlaku adil terhadap dalam menjatuhkan hukuman dan persaksian walaupun orang yang dipersaksikan itu merupakan kaum kerabat kita sendiri. Wajib menunaikan janji di atas nama Allah sekiranya sudah melafazkan janji itu. Semua itu adalah perintah Allah supaya diingati dan disedari sentiasa.²

B. Fleksi :

لَا نُكَلِّفُ “Kami tidak memberatkan”	
لَا	Huruf nafi tiada kefungisian
نُكَلِّفُ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris hadapan Pelakunya ganti nama sembunyian taqdirnya نحن di tempat nominatif

Jadual Fleksi 112

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf لَا yang digunakan dalam jadual fleksi 112 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan.

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 333

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm429

4.3.77 Ayat 158

﴿ هَلْ يَنْظُرُونَ إِلَّا أَنْ تَأْتِيَهُمُ الْمَلَائِكَةُ أَوْ يَأْتِيَ رَبُّكَ أَوْ يَأْتِيَ بَعْضُ آيَاتِ رَبِّكَ يَوْمَ يَأْتِي بَعْضُ آيَاتِ رَبِّكَ لَا يَنْفَعُ نَفْسًا إِيْمَانُهَا لَمْ تَكُنْ آمَنَتْ مِنْ قَبْلُ أَوْ كَسَبَتْ فِي إِيمَانِهَا خَيْرًا قُلِ انتظِرُوا إِنَّا مُنْتَظِرُونَ ﴾

Terjemahan :

Apakah (yang ditunggu-tunggu oleh mereka yang tidak beriman itu?) mereka tidak menunggu melainkan kedatangan malaikat (yang mencabut nyawa mereka), atau kedatangan (azab) Tuhanmu, atau kedatangan sebahagian dari tanda-tanda Tuhanmu (yang menjadi alamat hari kiamat). Pada hari datangnya sebahagian dari tanda-tanda Tuhanmu itu, **tidak berfaedah lagi** iman seseorang yang **tidak beriman sebelum itu**, atau yang tidak berusaha mengerjakan kebaikan mengenai imannya. katakanlah: "Tunggulah kamu (akan apa yang kamu berhak mendapatnya), dan kami pun sebenarnya menunggu (akan apa yang telah dijanjikan oleh Tuhan kepada kami)".¹

A. Tafsiran ayat

Orang-orang musyrikin menunggu kedatangan malaikat mencabut nyawa mereka dengan penuh penyiksaan atau datang perintah Allah untuk membunuh mereka atau datang kepada mereka tanda kiamat seperti terbit matahari dari sebelah barat. Pada masa itu pintu taubat telahpun ditutup dan semuanya menjadi sia-sia sahaja. Maka tunggulah, Allah akan memberikan ancaman azab seperti yang dijanjikan sesuai dengan mereka.²

B. Fleksi :

لَا يَنْفَعُ "tidak berfaedah lagi"	
لَا	Huruf nafi tiada kefungisian
يَنْفَعُ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris hadapan

Jadual Fleksi 113

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 335

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm 431

لَمْ تَكُنْ آمَنْتَ “tidak beriman sebelum itu,”	
لَمْ	Huruf nafi dan <i>jazm</i>
تَكُنْ	Kata kerja kala kini/depan <i>na:qis majzu:m</i> dengan kasus berbaris sukun dan dihafafkan واو kerana bertemu dua kasus sukun
آمَنْتَ	Kata kerja kala lampau <i>mabniy</i> dengan kasus berbaris sukun kerana bersambung dengan تاء التأنيث di tempat nominatif sebagai pelaku


Jadual Fleksi 114

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf لا yang digunakan dalam jadual fleksi 113 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan.

Huruf nafi yang digunakan dalam jadual fleksi 114 ayat ini merupakan huruf yang menjazamkan kata kerja kala kini/depan yang *na:qis*. Kata kerja تكون yang didahulukan oleh huruf jazm telah mengubah fleksi kata kerja ini menjadi kata kerja kala kini/depan *majzu:m*.

Penjelasan struktur :



4.3.78 Ayat 160

﴿ مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا يُجْزَى إِلَّا مِثْلَهَا وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴾

Terjemahan :

Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya; dan sesiapa yang membawa amal kejahatan, maka ia **tidak dibalas** melainkan (kejahatan) yang sama dengannya; sedang **mereka tidak dianiaya** (sedikitpun).¹

A. Tafsiran ayat

Berbuat baik akan dibalas kebaikan sepuluh kali sedangkan jika berbuat jahat akan dibalas kejahatan yang sama dengannya. Allah tidak akan mengurangkan balasan baik terhadap mereka sedikitpun.²

B. Fleksi :

لَا يُجْزَى إِلَّا مِثْلَهَا	
“tidak dibalas melainkan (kejahatan) yang sama dengannya”	
لَا	Huruf nafi tiada kefungisian
يُجْزَى	Kata kerja kala kini/depan berbentuk pasif nominatif dengan baris hadapan ditaqdirkan kerana keuzuran dalam pengujaran dan pelaku gantiannya ialah gantinama sembunyan dengan andaian هو
إِلَّا	Partikel <i>istithna:</i> ’ menunjukkan <i>al-ḥaṣr</i> ataupun <i>al-qaṣr</i>
مِثْلَهَا	<i>Maf’u:lun bih</i> akusatif dengan kasus berbaris atas dan ganti nama <i>mabniy</i> dengan kasus sukun di tempat genetif <i>mudha:f ilaihi</i>

Jadual Fleksi 115

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 336

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm431

لَا يُظْلَمُونَ "mereka tidak dianiaya"	
لَا	Huruf nafi tidak berfungsi
يُظْلَمُونَ	Kata kerja kala kini/depan nominatif berbentuk pasif dengan mengekalkan نون dan واو ialah pelaku gantian manakala ayat لَا يُظْلَمُونَ berada di tempat predikat nominatif

Jadual Fleksi 116

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf لَا yang digunakan dalam jadual fleksi 115 dan 116 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan.

4.3.79 Ayat 161

﴿ قُلْ إِنِّي هَدَانِي رَبِّي إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ دِينًا قِيمًا مِّلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴾

Terjemahan :

Katakanlah (Wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku telah diberikan petunjuk hidayah oleh Tuhanku ke jalan yang betul lurus, (kepada) agama yang tetap teguh, iaitu agama Nabi Ibrahim yang ikhlas, dan tiadalah ia dari orang-orang musyrik".¹

A. Tafsiran ayat

Nabi Muhammad telah diberikan petunjuk oleh Allah s.w.t dengan jalan yang betul dan lurus serta memandunya kepada agama Nabi Ibrahim a.s yang ikhlas. Nabi Ibrahim a.s bukanlah tergolong dari kalangan orang-orang musyrikin.²

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 336

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm431

B. Fleksi :

مَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ “tiadalah ia dari orang-orang musyrik”	
مَا	Huruf nafi tiada kefungisian
كَانَ	Kata kerja kala lampau <i>na:qiş</i> nominatif dengan kasus berbaris atas dan pelakunya ganti nama sembunyian taqdirnya هو di tempat nominatif subjek كان
مِنَ الْمُشْرِكِينَ	Huruf genetif dan kata nama genetif di tempat akusatif predikat كان

Jadual Fleksi 117

C. Struktur penggunaan huruf nafi

Penggunaan huruf nafi dalam jadual fleksi 117 mendepani kata kerja kala lampau. As Sibawaih (1982) berpendapat : مَا berfungsi “penafian” seperti ayat menyebut مَا يَفْعَلُ (dia kini tidak lakukan) sekiranya perbuatan kala kini/depan. Sekiranya klausa menyebut لَقَدْ فَعَلَ (sesungguhnya dia telah lakukan) maka penafiannya مَا فَعَلَ (dia sudah tidak lakukan) seolah-olah dia telah berkata وَاللَّهِ مَا فَعَلَ (Demi Allah dia sudah tidak lakukan).¹

4.3.80 Ayat 163

﴿ لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ ﴾

Terjemahan :

Tiada sekutu bagiNya, dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan, dan aku (di antara seluruh umatku) adalah orang Islam yang awal pertama - (yang berserah diri kepada Allah dan mematuhi perintahNya).²

¹ Al-Kita:b jld.3 hlm 117

² Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 336

A. Tafsiran ayat

Allah tidak mempunyai sekutu dan kepadaNya kita berserah diri, beribadat kepadaNya dengan ikhlas dan kita mengaku bahawa akulah orang yang pertama tunduk, patuh, berserah diri dengan sesungguhnya kepada Allah.¹

B. Fleksi :

لَا شَرِيكَ لَهُ “Tiada sekutu bagiNya”	
لَا	لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ
شَرِيكَ	Subjek لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ mabniy dengan kasus berbaris di atas di tempat akusatif
لَهُ	Huruf genitif dan gantinama genitif di tempat nominatif predikat لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ

Jadual Fleksi 118

C. Struktur penggunaan huruf nafi

لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ ialah huruf yang berfungsi seperti إِنَّ mengakusatifkan subjek dan menominatifkan predikat. Berbeza dengan لَا النَّافِيَةَ لِلْوَحْدَةِ yang berfungsi sebagaimana كَانَ. Penggunaan لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ dalam jadual fleksi 118 bertujuan menafikan semua jenis keraguan tanpa ada sebarang andaian yang lain telah menguatkan penyampaian ayat ini. Sementara subjek لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ ialah kata nama indifinit yang mabniy adalah selari sebagaimana penggunaannya dalam ilmu sintaksis bahasa Arab

¹ Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm432

4.3.81 Ayat 164

﴿ قُلْ أَغَيْرَ اللَّهِ أَبْغِي رَبًّا وَهُوَ رَبُّ كُلِّ شَيْءٍ وَلَا تَكْسِبُ كُلُّ نَفْسٍ إِلَّا عَلَيْهَا وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُم مَّرْجِعُكُمْ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴾

Terjemahan :

Katakanlah: "(sesudah aku mentauhidkan Allah dan berserah diri kepadaNya) patutkah aku mencari Tuhan selain Allah, padahal Dialah Tuhan bagi tiap-tiap sesuatu? dan tiadalah (kejahatan) yang diusahakan oleh tiap-tiap seorang melainkan orang itulah sahaja yang menanggung dosanya; dan seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja); kemudian kepada Tuhan kamulah tempat kamu kembali, lalu ia menerangkan kepada kamu akan apa yang kamu berselisihan padanya.¹

A. Tafsiran ayat

Pengakuan dan celaan terhadap orang-orang kafir dan dengan sebab berhala mereka berpaling dari menyembah Allah. Allah tuhan sekalian alam merupakan pencipta dan memiliki segala sesuatu. Bagaimana mungkin mereka mengambil tuhan selain dari Allah. Setiap kejahatan oleh seseorang itu akan ditanggung sendiri olehnya. Kemudian Allah memberikan ancaman dan janji buruk kepada orang-orang musyrikin tentang tempat kembali mereka pada hari kiamat. Mereka akan dibalas dengan apa yang mereka kerjakan dan diasingkan orang yang berbuat kebaikan dengan orang yang berbuat kejahatan.²

B. Fleksi :

لَا تَكْسِبُ	
“tiadalah (kejahatan) yang diusahakan”	
لَا	Huruf nafi tiada kefungisian
تَكْسِبُ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris hadapan

Jadual Fleksi 119

¹ Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran hlm 337

² Safwat al-Tafa:si:r jld.1 hlm431

لَا تَزِرُ “tidak akan memikul”	
لَا	Huruf nafi tiada kefungisian
تَزِرُ	Kata kerja kala kini/depan nominatif dengan kasus berbaris hadapan

Jadual Fleksi 120


C. Struktur penggunaan huruf nafi

Huruf لَا yang digunakan dalam jadual fleksi 120 mendepani kata kerja kala kini/depan tidak mengubah kasus kata kerja serta membawa maksud tidak. Apabila ia mendahului kata kerja kala kini/depan ia akan menafikan kata kerja itu untuk waktu kala kini/depan.

4.4 KEKERAPAN PENGGUNAAN GAYA BAHASA PENAFIAN DALAM SURAH.

Surah al-An'a:m terdiri dari 164 ayat, 81 ayat daripadanya menggunakan gaya bahasa nafi. Huruf nafi telah digunakan sebanyak 126 kali dalam surah ini, 5 daripadanya tidak menunjukkan makna penafian seperti ¹إِلَّا dan ²لولا.


PECAHAN JUMLAH HURUF NAFI YANG TERDAPAT DALAM SURAH AL-AN'A:M



Jumlah Partikel Nafi Yang Terdapat Dalam Surah Al-An'a:m (118)

¹ Ayat 31 dan 62
² Ayat 8,37 dan 43

PERBANDINGAN PENGGUNAAN HURUF NAFI DENGAN *MANFIYYATNYA*



4.4.1 Huruf لا¹

Huruf لا berulangan sebanyak 60 kali. 17 kali mendepani kata nama indifinit, 7 kali daripadanya adalah لا النَّافِيَةِ لِلْجِنْسِ. 1 kali mendepani kata ganti nama dan 1 kali mendepani kata kerja kala lampau dengan sebab توكيد. 41 kali mendepani kata kerja kala kini/depan. Ia tidak mendepani huruf genitif dan juga zorf.

لا النَّافِيَةِ لِلْجِنْسِ digunakan dengan makna **tiada** dan **tidak ada**. Manakala fungsi لا النَّافِيَةِ لِلْجِنْسِ yang ditemui dalam surah ini telah menafikan semua yang sejenis subjek daripada kata nama indifinit.

¹ Rujuk lampiran 1

Penggunaan ﻻ mendepani kata nama samada difinit atau indifinit merupakan ﻻ yang diulangi untuk menguatkan makna penafian. Penggunaannya mendepani kata nama indifinit adalah lebih banyak.

Penggunaan ﻻ mendepani kata kerja kala kini/depan adalah untuk menafikan waktu kala kini/depan. Penggunaannya mendepani kata kerja kala kini/depan adalah lebih dominan. Terdapat sekali sahaja penggunaan ﻻ mendepani kata kerja kala lampau. Pengkaji mendapati penggunaannya adalah untuk menguatkan penafian sebelumnya.

4.4.2 Huruf مَا¹

Huruf مَا berulang sebanyak 32 kali. 2 kali mendepani kata nama difinit satu daripadanya berfungsi dengan fungsi ﻻيْسَ . 6 kali mendepani kata ganti nama berfungsi dengan fungsi ﻻيْسَ . 11 kali mendepani kata kerja kala lampau dan 7 kali mendepani kata kerja kala kini/depan dengan 3 sebab iaitu قصر, عطف dan جملة حالية . 5 kali mendepani huruf genitif dan 1 kali mendepani *zorf maka:n*.

Huruf مَا yang ditemui dalam surah ini digunakan mendepani kata nama difinit atau kata ganti nama samada berfungsi dengan kefungsiian ﻻيْسَ ataupun tidak². Huruf مَا diterjemahkan dengan *tiadalah, bukanlah* dan *tidak*. Jika huruf مَا mendepani kata nama difinit atau kata ganti nama, ia digunakan menjadikan huruf ini berfungsi sebagaimana ﻻيْسَ . Huruf مَا lebih kerap digunakan mendepani kata nama indifinit.³

¹ Rujuk lampiran 1

² Tidak memenuhi syarat kefungsiian untuk berfungsi sebagaimana ﻻيْسَ

³ Mu'jam al-Qawa'id al-'Arabiyaṭ fi al-Nahwi wa al-Taṣri:f hlm 401

4.4.3 Huruf ¹إِنْ

Huruf ¹إِنْ berulang sebanyak 11 kali. 3 kali mendepani kata nama difinit dan 4 kali mendepani kata ganti nama. 4 kali mendepani kata kerja kala kini/depan dan tidak terdapat ¹إِنْ yang mendepani kata kerja kala lampau.

4.4.4 Huruf لَمْ

Huruf لَمْ berulang sebanyak 14 kali. Semuanya digunakan mendepani kata kerja kala kini/depan.

4.4.5 Huruf كُنْ

Huruf كُنْ digunakan sekali sahaja mendepani kata kerja kala kini/depan.

4.4.6 Huruf لَا yang digabungkan dengan huruf *istifha:m* dan لَوْ

Huruf ¹إِلَّا digunakan 2 kali, 1 kali mendepani kata kerja kala lampau dan 1 kali mendepani huruf jar. Penggunaan kedua-dua huruf ini tidak menunjukkan makna nafi.


Huruf أَفْلا berulang sebanyak 3 kali. Semuanya digunakan mendepani kata kerja kala lampau. Huruf ini digunakan untuk menyampaikan maksud celaan dengan terjemahannya “*tidakkah*”.

Huruf لَوْلا berulang sebanyak 3 kali. 2 kali mendepani kata kerja kala lampau. 1 kali mendepani ظرف زمان .


Untuk melihat keadaan ini dengan lebih jelas sila rujuk lampiran 1.

¹ Rujuk lampiran 1


PERBANDINGAN PENGGUNAAN HURUF MENDEPANI KATA NAMA DAN KATA KERJA



PENGGUNAAN HURUF NAFI DENGAN KATA NAMA DARI SUDUT DIFINITI



PENGUNAAN PARTIKEL NAFI DARI SUDUT KEFUNGSIAN



4.5 KESIMPULAN

Al-Quran merupakan mukjizat kekal yang ditinggalkan oleh Rasulullah s.a.w kepada kita untuk diterokai. Kehalusan seni gaya bahasa al-Quran telah menjadi tarikan kepada pendengar untuk mendengar dan memahami al-Quran dan mendalami agamanya. Kepelbagaian dalam penyampaian isi kandungan al-Quran dari sudut pengkisahan, pernyataan hukum, ancaman, kenikmatan, gambaran suasana dan sebagainya telah membentuk al-Quran dengan kepelbagaian ragam ayat.

Penggunaan ayat penafian (الجملة المنفية) dalam al-Quran di samping ayat tanpa penafian (الجملة المثبتة) menunjukkan bahawa penggunaan ayat jenis ini mempunyai peranan yang besar dalam penyampaian seruan Islam kepada umat manusia. Sesuatu perkara yang penting tidak semestinya disampaikan secara terus dengan hanya

menggunakan laras bahasa yang biasa sahaja, sesekali ia mungkin lebih dimengertikan dengan menggunakan laras bahasa yang sebaliknya.

Setelah diteliti berdasarkan kajian yang telah dibuat melalui analisis ke atas surah al-An‘a:m, 81 ayat daripada 165 ayat dalam surah ini terdapat penggunaan huruf nafi dan daripada 81 ayat itulah terdapat 118 kali penggunaan huruf nafi. Antara tujuan dan subjektif penggunaan huruf nafi dalam ayat :

1. Menegaskan maksud kepada pendengar
2. Menjelaskan kesamaran dan keraguan
3. Kesesuaian dalam penyampaian
4. Menyatakan ketetapan hukum dengan jelas
5. Menjelaskan yang khusus untuk memahami yang umum atau sebaliknya

Dan yang lebih penting ialah al-Quran telah mengajar dan menerangkan kepada kita panduan kekal tentang kaedah ilmu tatabahasa Arab sebagai salah satu ilmu yang terkandung di dalamnya.